

Bil. 17

**Isnin
13 Ogos 2018**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
PENERANGAN DARIPADA MENTERI KEWANGAN	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 20)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018	(Halaman 21)
USUL-USUL: - Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 20)
- Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018	(Halaman 27)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Puan Rina binti Mohd Harun [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Tenaga Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Mohd Redzuan Yusof [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP

22. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
23. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Tenaga Manusia, Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH

18. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Tuan Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
9. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
10. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
11. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
12. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
13. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
14. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
15. “ Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
16. “ Laksamana Muda Dato’ Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR

22. Yang Berhormat Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
24. “ Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR
25. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
40. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
41. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
42. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
43. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
44. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
45. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
46. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
47. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
48. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
49. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
50. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
51. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
52. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
53. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
54. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
55. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
56. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
57. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
58. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
59. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
60. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
61. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR

62. Yang Berhormat Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
63. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
64. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
65. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
66. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
67. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
68. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
69. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
12. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] – UMNO
13. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
14. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
15. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
16. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
17. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
18. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
19. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO

20. Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
21. “ Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO
23. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
24. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
25. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
26. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
27. “ Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
29. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
30. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
31. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
32. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
33. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
34. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
35. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
36. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
37. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
38. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
39. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
40. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
41. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
42. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] – UMNO
43. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
44. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
45. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
46. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
47. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
48. “ Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC

49. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasar Salak] – UMNO
50. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
51. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
53. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO
54. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasar Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasar Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]

7. Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
2. “ Dato’ Dr. Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai]
3. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBR)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nurammarah binti Md Isa
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Muhammad Firdaus bin Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 13 Ogos 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan dasar atau syarat-syarat pemberian bantuan kepada tiga kategori nelayan iaitu nelayan tradisi, nelayan kerja kedua dan nelayan pesara kerajaan. Adakah nelayan tradisi dilayan sama dengan kategori yang lain.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tangga Batu, apabila kita turun ke bawah untuk melihat sendiri tentang perkembangan ataupun prestasi ataupun bagaimana kehidupan golongan nelayan ini, saya tidak keberatan untuk bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kadang-kadang kita sendiri yang mengkategorikan nelayan ini. Ada nelayan baru, ada nelayan yang dianggap tradisi, ada nelayan yang mengerjakan secara profesional atau komersial, ada yang baru-baru belajar. Namun begitu Yang Berhormat, bagi kementerian ini, kita tidak mengkategorikan bantuan yang dibuat berasaskan kepada tradisi, nelayan kerja yang kedua ataupun seumpamanya.

Bantuan yang diberikan kepada nelayan oleh kerajaan hanya diberikan kepada nelayan tulen. Maksudnya benar-benar mereka menjadikan kerjaya ataupun profesion sebagai nelayan. Maka dengan itu, kita tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti memiliki kad pendaftaran nelayan yang sah, memiliki lesen *vessel* dan perkakas bekerja menangkap ikan yang sekurang-kurangnya kita ukur mereka turun ke laut 120 hari setahun. Maka dengan KPI inilah kita *insya-Allah* akan kategorikan mereka itu sebagai nelayan tulen. Maka, hasrat kementerian...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tak sabar-sabar nak bangun. Maka hasrat kementerian adalah untuk kita benar-benar memastikan setiap aset, setiap bantuan, setiap apa pun manfaat daripada kementerian ini mesti sampai kepada golongan sasaran iaitu mereka yang benar-benar berhasrat menjadi dan mereka memang berkerjaya sebagai seorang nelayan yang kita anggap sebagai nelayan tulen. Terima kasih.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Di Tangga Batu Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 200 orang nelayan. Jadi, penambahan laut yang dibuat secara besar-besaran di Melaka beberapa tahun dulu telah memberikan banyak kesan negatif kepada nelayan, di mana aras laut menjadi lebih tinggi. Jadi apabila aras laut menjadi lebih tinggi ini, nelayan-nelayan yang ingin menyungkur geragau, istilah dia ialah menyungkur untuk membuat cencaluk dan belacan adalah terjejas. Apabila aras laut menjadi tinggi di pantai, nelayan-nelayan yang kurang berkemampuan untuk pergi ke tengah laut untuk tangkapan yang lebih memberangsangkan, hanya boleh beraktiviti di pantai dan pendapatan mereka adalah kurang. Jadi saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan meneruskan kerana ada cakap-cakap yang mengatakan bahawa subsidi petrol, bantuan sara hidup dan juga bantuan intensif RM0.10 sekilo bagi hasil tangkapan akan dihapuskan.

Sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan takziah kepada keluarga pelajar MiCoST, Allahyarham anakanda Muhammad Syafiq, 18 tahun dan keluarganya kerana terkorban semalam di Pantai Puteri. Saya harap ia bukanlah kerana penambakan laut yang telah meninggikan aras laut. Terima kasih.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Tangga Batu itu berkaitan dengan isu-isu penambakan laut ataupun isu-isu yang melibatkan tentang pencemaran akibat daripada mungkin bahan-bahan kimia ataupun aktiviti-aktiviti yang di luar daripada kawalan kita yang berlaku di Selat Melaka.

■1010

Saya bagi pihak kementerian mengharapkan supaya Yang Berhormat Tangga Batu hanya mendengar cakap saya sahaja. Jangan dengar cakap orang lain. Dengar cakap saya itu maknanya kenyataan rasmi daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu kerana memberikan soalan itu. Jaminan yang diberikan oleh kerajaan adalah sebarang elaun, sebarang bantuan, insentif yang telah pun termaktub di dalam peruntukan kementerian ini sejak tahun 2008 akan dipastikan sampai dan didapati kepada golongan sasar iaitu nelayan.

Kita akan melihat daripada masa ke semasa tentang keperluan-keperluan termasuklah pelan mitigasi yang akan kita lakukan terhadap isu spesifik yang berlaku kepada nelayan di tempat Yang Berhormat di Tangga Batu di mana suatu projek komuniti yang dilaksanakan oleh SIRIM Berhad yang bertajuk *Inovasi Bed Geotextile* di bawah program *MOSTI Social Innovation (MSI)*.

Jadi saya rasa untuk tujuan memelihara hakisan pantai ini dan isu-isu yang lain ini, ia akan dapat kita atasi secara spesifik. Saya yakin dan percaya bahawa nasib ataupun kedudukan para nelayan ini sama ada mereka nelayan pantai, nelayan laut dalam, kita akan pastikan mereka mendapat dan kalau berlakunya isu-isu semasa yang melibatkan pencemaran ataupun hakisan pantai, itu akan kita rundingkan secara profesional dengan kementerian-kementerian lain yang terlibat. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan pada pagi ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya kira dalam jawapan kepada soalan asal tadi, Yang Berhormat ada menyatakan mengenai kemungkinan ataupun mengenai sara hidup nelayan ini akan diteruskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Parlimen Parit Sulong ini mempunyai hampir 1,000 nelayan yang mendaftar.

Jadinya soalan tambahan saya adalah apakah perancangan kementerian, selain daripada bergantung kepada elaun sara hidup ini, perancangan kementerian untuk membantu meningkatkan sumber pendapatan kepada institusi nelayan ini? Saya bagi contoh. Adakah pihak kementerian ingin memperbanyakkan lagi pasar-pasar nelayan ataupun pembinaan togok-togok bagi mereka ini boleh meningkatkan pendapatan apabila kurangnya pendapatan mereka disebabkan keadaan musim yang tidak menentu? Terima kasih.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan dari Yang Berhormat Parit Sulong. Saya ingin memberikan penjelasan di sini bahawa dalam perancangan masa depan kementerian ini, yang pertama sekali, kita akan melaksanakan program pemutihan. Adalah perlu untuk kita memastikan *database* kita adalah terkini, efisien dan dengan *database* itulah kita akan membangunkan kembali bagaimana kita melihat secara spesifik tentang kategori nelayan-nelayan yang mencari makan daripada kerja nelayan ini. Daripada situlah nanti kita akan melihat bagaimanakah nilai tambah atau *value change* itu akan dapat kita pastikan.

Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa di samping kita melihat tentang kedudukan taman-taman laut kita, saya rasa perlu untuk kita tambah togok. Togok ini adalah bahasa orang Johor ini. Tapi togok ini adalah di mana kita meletakkan rumah-rumah tiruan ikan ini untuk ikan itu membiak dan ini adalah suatu perbincangan berterusan dengan pihak taman laut supaya kita dapat dua matlamat iaitu dari segi alam sekitar, pemeliharaan togok itu ataupun taman laut itu terpelihara tetapi dalam masa yang sama ikan-ikan itu boleh membiak.

Yang kedua, Yang Berhormat, kita harus mengunjurkan pelan tindakan yang lebih efisien. Kalau hanya bergantung dengan laut, saya rasa tidak mungkin kita dapat meningkatkan pendapatan nelayan ini. Maka dengan penemuan-penemuan baharu Kementerian, hasil daripada penyelidikan MARDI, kita ada *variety* baru nanas, sebagai contoh MD2, yang begitu popular. Tanah-tanah belakang rumah ataupun nelayan yang memiliki tanah ini, kita akan galakkan menanam tanaman ini. Kita ada rambutan baharu, klon paling baharu iaitu mutiara merah, mutiara madu yang mahal harganya di pasaran. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rambutan kalau pergi beli tepi jalan tidak ada lagi 20 sen, 30 sen tapi RM1, RM2— mahal hari ini. Jadi produk-produk yang seperti ini kita akan galakkan supaya mereka menjadikan tanaman-tanaman ini sebagai tanaman sampingan yang boleh menambahkan pendapatan mereka.

Demikian juga saya rasa di masa depan *varieties* baru ini seperti MD2 dan rambutan ini akan dapat juga menembusi pasaran khususnya Tanah Besar China yang saya rasa kalau kita dapat untuk menyelesaikan isu-isu protokol kita dengan Tanah Besar China ini, saya rasa lebih banyak lagi buah-buahan tempatan ini akan dapat kita eksport dan sekali gus akan dapat meningkatkan pendapatan petani dan nelayan-nelayan kita. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah beri dua soalan tambahan. Saya hendak terus kepada soalan yang seterusnya.

2. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] minta Menteri Kerja Raya menyatakan senarai terkini tol-tol yang akan dimansuhkan bagi membantu meringankan beban rakyat dan bilakah jangkaan ia akan dilaksanakan.

Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Padang Terap yang juga dijadualkan pada hari ini dan juga soalan ahli Yang Berhormat Jelutong bertarikh 14 Ogos 2018 kerana ia berkait dengan isu yang sama iaitu tentang cadangan kerajaan untuk menghapuskan tol. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin bagi memenuhi janji-janji dalam Buku Pakatan Harapan. Ini termasuklah cadangan menghapuskan tol lebuh raya di negara ini. Namun begitu, kerajaan mengakui cadangan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan khususnya akibat daripada tekanan kewangan semasa yang sedang dihadapi kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meneliti dan mengambil kira secara mendalam pelbagai faktor serta implikasi yang mungkin akan timbul akibat daripada cadangan penghapusan tol lebuh raya di negara ini. Sebagaimana yang saya telah maklumkan di Dewan yang mulia ini sebelum ini, anggaran kos pampasan tol yang terlibat, jika cadangan ini dilaksanakan, ialah melebihi daripada RM400 bilion.

Sehubungan dengan itu dan setelah menimbang faktor utama berkenaan, kerajaan bersetuju untuk menangguhkan dahulu cadangan penghapusan tol sehingga keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan mengizinkan. Dalam masa yang sama juga, kerajaan menerusi Majlis Kos Sara Hidup Negara akan meneliti opsyen-opsyen lain yang lebih praktikal dan bermanfaat bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat secara keseluruhan. Sekian, terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sebut pada pagi ini bahawa janji Pakatan Harapan tentang penghapusan tol ini adalah merupakan salah satu yang ditunggu oleh rakyat. Maka ini seharusnya ditunaikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

■1020

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri saya ingin memetik satu kenyataan pada malam 1 Ogos, ahli majlis mesyuarat atau ahli Majlis CEP Profesor Dr. Jomo Kwame Sundaram berkata bahawa janji menghapuskan tol Kerajaan Pakatan Harapan patut difikirkan semula kerana ia menelan belanja yang besar selaras dengan jawapan Yang Berhormat Menteri.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada 2 Ogos Yang Berhormat Menteri pun sudah nyatakan bahawa jika penghapusan tol ini dilakukan ia memakan belanja yang besar sebanyak RM400 bilion. Maka, ini seharusnya menjadi pertimbangan kepada kerajaan sebelum buat janji kepada rakyat. Apa yang penting bagi saya hendak nyatakan pada hari ini ialah rakyat menunggu janji yang dibuat oleh kerajaan walaupun tidak dilakukan secara total dalam tempoh 100 hari yang mana ada tinggal empat hari sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Kalau tidak ikut pun 100 hari sekurang-kurangnya kerajaan bagi satu harapan kepada rakyat berapa banyak *engagement* yang dah dibuat kepada 31 konsesi tol. Sekurang-kurangnya dah buat perbincangan dengan dua, tiga konsesi bahawa ini adalah antara perkara yang dijalankan oleh kerajaan untuk langkah-langkah tertentu bagi penghapusan tol bagi masa akan datang. Bukan kita jawab, "*Kita teliti kita kaji, kita teliti kita kaji*". Ini tidak boleh menyelesaikan masalah.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut bahawa ini adalah antara manifesto yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Cuma pagi ini saya hendak sebut, boleh tidak Yang Berhormat Menteri bagi *confirmation*, dengan izin bahawa janji ini adalah merupakan janji yang tidak boleh dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kita tarik balik daripada Manifesto. Itu yang kedua. Ketiga, ataupun sekurang-kurangnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu soalan sahaja ini. Minta satu soalan tambahan sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dia ada kaitan Tuan Yang di-Pertua, ataupun sekurang-kurangnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, ini Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan. Minta...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Satu sahaja *last*. Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, rebat 50 peratus kerajaan akan bagi kepada pengguna tol. Tidak boleh hapus 100 peratus kita bagi 50 peratus. Bukan sahaja ketika perayaan tetapi sepanjang masa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Terlebih dahulu saya ingin membetulkan bahawa menghapuskan tol tidak termasuk dalam janji 100 hari ya. [*Tepuk*] Itu bukan dalam 100 hari. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan baru ini adalah satu kerajaan yang bertanggungjawab dan *practical*. Seperti mana yang saya telah maklumkan, kita telah meneliti keadaan kewangan negara seratus peratus yang kita tidak tahu sebelum ini. Selepas kita mengambil alih kerajaan Tuan Yang di-Pertua, kita tahu tentang status yang sebenar keadaan kewangan negara. Itu sebabnya kita meneliti kembali walaupun ini termasuk dalam manifesto Pakatan Harapan tapi kita hendak menjadi satu kerajaan yang bertanggungjawab juga. Oleh kerana itu kita memutuskan supaya *final decision* dengan izin, akan ditangguhkan kerana keadaan kewangan negara ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, saya ingin hendak memaklumkan soalan nombor dua tadi daripada Yang Berhormat Jelebu juga serentak dengan jawapan Yang Berhormat Padang Terap dan pertanyaan Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan satu, Kubang Kerian.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tadi tiga soalan tambahan telah pun saya berikan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tiga soalan?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Baru dua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kena bagi dua orang Tuan Yang di-Pertua, mana boleh seorang Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, baru dua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, mohon satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masuk tadi telah tiga soalan tambahan tadi.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dua, baru dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan dengan soalan nombor tiga daripada. Baru satu?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu lagi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Satu lagi.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai, Bagan Serai!

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon Kubang Kerian.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sangat penting.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian, Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tol Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Soalan saya untuk Yang Berhormat Menteri, kalau keadaan kewangan mengizinkan pada masa yang akan datang, adakah tol Kempas akan jadi tol pertama yang akan dihapuskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tol Kempas.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat ya. Seperti mana yang saya telah maklumkan keadaannya akan diteliti dan keputusan muktamad akan dikeluarkan selepas keadaan ekonomi negara kembali stabil dan mengizinkan. Masa itulah kita akan meneliti semuanya dan akan memutuskan di manakah keputusan yang terbaik dari segi keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu soalan lagi, Kuala Terengganu.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tol. Bagan Serai, penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah bagi dua soalan, saya hendak teruskan kerana banyak lagi soalan pertanyaan lisan. Saya menjemput Yang Berhormat Johor Bahru.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Janji tinggal mimpi.

3. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan formula dan tempoh pelaksanaan bagi mengurangkan kesesakan dalam tempoh masa menunggu terutamanya rakyat Malaysia yang hendak ke Singapura melalui Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), Johor.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru yang telah menanyakan soalan mengenai formula dan tempoh pelaksanaan bagi mengurangkan kesesakan dalam tempoh masa menunggu terutamanya rakyat Malaysia yang hendak ke Singapura melalui Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), di Johor. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Menteri atau JIM sedia maklum mengenai situasi kesesakan trafik di CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan CIQ, Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Johor Bahru.

Bagi rakyat Malaysia yang hendak ke Singapura melalui kedua-dua CIQ ini, pemeriksaan imigresen hanya melibatkan pemeriksaan dan imbasan pasport ke dalam sistem berpusat Imigresen bagi membantu mengurangkan kesesakan trafik terutamanya pada waktu puncak, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengecualikan pengambilan cap jari biometrik kepada semua pelawat yang menaiki kereta dan lori.

Walau bagaimanapun faktor kesesakan ini adalah turut berpunca apabila pihak berkuasa Singapura melaksanakan pemeriksaan penuh terhadap semua kenderaan dan pelawat yang masuk dari Malaysia sehingga melimpah ke dalam CIQ di Malaysia. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ketika membuat lawatan pertama beliau selaku Menteri Dalam Negeri ke BSI pada 28 Jun 2018 yang lalu telah memaklumkan bahawa tempoh selama tiga bulan akan diberikan kepada pasukan khas di bawah kerajaan negeri untuk mengkaji dan membawa langkah-langkah komprehensif bagi mengatasi kesesakan di kedua-dua CIQ ini.

Antara cadangan jangka pendek yang dicadangkan adalah supaya pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) memindahkan kaunter tambah nilai *Touch 'n Go* sedia ada ke kawasan lain agar tidak menjejaskan trafik di dalam kawasan CIQ ini. Selain itu, JIM Johor juga akan diperkasakan dengan penambahan kakitangan baru bagi memastikan semua kaunter dapat beroperasi secara menyeluruh.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen selaku peneraju yang bertanggungjawab dalam memantau isu-isu semasa di CIQ ini sentiasa bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Johor, Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri dan agensi keselamatan lain contohnya Majlis Keselamatan Negara dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk menggembeng usaha berhubung dengan masalah ini. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan. *Alhamdulillah* memang diakui sejak Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan negara, isu di CIQ ini diambil begitu serius. Malah seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tersebut memang perkara tersebut sedang berlaku di CIQ untuk soal penambah baikkan tetapi ada beberapa perkara yang saya hendak sebut di sini supaya dapat diambil dalam tindakan Yang Berhormat Menteri.

Salah satunya sebelum ini timbul, bukan waktu sekarang tetapi sebelum ini timbul soal bayaran lewat OT ataupun kerja lebih masa terhadap pegawai-pegawai yang bertugas dan juga mereka menyebut bahawa cadangan supaya dikontrakan dengan cuti tahunan itu tidak berapa dipersetujui. Bagi mereka dah lah staf sebelum ini kurang kemudian mereka terpaksa tambah cuti tahunan sebab bekerja lebih masa. Jadi, yang itu saya rasa perlu diberikan perhatian kepada Yang Berhormat Menteri sebab sebagai sebuah Pakatan Harapan kita sangat peka dengan kebajikan pegawai-pegawai. Akan tetapi satu lagi isu yang lebih mendesak sebab yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi banyak dalam soal seperti *Touch 'n Go* nya, pemeriksaan imigresen, kastam dan sebagainya.

■1030

Jadi, saya nak minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Dalam soal kita nak tingkatkan kecekapan, komitmen yang lebih tinggi daripada pegawai dan juga proses yang lebih efisien, apakah pandangan kementerian agar kita wujudkan satu agensi tunggal untuk mengurus tadbir sempadan ini di kedua-dua CIQ ini supaya proses ini lebih berkesan? Ini

termasuk dalam soal aspek Imigresen, aspek Kastam, pengurusan polis trafik, saman, laluan, pengurusan bangunan dan sebagainya. Ini kerana sekarang ini memang banyak agensi yang terlibat.

Jadi, saya nak tanya kepada kementerian. Adakah boleh untuk kita teliti supaya semua agensi ini kita rangkumkan sebagai satu badan agensi tunggal yang mana selain kita dapat memelihara, memerhatikan dan juga menjaga kebajikan pegawai yang bertugas supaya motivasi mereka tinggi tetapi pada masa yang sama, kita dapat bagi *service* yang terbaik kepada rakyat Malaysia? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Johor Bahru dan terima kasih di atas keprihatinannya. Yang Berhormat, bila menyebut tentang saranan beliau mengenai elaun lebih masa terhadap pegawai-pegawai, khususnya Imigresen. Saya amat setuju dengan saranan ini sebenarnya dan sebelum ini pun dalam ucapan penggulungan kementerian baru-baru ini, saya telah menyatakan tentang elaun lebih masa pegawai-pegawai Imigresen yang belum dibayar sejak bulan Mac tahun ini sehingga sekarang. Ini perlu diambil pertimbangan yang serius oleh Kementerian Kewangan agar dalam belanjawan akan datang, bukan hanya tentang elaun lebih masa. Saya juga ada sebut sebelum ini, kebajikan anggota-anggota keselamatan kita, khususnya pihak polis, perlu diambil pertimbangan yang serius kerana kita inginkan agar kebajikan mereka ini kita ambil kira.

Untuk menjawab pertanyaan tambahan tadi berkenaan dengan sama ada boleh diwujudkan satu agensi yang boleh merangkumi atau melihat tentang perkara yang berlaku di CIQ dan KSAB ini. Untuk makluman Yang Berhormat Johor Bahru, sewaktu lawatan pertama sebagaimana saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Menteri pada 28 Jun 2018, cadangan itu pun telah sebenarnya dibangkitkan. Kerajaan sedang meneliti cadangan ini agar diwujudkan satu agensi tunggal bagi tujuan mengkoordinasi operasi di CIQ, BSI dan KSAB. Memandangkan terdapat pelbagai agensi yang melibatkan pelbagai kementerian terlibat dalam operasi di kedua-dua CIQ ini.

Contohnya, di peringkat Kementerian Dalam Negeri sendiri, kita ada JIM, kita ada polis tetapi kementerian-kementerian lain juga ada beroperasi di sana. Untuk makluman, di BSI sendiri ada 23 agensi yang beroperasi di sana. Di KSAB ada 13 agensi. Jadi, kita sedang menimbang tentang perkara ini dan Yang Berhormat Menteri pun telah memberikan tempoh masa kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri untuk berbincang agar penubuhan *one single unit* untuk memantau perjalanan di tempat ini dapat diselaraskan. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kesesakan di Tambak Johor ini amat kronik sebenarnya dan kita juga pernah melalui dan bersama melihat kesesakan itu. Sebagai cara untuk mengatasinya, maka kerajaan terdahulu telah membina *Second Link* atau Link Kedua atau dipanggil juga sebagai Tuas *Second Link* bagi memastikan kesesakan di Tambak Johor dikurangkan. Pertanyaan saya, Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini pada 31 Mac 2018 mengurangkan kadar tol. Kemudian pada 1 April 2018, Kerajaan Singapura juga mengurangkan kadar tol. Saya kira tol di kawasan itu patut dihapuskan supaya Tambak Johor tidak lagi sesak dan sebahagian besar akan berpindah ke *Second Link* kerana kapasiti di *Second Link* adalah 200,000 kenderaan.

Adakah kerajaan akan mengkaji cadangan itu? Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. *Insyallah* kita akan kaji cadangan ini. Pandangan ini kita akan bawa ke peringkat kementerian dan kita akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

4. Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah kementerian ingin memastikan lunas-lunas Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dapat dijaga dengan baik bagi menjamin kesejahteraan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen. Asas dalam Perkara 152 ialah bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu yang diperkukuhkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32] yang memperuntukkan bahawa kecuali

sebagaimana diperuntukkan dalam akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dalam Malaysia, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa bergerak seiring dengan KPM dalam usaha tersebut, selari dengan matlamat penubuhan DBP melalui Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995 [Akta A930] iaitu menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Untuk memantapkan perpaduan, bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa perantara utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan atau mana-mana institusi pendidikan lain yang telah dikecualikan oleh Menteri Pendidikan.

Peranan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu sebagai asas perpaduan diberikan penekanan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 sehingga 2010 dan diteruskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 yang memberi penekanan kepada pembinaan negara bangsa iaitu melalui bahasa Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu telah diangkat untuk merangsang perpaduan kaum dan seterusnya menyatukan etnik di Malaysia.

Selain itu, usaha menyatukan turut diperluaskan melalui kegiatan kokurikulum yang melibatkan murid-murid pelbagai bangsa yang memberikan peluang untuk berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka dengan menggunakan bahasa Melayu. Aktiviti kokurikulum dilaksanakan secara bersama-sama untuk penyatuan perpaduan rakyat di negara ini melalui aktiviti, kelab dan yang membolehkan pelajar dapat berinteraksi antara satu sama lain dalam komuniti tersebut. Mereka juga berpeluang memupuk nilai-nilai murni seperti kerjasama dan semangat kekitaan.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, KPM telah melaksanakan mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) iaitu mata pelajaran wajib perlu diambil oleh pelajar di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Antara MPU yang wajib dilaksanakan adalah Kursus Hubungan Etnik dan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia bagi pelajar warganegara yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantara serta kursus Bahasa Melayu (Komunikasi) 1 dan 2 untuk pelajar bukan warganegara. Kerajaan Pakatan Harapan juga berikrar akan terus memperluaskan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu *lingua franca* serantau.

Selari dengan tekad memartabatkan bahasa Melayu ini, kerajaan baharu dan DBP akan melancarkan Tekad Bahasa Kebangsaan yang akan melangkaui pelan komprehensif untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama di tanah air di kalangan penutur bahasa Melayu di rantau Asia dan juga menjadi bahasa popular di persada dunia. Bagi tujuan tersebut, peranan DBP dalam perkembangan bahasa kebangsaan akan diperkasa supaya setara dengan institusi antarabangsa seperti British Council di UK dan Goethe Institute di Jerman. Sekian sahaja, ribuan terima kasih.

■1040

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah— sebelum itu saya ingin bersama-sama Yang Berhormat Menteri menyatakan di sini dan mengiktiraf sebagai rakyat Malaysia, Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya bahawa setiap warganegara kita wajib menerima Perkara 152.

Jelas termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara dan tidak dinafikan bahasa lain boleh digunakan kecuali untuk urusan rasmi dan urusan kerajaan. Kewujudan Perkara 152 juga, Yang Berhormat Menteri, tidak boleh dipinda kerana Perkara 159(5) menetapkan perkenan Majlis Raja-raja diperlukan sekiranya ia hendak dipinda.

Dalam soal penghayatan Perkara 152, Yang Berhormat Menteri, saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah tahap kesedaran di kalangan rakyat berbilang kaum mengenai bahasa Melayu adalah peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan ia bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara? Ini kerana jelas akhir-akhir ini perlanggaran kepada Perkara 152 yang tidak menepati tempat dan kedudukan dilakukan oleh Peguam Negara dan Ahli Kabinet yang sepatutnya menjadi barisan hadapan menjunjung Perkara 152 ini. Papan

iklan dan papan tanda di premis-premis perniagaan juga jelas menolak penggunaan bahasa Melayu semakin tidak terkawal.

Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri melalui agensi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka? Saya ada dengar Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan panjang lebar tadi tetapi ini soal Dewan Bahasa dan Pustaka bersama kementerian-kementerian lain yang berkaitan untuk memastikan perkara-perkara ini tidak lagi berulang bukan hanya di peringkat pentadbiran tetapi juga di setiap peringkat supaya bahasa Melayu, bahasa kebangsaan diperkukuhkan sebagai bahasa ilmu pencetus perpaduan kaum dan lambang identiti negara bangsa. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Parlimen Kuala Kangsar atas soalan tambahan tersebut.

Saya rasa memang kita tidak mempertikaikan bahawa Perkara 152 telah menyatakan dengan begitu jelas bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen. Jadi, itu saya rasa setakat ini tiada sesiapa pun daripada Pakatan Harapan ataupun daripada mana-mana yang mempertikaikan perkara ini.

Saya rasa isu yang tuduhan sebentar tadi bahawa ada anggota daripada Pakatan Harapan ataupun Peguam Negara yang telah mempertikaikan perkara ini adalah tidak benar ataupun tidak tepat kerana pada masa yang sama, kita perlu sedar bahawa di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, sebenarnya kita juga diizinkan untuk menggunakan terjemahan iaitu di seksyen 3, saya baca dengan izin, "*Tiada apa-apa jua dalam akta ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak kerajaan mana-mana negeri untuk menggunakan apa-apa terjemahan dokumen atau perutusan rasmi dalam mana-mana bahasa lain bagi apa-apa maksud yang difikirkan perlu demi kepentingan awam*".

Jadi di sini saya rasa, kita Pakatan Harapan juga cukup komited dan tidak akan mempertikaikan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Kita juga ada pelbagai usaha untuk memastikan bahawa semua warga Malaysia kita boleh mempertingkatkan lagi penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Akan tetapi, pada masa yang sama, saya rasa kita juga perlu faham bahawa selain daripada MBM, kita juga ada bahagian untuk MBI iaitu memartabatkan bahasa Malaysia dan kita juga inginlah rakyat jelata terutamanya pelajar-pelajar kita untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan juga kita menggalakkan pelajar-pelajar kita untuk menguasai bahasa ketiga. Itu juga telah disebutkan dalam *National Education Blueprint* yang sebenarnya dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi oleh sebab kami pun setuju dengan hala tuju tersebut, jadi kita Pakatan Harapan akan teruskanlah.

Hasrat KPM memang adalah untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita kalau boleh menguasai tiga bahasa. Saya rasa ini adalah satu kekuatan bagi pelajar-pelajar kita dan tidak akan menimbulkan masalah bahawa ada orang yang tidak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Itu jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Menteri Pendidikan, adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan atau usaha mengadakan kerjasama dengan mahkamah-mahkamah untuk membantu melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan yang lebih meluas di mahkamah-mahkamah peringkat tinggi iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan, kedua-duanya di Putrajaya ini, supaya dalam semangat Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan tentang kedudukan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu ini dapat diguna dengan meluas di mahkamah-mahkamah peringkat tinggi ini?

Hujah saya, sekiranya undang-undang digubal di Dewan yang mula ini, Parlimen menggunakan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, saya tidak nampak apa alasannya Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan tercicir dalam memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan kita. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya terima cadangan ini dan saya rasa kita boleh bawa balik cadangan ini ke kementerian untuk mengadakan perbincangan. Akan tetapi, saya rasa bahasa yang digunakan di mahkamah itu bukan di bawah KPM tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ada Menteri-menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga mahkamah. Jadi, di sini saya tidak berhasrat untuk memberi komen yang lebih panjang. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah perancangan kementerian untuk menambah jumlah MRSM di negeri Sabah agar selari dengan kapasiti penduduk negeri Sabah sebanyak 3.9 juta orang.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Puan Rina binti Mohd Harun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sayangi Malaysiaku. Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2018, terdapat empat buah MRSM di negeri Sabah iaitu MRSM Kota Kinabalu; MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens, Sandakan; MRSM Tun Mustapha, Tawau; dan juga MRSM Semporna. Jumlah kapasiti maksimum penempatan yang diperuntukkan di empat buah MRSM tersebut adalah seramai 2,790 orang pelajar untuk Tingkatan 1 hingga 5. Walau bagaimanapun, jumlah pengisian pelajar di empat buah MRSM tersebut adalah seramai 2,271 iaitu 81.4 peratus orang pelajar. Ini menunjukkan MRSM sedia ada masih boleh menampung kemasukan pelajar yang berkecukupan.

Pada tahun 2021, dijangkakan MRSM Ranau akan mula beroperasi dengan jumlah kapasiti maksimum seramai 450 orang pelajar Tingkatan 1 dan 5. MRSM Ranau adalah merupakan usaha sama antara Petronas dan juga MARA. Jumlah kapasiti maksimum penempatan pelajar Tingkatan 1 hingga 5 akan meningkat kepada 3,240 orang pelajar di lima buah MRSM di Sabah. Terima kasih.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Ya. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, mohon kita untuk mengalu-alukan kehadiran *Kwong Wai Siew Association* dari Bintulu. [Tepuk]

Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri, saya ingin bercakap mengenai ketidakseimbangan penubuhan Maktab Rendah Sains Mara ini sejak ia ditubuhkan. Bermula penubuhan Maktab Rendah Sains Mara yang pertama pada tahun 1973 di Kota Bharu, di Sabah pula penubuhannya yang pertama cuma pada tahun 2002 iaitu ketinggalan 30 tahun. Kini terdapat— sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, terdapat 60 buah termasuk empat dalam perancangan Maktab Rendah Sains Mara ini dan cuma ada empat yang sedang beroperasi dan satu dalam perancangan di negeri Sabah. Penduduk Sabah pula adalah hampir 4 juta daripada 31 juta rakyat Malaysia.

■1050

Untuk rekod bukan sahaja Maktab Rendah Sains Mara, untuk rekod sahaja, tetapi penubuhan sekolah-sekolah berasrama penuh juga, Sabah ketinggalan hampir 30 tahun. Soalan saya, kita kini terikat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana ia akan berakhir tahun 2020. Apakah kementerian akan mengambil langkah yang lebih drastik untuk menutup ketinggalannya 30 tahun ini selaras dengan perkembangan penduduk Sabah yang hampir empat juta agar rakyat Sabah dapat merasai nikmat untuk mendapat sekolah elit ini dan juga sebagai satu usaha mengimbangi jumlah Maktab Rendah Sains Mara ini di negeri Sabah?

Apakah langkah drastik akan diambil di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini dan juga Rancangan Malaysia yang seterusnya? Ini kerana rakyat Sabah memerlukan penubuhannya dengan lebih agresif. Sekian, terima kasih.

Puan Rina binti Mohd Harun: Terima kasih di atas soalan tambahan tadi itu. Kita sebenarnya terlibat pendidikan ini adalah satu agenda yang amat penting terutamanya di luar bandar. Ini kerana kita tahu kalau kita hendak keluar daripada garis kemiskinan itu, pendidikan dan juga bidang keusahawanan itu sangat penting. Jadi melihatkan kepada keadaan senario sekarang seperti yang saya maklumkan tadi, bahawa dengan empat MRSM yang sedia ada ini lagi di Sabah iaitu kita masih ada lagi pengisian untuk- sekarang ini diisi 81.4 peratus. Maksudnya ada lagi pengisian yang boleh diisi di empat MRSM ini tidak termasuk MRSM Ranau yang akan mula beroperasi pada tahun 2021.

Jadi, saya mengambil kira sekiranya ada permintaan, ini kerana kenapa yang kita lihatkan tadi ada pengurangan, maksudnya tidak diisi penuh? Ini kerana kelayakan akademik itu tidak mencapai kelayakan minimum walaupun Program Outreach telah dilaksanakan. Jadi kita telah pun melaksanakan beberapa pendekatan Program Outreach sebelum keputusan

UPSR diumumkan. Setiap MRSM akan mengadakan Program Outreach dengan sekurang-kurangnya lima buah sekolah harian berdekatan bagi mengenal pasti calon-calon daripada kumpulan B40 yang layak dan berminat untuk melanjutkan pelajaran ke MRSM.

Selain itu juga dapat juga kita lihat bahawa kekosongan ini disebabkan ramai pelajar yang ditawarkan di MRSM Sabah telah menolak ke MRSM kerana telah menerima tawaran sekolah berasrama penuh ataupun sekolah berasrama harian yang lebih berhampiran dengan rumah mereka. Ini antara sebabnya dan sekiranya Sabah memerlukan tentang MRSM itu dibuat di negeri Sabah, kita perlukan juga kajian seterusnya tentang- *insya-Allah* kajian akan dibuat dan ini akan dimasukkan dalam perbincangan. Jadi *insya-Allah* selepas ini ada empat, ada lagi satu MRSM Ranau. Selain daripada itu kita juga mendapat MRSM Ranau ini bekerjasama dengan Petronas dan juga MARA dan satu di Bintulu. Itu antara Petronas dengan MARA. Terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita tahu tujuan penubuhan MRSM adalah untuk memastikan bahawasanya pelajar-pelajar miskin daripada keluarga B40 tidak akan tertinggal untuk mendapatkan kesempurnaan pendidikan. Sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional ada bercadang untuk menubuhkan MRSM berbayar untuk memberi peluang kerana ada rungutan daripada keluarga-keluarga anak-anak mereka yang terdiri daripada keluarga M40 dan T20. Apakah Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk meneruskan program pembinaan MRSM berbayar ini?

Kedua, di bawah kerajaan lama di negeri Kelantan, ada dua buah MRSM diluluskan iaitu MRSM di Parlimen Ketereh dan MRSM di Parlimen Tanah Merah. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah status pembinaan kedua-dua MRSM ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Rina binti Mohd Harun: Terima kasih di atas soalan itu. Kita menyedari bahawa MRSM ini pada mula asalnya ia ditubuhkan untuk membantu terutamanya masyarakat luar bandar tetapi lama-kelamaan ia dilihat sebagai satu sebuah sekolah elit untuk orang-orang yang tertentu sahaja. Jadi inilah peranannya yang perlu dikembalikan semula untuk membantu terutamanya di masyarakat luar bandar. Oleh sebab itu kita ada juga bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang di bawah B40 ini. Kita ada Program Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI) MARA di mana mereka diberikan bantuan sebanyak RM1,500 setahun untuk membantu mereka apabila mereka berada di MRSM.

Di samping itu, ada juga kalau mereka tidak layak yang itu mereka ada juga lagi untuk kita bantu juga wang saku setiap bulan sebanyak RM50. Jadi ini kita hendak melihat semula peranan MRSM ini, peranan MARA ini sebenarnya lebih untuk membantu rakyat terutamanya di luar bandar. Kalau dikatakan tadi berhajat kerajaan lama hendak membina MRSM yang boleh dibayar buat setakat ini kita tidak berhasrat untuk meneruskan pembinaan sekolah tersebut.

Jadi selain daripada itu, kita ada 54 buah MRSM di seluruh Malaysia. Seperti yang tadi dalam perancangan memang kita ada dua MRSM yang telah pun untuk Ketereh dan juga Tanah Merah. Buat masa sekarang status untuk kedua-dua MRSM itu disekat dan dikaji dan *insya-Allah* mengikut ia akan dilaksanakan mengikut keadaan kewangan negara semasa nanti. *Insya-Allah*. Terima kasih.

6. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat mana dasar kerajaan dalam menggalakkan rakyat menggunakan bahan dan produk tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa berusaha mempelbagaikan inisiatif dalam menggalakkan rakyat untuk menggunakan bahan dan produk tempatan. Bagi menggalakkan rakyat dan pihak industri untuk menjadikan bahan dan produk tempatan sebagai pilihan utama, kementerian dan beberapa kementerian serta agensi-agensi lain contohnya Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Usahawan, SME Corp. telah melaksanakan pelbagai program, kempen dan aktiviti bagi mempromosikan produk buatan tempatan.

Antara program dan kempen yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan produk tempatan ialah Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia, Program Citarasa Malaysia, Kempen Jualan Mega, Kempen Jualan Terus dari Kilang, Kempen Penurunan Harga dan pelbagai lagi. Tujuan inisiatif berkenaan adalah untuk meningkatkan ekonomi domestik dengan izin, *domestic consumption*, mempertingkatkan dan mempromosikan kelebihan produk-produk tempatan yang secara relatifnya adalah setanding dengan produk-produk import dan bekerjasama dengan sektor peruncitan di negara ini seperti pasar raya-pasar raya besar asing dan tempatan dalam memasarkan lebih banyak produk-produk hasilan tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Laporan Malaysia External Trade yang diterbitkan oleh MATRADE pada 5 Julai 2018 menunjukkan jumlah import negara yang paling tinggi pada Mei 2018 dalam tempoh lima bulan. Dari segiimbangan dagangan *trade surplus* telah menguncup daripada RM14 bilion pada Mac dan April 2018 ke cuma RM8 bilion sahaja pada Mei 2018 iaitu hampir separuh.

Dalam tempoh Januari hingga Mei 2018 produk import utama, produk elektrik dan elektronik, produk petroleum, produk kimia yang datang dari negara China, Singapura, Jepun dan Amerika merupakan sebahagian besar daripada yang diimport. Semua import ini adalah komponen-komponen utama di dalam industri pembuatan negara. Penggunaan bahan-bahan tempatan tentulah boleh meningkatkan permintaan di dalam bahan tempatan, SME dan lain-lain.

Soalan saya adakah kerajaan sudah ada atau bercadang untuk mengadakan insentif-insentif kepada industri pembuatan agar menggunakan bahan tempatan di dalam pembuatan mereka sama ada di dalam bentuk taraf perintis, diskau, subsidi atau pengecualian cukai-cukai tertentu?

■1100

Kemudian yang kedua, apakah peranan kerajaan di dalam menggalakkan penggunaan bahan-bahan dan perkhidmatan tempatan di dalam melaksanakan projek-projek mega seperti ECRL yang mana ia melibatkan pelaburan besar oleh pihak kerajaan, yang jumlahnya sehingga RM81 bilion seperti yang diumumkan, yang tentu sekali memberi manfaat yang amat besar di dalam merangsang permintaan kepada bahan-bahan tempatan, khususnya kalau di Terengganu, industri besi itu sendiri? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Setakat ini, menurut apa yang ditinjau oleh kementerian, adalah bahawa barangan-barangan yang digunakan, dijual di pasaran semata-mata, di pasar raya-pasar raya besar dan *departmental store*, kedai runcit itu, 80 peratus ini adalah terdiri daripada barangan tempatan. Oleh itu saya rasa, walaupun ada itu angka-angka yang menunjukkan ada banyak barang yang diimport ke dalam Malaysia, kalau kita lihat keseluruhan barangan yang dijual di dalam negara kita, kebanyakan yang saya telah sebut ada 80 lebih daripada 80 peratus adalah terdiri daripada barangan tempatan.

Untuk jawapan kepada soalan keduanya mengenai projek ECRL ini, ini adalah terkeluar daripada bidang kuasa kementerian saya. Ia adalah tergantung kepada perbincangan-perbincangan di antara kementerian lain dengan *company* yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab ke soalan asal. Saya merujuk usaha yang telah dilakukan oleh kementerian. Isu produk Malaysia ini bukan isu baru. Saya rujuk laman web sejak tahun 1997 lagi, berkait dengan produk menggunakan logo Buatan Malaysia telah dianjurkan oleh kementerian dan ternyata ketika itu, alasannya kemelesetan

ekonomi. Maka KPDNHEP menjadi urus setia utama untuk Kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia.

Persoalan saya, kerana sudah lama ia sudah dilangsungkan, adakah Kementerian telah mengkaji sebab-sebab mungkin kenapa tidak berjaya sepenuhnya menerusi analisa ekonomi dan pasaran termasuklah maklum balas daripada pengusaha-pengusaha tempatan?

Saya sempat berbincang dengan pengeluar jenama Bonia, contohnya. Mereka mengatakan bila diletakkan sahaja logo Buatan Malaysia, memang jualan akan jatuh. Itu pandangan mereka, contohnya. *[Ketawa]* Jadi memang tanggungjawab besar kepada Kementerian. Saya pohon kalau boleh, Kementerian mencadangkan *structural change* atau apa pun untuk memastikan rakyat Malaysia dan luaran bangga dengan produk buatan Malaysia. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat daripada 'Lembah Pantai', bukan 'Lembah Pantai'. *[Ketawa]* Permatang Pauh. Ini kawasan lama dia. Yang Berhormat, memang Kementerian kita berusaha sedaya upaya untuk mempertingkatkan jenama Malaysia. Akan tetapi akibatnya, kesannya, adalah akan tergantung kepada *demand and supply* di *market*. Oleh itu, kita tidak dapat menyekat keterlaluan tentang apa yang *the demand in the market*, dengan izinnya. Pada keseluruhannya, dasar kerajaan adalah untuk *laissez-faire economy* adalah untuk itu bebas ekonomi supaya *private sectors* memainkan peranan masing-masingnya.

Untuk jawapan kepada Yang Berhormat tentang persepsi orang ramai bahawa buatan Malaysia ini tidak baik, mungkin kita akan bercadang supaya Yang Berhormat menjadi ikon kepada produk atau jenama buatan barang negara supaya...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya sokong!

Tuan Chong Chieng Jen: Siapa yang sokong? Supaya ia dijadikan pilihan utama pelanggan di Malaysia, negara kita. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah terbaik untuk menggantikan sekolah-sekolah papan yang usang dan daif yang masih wujud di sekitar Parlimen Kalabakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Parlimen Kalabakan.

Tuan Yang di-Pertua, KPM komited dalam usaha memastikan semua rakyat Malaysia menikmati ruang yang kondusif untuk pembelajaran. KPM juga istiqamah dalam memastikan proses pembelajaran murid-murid bersifat inklusif kepada semua terutamanya untuk anak-anak di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan program pembangunan semula sekolah daif akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Pakatan Harapan, memandangkan keperluan menyediakan infrastruktur yang standard, selamat dan selesa adalah masih tinggi di Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan tahap kritikal dan tertakluk kepada kemampuan kewangan negara. Bagi fasa pembinaan tahun 2018, sebanyak 120 buah sekolah di Sabah yang telah dikenal pasti untuk pembaikan sekolah daif yang melibatkan agensi pelaksana JKM, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebanyak 37 buah sekolah yang telah diserahkan kepada JKR Sabah untuk pelaksanaan pembaikan sekolah daif manakala 83 buah sekolah akan dilaksanakan oleh KPM. Bagi fasa ini, satu projek sekolah daif di Parlimen Kalabakan sedang dalam pelaksanaan iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Matahir yang dijangka siap pada 30 September 2018. Projek ini melibatkan enam bilik darjah dan satu bilik sains. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya ingin meminta kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, perancangan untuk pembinaan sekolah dan pembaikan ini, harus mengambil kira lokasi di pedalaman dan kedudukan tempat pelajar yang bersekolah. Ke kerap ponteng untuk pelajar-pelajar di pedalaman adalah tinggi dengan

ketiadaan asrama yang disediakan dan kuarters guru pun jarang disediakan apabila membina sekolah. Ini adalah faktor yang harus diambil kiralah kerana keselesaan guru, keselesaan murid adalah harus dipertimbangkan. Itu sahaja.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan tersebut, Ahli Parlimen Kalabakan. Memang sekarang KPM dalam usaha untuk meneliti semula definisi sekolah daif bagi membolehkan semua agensi di bawah KPM menggunakan definisi yang sama. Memang keutamaan kita adalah beberapa kriteria termasuklah lokasi dan juga ketiadaan asrama dan kuarters untuk guru-guru, memang ini semua adalah kriteria-kriteria yang akan dipertimbangkan.

Jadi saya terima baik cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kalabakan dan saya harap bahawa kertas dasar definisi sekolah daif ini akan dibentangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 13 Ogos ini dan selepas itu kita boleh menyelaraskan semua definisi sekolah daif di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung supaya kita boleh menggunakan kriteria yang sama untuk menentukan mana satu projek yang perlu diberi keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya daripada Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam menghuraikan dasar tadi menggunakan istilah '*istiqamah*'. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri huraikan apa makna istiqamah dalam konteks jawapan?

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa itu soalan tidak perlu dijawablah. Terima kasih. *[Dewan ketawa]*

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu lagi.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah memberikan dua soalan tambahan, saya hendak teruskan, diminta Yang Berhormat Hulu Rajang.

8. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sekiranya pihak kementerian bercadang untuk membina balai polis di Pekan Sungai Asap, Belaga.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan akhir ini banyak soalan dari Sabah dan Sarawak diangkat.

'Sorong papan tarik papan,

Buah keranji di dalam perahu,

Soalan Hulu Rajang nombor lapan,

Jangan jawab tak tahu kerana Sabah dan Sarawak berdekatan.'

Terima kasih.

■1110

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Pondok Polis Sungai Asap pada masa ini sedang beroperasi secara sewaan di bangunan rumah kedai dua tingkat beralamat di No.1070 sub lot No.10 Blok 26, Punan Land District Local Centre 1, Sungai Asap, Belaga. Untuk makluman juga, jarak di antara IPD Belaga dengan Pondok Polis Sungai Asap ini adalah sekitar 82 kilometer.

Dari segi statistik jenayah, saya ingin sebutkan di sini serba sedikit. Indeks kes jenayah di Daerah Belaga pada tahun 2017 adalah enam kes manakala tahun 2018 juga enam kes bagi kategori jenayah kekerasan. Bagi kategori jenayah harta benda, pada tahun 2017 adalah 73 kes manakala tahun 2018 adalah 33 kes. Untuk kes di Sungai Asap ini, pada tahun 2017, jumlah kertas siasatan dibuka adalah 44 kes manakala tahun 2018 adalah sekitar 29 kes. Bermakna pengurangan sebanyak 15 kes.

Pada masa ini, kementerian akan memberi penumpuan dan keutamaan untuk pembinaan projek sedia ada baharu dan sambungan serta kerja-kerja menaik taraf premis PDRM yang uzur. Semakan keutamaan juga akan dibuat dari semasa ke semasa dan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, cadangan projek ini akan dimasukkan dalam senarai cadangan di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia yang berikutnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak puas hatilah dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin tidak tahu di manakah Sungai Asap sebenarnya.

Di kawasan Hulu Rajang, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada dua aset yang paling berharga iaitu *Bakun Dam* dan *Murut Dam* yang berongkos lebih kurang RM11 bilion, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini aset terpenting. Kita tidak mahu tragedi pencerobohan seperti di Lahad Datu.

Jadi itu, saya mohon kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri buatlah, angkatkan peruntukan untuk membina— bukan pondok, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana di penempatan Sungai Asap, penduduknya dipindahkan untuk memberi peluang untuk membina *Bakun Dam*. Yang Amat Berhormat Langkawi tahu. Dalam tahun 1986, beliaulah yang mempunyai idea untuk membuat *dam* untuk *Bakun Dam*.

Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada dua *dam* dan penduduk Sungai Asap ketika ini telah meningkat kepada 12,000. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri angkatkan peruntukan. Kalau kementerian tidak ada peruntukan, ambil duit daripada Petronas kerana Petronas telah mengambil duit dan masih berhutang dengan negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Hulu Rajang. Saya setuju. Kita berjiran. Saya cukup setuju. Sabah dan Sarawak ini berjiran dan saya cukup setuju. Sebenarnya seperti mana kita telah maklumkan, kementerian dia akan mengambil kira berlandaskan kepada cadangan dan melihat kepada *case-by-case basis* sebagaimana saya telah sebutkan tadi.

Kalau melihat kepada jumlah kes yang berlaku di Sungai Asap, pihak kementerian merasakan bahawa sebenarnya ada banyak tempat lagi, bukan di kawasan Sungai Asap sahaja, di kawasan saya sendiri di Sepanggar banyak masalah yang memerlukan pihak kementerian untuk mendirikan balai polis yang sempurna di sana. Sebab, untuk makluman di kawasan saya sendiri di Sepanggar, kita berkongsi IPD dengan Kota Kinabalu.

Jarak agak jauh dan sebagaimana kita tahu Sepanggar kawasan saya ini merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah tetapi tidak ada balai polis di sana. Jadi saya cukup setuju dan, *insya-Allah*, kita akan bawa perkara ini selaku orang Sabah berjiran dengan Sarawak, saya akan bawa perkara ini untuk dibawa ke peringkat kementerian agar dimasukkan jika ada keperluan mendesak terhadap projek ini. Terima kasih.

9. Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Perdana Menteri menyatakan apakah kedudukan Yayasan Wakaf, perkembangan penerimaan masyarakat seluruh negara dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Yayasan Wakaf tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tampin. Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Wakaf Malaysia yang ditubuhkan pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah Pemerbadanan 1952 iaitu Akta 258 oleh Jabatan Wakaf Zakat Haji (JAWHAR) bertindak

sebagai agensi pelaksana membantu majlis-majlis agama Islam negeri dalam membangunkan hartanah wakaf sedia ada, mewujudkan wakaf baru dan membangunkan ekonomi ummah melalui instrumen wakaf di samping menjadi penggerak kepada wakaf berbentuk ekonomi yang boleh menjana dana bagi meningkatkan pemilikan hartanah umat Islam.

Dari tahun ke tahun, terdapat peningkatan jumlah penglibatan masyarakat dalam program-program anjuran Yayasan Wakaf Malaysia sekali gus dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap amalan berwakaf. Ini juga dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah sumbangan wakaf tunai yang diterima oleh Yayasan Wakaf Malaysia.

Semenjak penubuhannya, Yayasan Wakaf Malaysia telah melaksana dan menguruskan beberapa projek pembangunan fizikal di bawah program projek kecil berimpak besar seperti pembangunan 79 projek Bazar Wakaf Rakyat dan Wakaf Mart, pembangunan Akademik Kulinari Terengganu, pengurusan Hotel Wakaf yang dibangunkan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri dan pembelian aset-aset di lokasi strategik untuk dijadikan sebagai aset wakaf majlis agama Islam negeri.

Di samping itu, Yayasan Wakaf Malaysia sentiasa bersama majlis agama Islam negeri dalam melaksanakan program pemeraksanaan pembudayaan wakaf di kalangan masyarakat. Kerjasama ini juga melibatkan syarikat korporat dan lain-lain agensi dalam menganjurkan sesi taklimat mengenai wakaf di peringkat akar umbi. Kerjasama ini juga mewujudkan beberapa produk wakaf tunai dan sijil wakaf kesihatan, pendidikan, pembangunan ekonomi, alam sekitar, kenderaan dan bangunan yang bertujuan membanyakkan lagi aset bukan kewangan bumiputera Islam di mana manfaatnya sekali gus membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat. Bagi tujuan tersebut, Yayasan Wakaf Malaysia turut menyediakan kaedah wakaf yang pelbagai bagi memudahkan masyarakat membuat sumbangan wakaf.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana kita ketahui bahawa wakaf adalah salah satu daripada instrumen ekonomi kepada sebuah negara khususnya kepada orang Islam.

Soalan saya ialah bagaimanakah Kementerian untuk memperkukuhkan institusi wakaf sebagaimana yang sedia ada sekarang ini yang kita dapati bahawa masih lagi tidak dapat diketahui secara umum oleh masyarakat umum? Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk memberi kedudukan soal wakaf ini di arus perdana ekonomi negara? Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Tampin dan seluruh Ahli Dewan bahawa ada satu kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia telah pun dilakukan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan telah bermula pada September 2012 dengan objektif untuk memperkukuhkan institusi wakaf, Yang Berhormat Tampin dan Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Jadi hasil daripada kajian itu, kajian itu dilaksanakan berdasarkan objektif-objektif bagaimana hendak kenal pasti senario semasa, pengurusan dan pembangunan wakaf, potensi sebenar instrumen wakaf, menganalisis situasi semasa pembangunan tanah wakaf dan sebagainya. Jadi ada beberapa hasil kajian tersebut, di antaranya dicadangkan 21 perkara yang perlu digembleng secara bersama untuk merencana pembangunan harta tanah wakaf secara sistematik dan bersepadu.

Dicadangkan pada ketika itu supaya diwujudkan wakaf khusus khas untuk keagamaan, pendidikan, kesihatan, pertanian, perumahan, perniagaan dan perkhidmatan contohnya. Juga sekarang ini telah pun dilaksanakan pada tahun 2016, hasil daripada kajian ini dan juga dicadangkan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) apabila dalam program utama yang berkaitan dengan wakaf oleh majlis agama negeri, kerjasama JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia. Itu antara inti pati hasil daripada kajian tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Azizi [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan hotel wakaf. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam telah membangunkan tanah-tanah wakaf dengan membina hotel bertaraf tiga bintang. Setakat dalam maklumat saya, hotel tersebut adalah Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu; Hotel Pantai Puteri, Tanjung Kling; Hotel Seri Warisan, Taiping; dan Hotel Klana Beach Resort, Port Dickson.

Berdasarkan model wakaf yang telah diaplikasikan, semua hotel wakaf telah diserahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri kepada Yayasan Wakaf Malaysia untuk diuruskan. Akan tetapi disebabkan oleh pelbagai kekurangan, Yayasan Wakaf Malaysia telah serahkan pula hotel ini kepada pengusaha hotel lain. Saya ingin minta penjelasan, siapakah sebenarnya pengusaha hotel wakaf tersebut? Adakah ia telah menjana sumbangan maksimum kepada wakaf? Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenan dengan pengurusan hotel wakaf ini, sebenarnya ia di bawah hak milik Majlis Agama Islam Negeri. Yayasan Waqaf Malaysia hanya berfungsi sebagai penasihat. Jadi, sekiranya ada apa-apa masalah berkaitan dengan pengurusanannya, maka Majlis Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab untuk membaik pulih dan sebagainya. Jadi itu setakat ini, Yayasan Waqaf Malaysia tidak mengurus secara *direct*. Yayasan Waqaf Malaysia hanya memberi nasihat. Itu Yang Berhormat Bachok, setakat itu maklumat yang saya boleh sampaikan. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

10. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah masalah “*games addiction*” dan ketagihan aplikasi media sosial dikategorikan sebagai masalah mental pada masa kini dan adakah pihak kementerian telah menjalankan kajian mengenai masalah tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin jelaskan sedikit berkenaan dengan masalah kesihatan mental dan penyakit mental untuk pengetahuan sidang Dewan ini. Masalah kesihatan mental berlaku apabila seseorang individu mengalami gangguan emosi atau perasaan yang boleh menyebabkan fungsi kehidupan sehari-hari terganggu, tetapi tidak sampai kepada tahap penyakit mental.

Contohnya seperti stres, keresahan dan kemurungan harian. Penyakit mental adalah jenis penyakit yang melibatkan gangguan pada fungsi otak dan menyebabkan gangguan-gangguan teruk dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Gangguan-gangguan ini menyebabkan seseorang itu tidak akan mampu untuk menghadapi cabaran kehidupan seharian sehingga perlukan rawatan seperti *bipolar*, *schizophrenia*, *major depressive disorder* dan sebagainya.

Balik kepada soalan *game addiction* dan ketagihan aplikasi media sosial. Kedua-dua ini adalah tingkah laku *compulsive* yang menyebabkan kesan negatif ke atas seseorang individu. Ketagihan akan menyebabkan seseorang individu merasa terlalu ingin melakukan aktiviti tersebut sehingga menjadi satu tabiat yang akan memberi kesan dan menjejaskan kepada aktiviti penting seperti pendidikan, kerjaya dan juga waktu bersama keluarga. Mengikut WHO, *gaming addiction* adalah dikelaskan di bawah kategori gangguan penggunaan bahan dan tingkah laku ketagihan, di bawah payung besar ialah gangguan mental, tingkah laku dan gangguan *neurodevelopmental*. Bagi ketagihan sosial media, ia masih belum diklasifikasikan sebagai satu gangguan mental.

Walaupun di Malaysia tidak ada laporan mengenai kedua-dua *game addiction* ataupun ketagihan sosial media, ada Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2017 yang dilaksanakan di dalam kalangan remaja umur 13 tahun hingga 17 tahun menunjukkan *prevalence* ketagihan internet adalah 34.9 peratus. Manakala MCMC telah melakukan tinjauan tahunan mengenai corak penggunaan internet pada tahun 2017, menunjukkan sejumlah 24.1 juta pengguna internet di Malaysia iaitu 80 peratus daripada pengguna mengakses *web* untuk kegunaan media sosial dengan purata tempoh penggunaan

lebih daripada empat jam sehari. Jadi untuk buat sementara waktu, kementerian masih dalam peringkat menjalankan kajian mengenai *prevalence* terutama sekali mengenai *game addiction* di seluruh negara. Sekian

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih. Masalah *game addiction* ini adalah merupakan masalah yang kita hadapi pada masa hadapan dan juga *game addiction* bukan sahaja berlaku di kalangan kanak-kanak dan juga turut berlaku di kalangan dewasa berumur 30 hingga 40 tahun. Aplikasi sosial juga kini terdapat banyak aplikasi yang memberi tekanan kepada pengguna untuk mendapat 'like', mendapat 'share', yang banyak sehinggakan berlakunya gangguan mental dan juga depresi untuk mendapat populariti.

Selain daripada itu juga, terdapat kes ataupun pelajar yang *obsess* bermain *game* tidak datang ke sekolah. Juga saya beranggapan dengan adanya hala tuju untuk memajukan *eGames* daripada Menteri Belia dan Sukan, saya melihat perlu adanya satu *guideline* ataupun satu kajian yang terperinci untuk mengelakkan *game addiction* kerana *game addiction* ini akan menyebabkan masyarakat menjauhi aktiviti-aktiviti harian dan menjauhi masyarakat. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah yang di ambil oleh pihak kementerian untuk mengadakan *awareness* dengan izin, di kalangan rakyat terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan juga di kalangan pekerja-pekerja muda supaya dapat mengelakkan diri daripada ketagihan ataupun kecanduan *games* dan aplikasi media sosial.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Memang kementerian sedang mengkaji beberapa langkah yang dibuat di luar negara khususnya di Jepun dan di Korea Selatan di mana ada pengekangan ke atas penggunaan video, *internet access* untuk kanak-kanak di bawah 17 tahun selepas jam pukul 12.00 tengah malam hingga jam pukul 6.00 pagi. Jadi, ini satu langkah yang kita sedang kaji sama ada kita boleh lakukan di Malaysia. Ada juga *video game provider* yang menyekat mereka yang berumur bawah 17 tahun untuk berada dalam *video game*, menyekat sampai satu jam atau dua jam dan selepas itu, mereka terpaksa *diofflinekan*. Jadi, ini adalah antara langkah-langkah yang kita boleh ambil dan sedang kaji untuk lakukan supaya *game addiction* ini boleh dikawal. Sekian.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin satu lagi soalan tambahan kedua. Selepas itu kita sudahi.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya hendak tanya Kementerian Kesihatan adakah LGBT ini dianggap sebagai satu *mental disorder*. Yang saya mahu tanya benar kah beberapa hari ini heboh berkaitan dengan satu komen yang telah dikeluarkan oleh seorang Doktor Ilyani berkaitan dengan pandangan beliau bahawa tentang gaya hidup yang tidak sihat berhubung dengan LGBT ini dan di heboh berkaitan dengan beliau kemungkinan beliau akan dikenakan tindakan tatatertib kerana oleh pandangan beliau itu. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Sebenarnya soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal itu. Akan tetapi saya cuba jawab sikit, okay. Berkenaan dengan LGBT memang bukan semuanya ada berkenaan dengan sakit mental. Ada sebahagian besar daripada LGBT adalah penyakit organik, penyakit dari segi hormon ataupun penyakit dalam otak di mana memang daripada kajian MRI dan sebagainya boleh menunjukkan bahawa ada penyakit fizikal dalam— bukan penyakit, ada sesuatu dalam fizikal, dalam otak yang menyebabkan mereka bertindak laku sedemikian.

Jadi ia bukan satu penyakit tetapi satu *aberration* daripada apa yang kita biasa nampak. Jadi jangan kita anggap LGBT ini sebagai orang yang sakit atau yang mengalami penyakit mental. Ini satu tanggapan yang tidak betul. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Belum jawab soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu selesailah sesi jawab lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

PENERANGAN DARIPADA MENTERI KEWANGAN
DI BAWAH P.M. 14(1)(i)

ANGKA SEBENAR BAKI TABUNG BAYARAN BALIK GST

11.32 pg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah membenarkan saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i) untuk membuat satu penerangan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pada 9 Ogos 2018 dalam ucapan saya sebagai Menteri Kewangan, bagi bacaan kali kedua untuk pembentangan Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan, saya telah mencadangkan pemansuhan Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014. Cukai Barang dan Perkhidmatan atau GST digantikan dengan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan yang prihatin terhadap beban kos sara hidup rakyat jelata. Ini adalah untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat khususnya golongan B40 lebih daripada semata-mata peningkatan hasil kerajaan.

Dalam ucapan saya, saya telah menyebut bahawa kerajaan yang terdahulu telah gagal membayar tuntutan cukai input dalam masa dua minggu. Rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang disahkan menunjukkan bahawa jumlah tunggakan pembayaran bagi tuntutan cukai input GST lebih daripada dua minggu adalah melebihi atau adalah sebanyak RM19.4 bilion setakat 31 Mei 2018.

Daripada jumlah tunggakan RM19.4 bilion ini, sebanyak RM9.2 bilion adalah daripada tahun 2018, RM6.8 bilion adalah dari 2017, RM2.8 bilion dari tahun 2016 dan RM600 juta dari tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya telah menyebut bahawa baki yang sedia ada dalam tabung bayaran balik GST, sebuah Akaun Amanah adalah sekitar RM1,486 juta sahaja. Oleh itu, secara bersih jumlah kekurangan dana dalam tabungan bayaran balik GST ialah RM17,911 juta setakat 31 Mei 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih atas peluang dan ruang untuk saya membuat pembetulan ke atas angka tersebut. Sebenarnya angka untuk baki yang sedia ada dalam tabung bayaran balik bukanlah RM1,486 juta tetapi RM148.6 juta sahaja. Ini merupakan kesilapan tidak sengaja daripada pegawai saya akibat salah letak titik perpuluhan atau *decimal point*, bukan RM1,486 juta tapi RM148.6 juta iaitu tersalah letak *decimal point*.

Ini bermaksud jumlah kekurangan dana dalam tabung bayaran balik GST adalah jauh lebih besar dari apa yang dilaporkan sebelum ini iaitu sebanyak RM19,248 juta berbanding dengan RM17,911 juta yang saya salah laporkan pada minggu lepas.

Dengan kata lain, tunggakan sejak 2015 yang tidak dapat dibayar balik adalah kerana tabung bayar balik GST kekurangan dana RM19,284 juta atas kegagalan kerajaan lama tidak memindahkan RM19,284 juta kepada tabung bayaran balik GST daripada tempoh tahun 2015 sehingga 31 Mei 2018.

Saya ingin memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua ke atas kesilapan ini. Akan tetapi, adalah lebih baik kami telus, jujur dan berterus terang dengan Dewan yang mulia ini daripada menyembunyikan perkara sebegini seperti kerajaan yang dulu.

Tunggakan bayaran balik adalah disebabkan kelemahan aliran tunai Kerajaan Persekutuan akibat kekurangan disiplin fiskal, pembaziran yang berleluasa dan pertambahan hutang yang besar. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh pentadbiran yang lama merupakan pemalsuan akaun dan penyelewengan tunggakan bayaran balik cukai untuk kegunaan lain atau untuk menutup defisit supaya mereka dapat menunjukkan kedudukan lebihan. Ini masih benar, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PEMBUBARAN) 2018.****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta 714 untuk membubarkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk mengadakan peruntukan bagi meletakkan hak hartanya pada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]; dibaca kali pertama; dan akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2018**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.39 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbincangan peringkat dasar dan diputuskan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 14 Ogos 2018."

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

■1140

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
(PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2018****Bacaan Kali Yang Kedua****11.40 pg.**

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Perbekalan yang dinamakan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 adalah susulan penyusunan semula kementerian-kementerian Kerajaan Persekutuan. Langkah ini memenuhi matlamat pentadbiran Pakatan Harapan untuk mereformasikan institusi negara dengan menambahbaikkan sistem semak dan imbang atau *check and balance* yang sedia ada bagi menghalang penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan harta rakyat daripada berlaku secara berleluasa di masa hadapan.

Sebagai contoh, portfolio Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak lagi dipegang oleh Menteri yang sama. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak mempunyai apa-apa portfolio yang lain.

Penyusunan dan penguntukan semula ini adalah satu manifestasi janji reformasi Pakatan Harapan untuk menjamin dan mempertingkatkan potensi rakyat, kerajaan dan negara Malaysia. Rang undang-undang ini adalah bukti Kerajaan Persekutuan terbaharu ini adalah satu pentadbiran yang menepati janjinya.

Rang undang-undang ini akan memperkemaskan organisasi dan fungsi kementerian-kementerian supaya lebih tumpu atau fokus kepada bidang tugas masing-masing dalam usaha menyejahterakan rakyat Malaysia. Ini akan memudahkan tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat selaras dengan hasrat dan iltizam kerajaan hari ini yang antara lainnya untuk meringankan beban hidup rakyat, merencanakan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama serta membina sebuah negara yang lebih inklusif, sederhana dan cemerlang, gemilang di persada dunia.

Penyusunan ini akan menggalakkan kerjasama di antara 4P menuju ke arah negara keusahawanan iaitu kerjasama di antara *public sector* (awam), *private sector* (swasta), *people* iaitu rakyat dan profesional iaitu 4P atau di antara keempat-empat sektor ini secara bersama mengatasi dan menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat. Kerajaan Persekutuan akan mendengar pendapat dan cadangan dari pelbagai lapisan masyarakat dalam memastikan kesejahteraan rakyat akan terus terjamin.

Konsep negara keusahawanan ini di mana tiada satu pun pihak bekerja bersendirian di dalam mana-mana bidang sebaliknya akan berkongsi maklumat dan juga kepakaran di antara semua *stakeholders*. Seperti yang saya sebut tadi, bukan sahaja awam, swasta tetapi juga golongan profesional dan juga rakyat supaya ia boleh lebih efektif, inklusif dan efisien dalam satu masyarakat majmuk yang kompleks tetapi juga untuk memastikan kolaborasi ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Dalam platform *partnership* 4P ini atau *4P partnership*, kerajaan masih memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang dengan menyediakan infrastruktur, menjalankan pengawalseliaan mengikut kedaulatan undang-undang atau *the rule of law*, menampung keperluan dan permintaan sektor swasta dan juga melabur dalam R&D supaya dapat menjana kreativiti dan inovasi.

Pada masa yang sama, sektor swasta lebih tertumpu dalam tempoh masa terdekat dan selalunya tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk berfikir dalam jangka masa yang panjang. Ini menjadikan mereka lebih lincah daripada sektor awam di dalam jangka masa pendek dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan drastik berbanding dengan sektor awam. Walau bagaimanapun, daya saing sektor swasta bergantung pada kos perniagaan atau *cost of doing business* yang ditentukan oleh pelaburan sektor awam. Kos ini hanya dapat dikurangkan jika kerajaan melabur dalam R&D dan juga penyediaan infrastruktur.

Sebagai contoh, kos pengangkutan akan menjadi lebih tinggi daripada sekarang jika Kerajaan Persekutuan tidak membangunkan lebuh-lebuh raya yang merentasi kesemua negeri di Malaysia. Di sini, satu hubungan simbiosis di antara kedua-dua sektor boleh wujud. Sektor swasta boleh berkongsi dengan kerajaan tentang keperluannya terutama jika keperluan tersebut bersifat jangka panjang. Kerajaan pula berusaha memenuhi keperluan tersebut demi kesejahteraan rakyat.

Sektor swasta bagaimanapun tidak hanya boleh meminta sahaja. Mereka juga perlu menyumbang dengan tidak mengelak daripada membayar cukai yang munasabah. Akan tetapi, pada masa yang sama, kerajaan harap pertumbuhan yang dipacu oleh pihak swasta dapatlah lebih cergas dan pada masa yang sama lebih efisien supaya kita dapat elakkan diri daripada pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu bijak dalam membaca petunjuk jangka masa pendek. Ini bermaksud kita tidak boleh terbawa-bawa atau panik apabila sesuatu berlaku dalam pasaran saham dalam masa yang singkat. Kita mesti ingat perkara yang lebih penting ialah kesejahteraan rakyat dan tidak terlebih terpengaruh dengan masalah yang berlaku dalam jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, pasaran saham masih merupakan satu *snapshot* atau petunjuk apabila dibaca bersama dengan petunjuk-petunjuk yang lain.

Di sini, pasaran saham Malaysia telah menunjukkan betapa kuatnya asas ekonomi atau fundamental ekonomi Malaysia sekarang. Kalau kita lihat di kalangan ekonomi ASEAN, Indeks Komposit Kuala Lumpur merupakan satu-satunya pasaran saham yang sekarang berada di paras positif untuk tahun ini iaitu peningkatan sebanyak 0.5 peratus *year to date*, sehingga tahun ini pada hari Jumaat yang lepas berdasarkan laporan yang diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Tentulah kita akan menghadapi cabaran apabila krisis di luar negara juga akan melanda pasaran modal dan saham di Malaysia. Akan tetapi, kalau kita lihat dalam aspek keyakinan pelabur asing, nampaknya tidak terjejas sungguhpun berlaku perubahan kuasa. Sebaliknya ia telah menunjukkan satu pemulihan di pasaran saham apabila ia sekarang pada minggu lepas telah melepasi 1,800 mata dalam Indeks Komposit Kuala Lumpur.

Kami tahu bahawa minggu ini kerana kesan-kesan daripada luar negara khususnya kejatuhan di Lira Turki yang merudum lebih daripada 50 peratus tahun ini akan melimpah sampai ke Malaysia dan negara ASEAN.

■1150

Akan tetapi walau macam mana pun, kalau kita bandingkan Malaysia secara relatif dengan negara-negara ASEAN, Malaysia adalah kalau bukan yang terbaik, adalah di antara yang terbaik. Seperti yang saya sebut, ini bukan sahaja menunjukkan keyakinan ke atas kekukuhan ekonomi Malaysia tetapi juga keyakinan ke atas kerajaan baharu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat daripada Langkawi.

Keyakinan pengguna juga meningkat dan ini akan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Indeks sentimen pengguna yang dikeluarkan oleh *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) telah meningkat kepada 133 mata pada suku kedua 2018 berbanding dengan 91 mata sahaja pada suku pertama tahun ini. Ini merupakan paras yang tertinggi dalam masa 21 tahun sejak krisis kewangan Asia yang berlaku pada 1997.

MIER juga melaporkan indeks keadaan perniagaan yang dihasilkan MIER telah meningkat kepada 116.3 mata pada suku kedua 2018, berbanding dengan 98.6 mata pada suku pertama. Ini juga merupakan paras yang tertinggi dalam masa 13 tahun yang lepas. Peningkatan ini menunjukkan bahawa keyakinan ke atas usaha kerajaan baharu untuk menjalankan reformasi institusi adalah penting dan akan mendapat sambutan daripada semua pihak. *Institutional reforms*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adalah penting

sekiranya kita bukan sahaja hendak meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan. Akan tetapi juga untuk menjamin pertumbuhan yang mampan untuk jangka masa panjang.

Bercakap tentang jangka masa panjang, golongan belia mempunyai peranan penting dalam membangunkan negara. Dalam konteks ini Kerajaan Persekutuan telah memutuskan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Biro Tatanegara (BTN) dimansuhkan dan digantikan dengan program baru yang dapat membentuk belia masa depan, dengan izin, *youth of the future* yang berwawasan dan tinggi nilai jatinya.

Program baru ini yang akan diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan akan membuat penstrukturan semula fungsi, perjawatan, peruntukan kewangan dan aset Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan BTN. Pengisian program ini dirangka secara holistik dengan menggabungkan aktiviti *indoor* dan *outdoor* berimpak tinggi untuk menyerlahkan potensi anak muda sebagai rakan strategik dalam membangunkan negara berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Unsur yang diterapkan termasuklah *team building*, pembinaan sifat dan integrasi nasional, kenegaraan, jati diri dan sosialisasi politik. Penambahbaikan ini selaras dengan hasrat Kementerian Belia dan Sukan yang ingin terus mengangkat suara anak muda dalam landskap Malaysia baharu.

Ia akan direalisasikan dengan cadangan pindaan umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun pada PRU ke-15 nanti. Memandangkan program ini melibatkan kolaborasi merentas kementerian dan agensi, KBS akan mengadakan *engagement* dengan pemegang *stakeholders* seperti JPM, KPWKM, MINDEF, KPM dan pertubuhan bukan kerajaan, termasuk persatuan belia untuk memperhalus mekanisme pelaksanaan agar program ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sesi *engagement* ini mencerminkan aspirasi Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan program ini lebih *inclusive*, telus dan bebas daripada doktrin politik dan sentimen perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua kementerian baharu yang diwujudkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian-kementerian ini telah diberi kod maksud bekalan baru dalam rang undang-undang ini iaitu B.15 dan B.26 masing-masing. Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah digabungkan menjadi Kementerian Pendidikan tetapi mengekalkan maksud B.63 dan B.64. Manakala B.29 - Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air telah dibubarkan dengan fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain. Dalam merealisasikan janji Manifesto Pakatan Harapan, jawatan Perdana Menteri telah dikurangkan bilangan agensi di bawahnya daripada lebih kurang 90 agensi kepada 40 agensi dengan yang lainnya ditempatkan di bawah kementerian lain.

Kementerian-kementerian yang telah disusun semula fungsinya dan diberi nama baharu adalah seperti berikut:

B.20 – Kementerian Industri Utama yang dahulunya dinamakan sebagai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan.

B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

B.31 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

B.32 – Kementerian Wilayah yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan.

B.44 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula ini melibatkan perpindahan program dan agensi di bawah kementerian dan bagi program-program yang disusun semula di bawah maksud bekalan yang baru. Baki peruntukan program-program terlibat di kementerian lama perlu dipindahkan kepada maksud bekalan yang baharu. Oleh itu, perkara ini perlu dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan penyesuaian peruntukan tahun 2018 tersebut tanpa menjejaskan jumlah peruntukan yang telah diluluskan terdahulu.

Apa yang berlaku hanyalah pengubahsuaian kedudukan program-program dalam maksud-maksud tertentu sahaja. Selaras dengan Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan, maka peruntukan semula peruntukan perbelanjaan ini bagi maksud-maksud yang terlibat dibentangkan melalui Akta Perbekalan ini. Bagi program yang dipindah ke kementerian baharu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan waran sekatan terhadap baki peruntukan yang belum dibelanjakan sehingga 1 Julai 2018 kepada kementerian asal.

Sekatan ini dilakukan di bawah Perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2018 yang disekat adalah sebanyak RM3,065,113,896. Jumlah yang sama juga telah dicadangkan untuk diperuntukkan semula kepada kementerian-kementerian yang menerima program-program tersebut. Perincian peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2018 yang disekat adalah seperti berikut:

- B.6 – Jabatan Perdana Menteri RM686.1 juta.
- B.10 – Perbendaharaan RM11.2 juta.
- B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan RM274 juta.
- B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar RM1,358.9 juta.
- B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli RM53 juta.

■1200

B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berjumlah RM25.7 juta.

B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berjumlah RM45.7 juta

B.29 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berjumlah RM99.1 juta

B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berjumlah RM2.3 juta

B.31 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berjumlah RM76.5 juta

B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM66.2 juta

B.45 – Kementerian Belia dan Sukan berjumlah RM120 juta

B.60 – Kementerian Pertahanan berjumlah RM171.6 juta

B.64 – Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM74.8 juta

Tuan Yang di-Pertua, perincian kepada cadangan Anggaran Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018 sebanyak RM3,065,113,896 yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini adalah seperti berikut;

Peruntukan sebanyak RM67,967,227 untuk Maksud B.10 – Perbendaharaan untuk menampung perbelanjaan bagi Program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) serta Pihak Berkuasa Koridor.

Peruntukan sebanyak RM448 juta, di bawah Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan.

Peruntukan sebanyak RM1,288,017,768 untuk Maksud B.15 – Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Agensi

yang dipindahkan untuk membentuk MEA termasuklah Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Statistik, TERAJU dan MARA.

Peruntukan sebanyak RM8,744,050 untuk Maksud B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi Program Pembangunan Wilayah yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM190,331,016 di bawah Maksud B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli adalah untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan.

Peruntukan sebanyak RM76,285,479 untuk Maksud B.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Agensi yang dipindahkan untuk membentuk Kementerian Pembangunan Usahawan antaranya SME Corp. dan Suruhanjaya Koperasi.

Peruntukan sebanyak RM14,662,762 di bawah Maksud B.28– Kementerian Pengangkutan adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM101,874,289 untuk Maksud B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Peruntukan sebanyak RM78,293,745 untuk Maksud B.32 – Kementerian Wilayah untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Peruntukan sebanyak RM34,864,060 di bawah Maksud B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan.

Peruntukan sebanyak RM163,700,415 untuk Maksud B.45 – Kementerian Belia dan Sukan untuk menampung perbelanjaan program yang telah dipindahkan seperti Biro Tatanegara dan Program Latihan Khidmat Negara daripada Jabatan Perdana Menteri, Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan Kementerian Pertahanan.

Peruntukan sebanyak RM111,201,360 untuk Maksud B.46 – Kementerian Sumber Manusia untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Belia dan Sukan. Khususnya, Institut Kemahiran Belia Negara.

Peruntukan sebanyak RM73,458,392 di bawah Maksud B.47 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk membiayai perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Perkhidmatan Am Perbendaharaan serta Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Peruntukan sebanyak RM225,835,996 di bawah Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri untuk menampung perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Peruntukan sebanyak RM181,876,837 untuk Maksud B.63 – Pendidikan adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan antaranya PERMATA, Arkib Negara dan Perpustakaan Negara daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Pendidikan Tinggi.

Penjelasan lanjut mengenai penyesuaian peruntukan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 adalah seperti dalam penyata anggaran yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah Empat Tahun 2018*. Dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah 4A Tahun 2018*.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana penyesuaian perbelanjaan mengurus yang dinyatakan sebentar tadi, penyusunan semula Kementerian turut melibatkan perpindahan program dan projek pembangunan di antara Kementerian. Jumlah anggaran peruntukan pembangunan yang terlibat ialah berjumlah RM6,229,805,361. Jumlah ini telah disekat daripada Kementerian yang menyediakan fungsi ke Kementerian lain.

Perincian Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2018 adalah seperti berikut;

- P.6 – Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM4,300 juta
- P.10 – Perbendaharaan berjumlah RM110 juta
- P.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar berjumlah RM575.1 juta
- P.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli berjumlah RM46.2 juta

■1210

P.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM189 juta.

P.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebanyak RM2.2 juta.

P.29 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM726.7 juta.

P.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebanyak RM35 juta.

P.31 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sebanyak RM36.4 juta.

P.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM112.3 juta.

P.45 – Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM75.2 juta.

Perincian kepada cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 adalah seperti berikut.

Peruntukan sebanyak RM2,097,484,230 di bawah Maksud P.10 – Perbendaharaan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM1,679,341,739 bagi Maksud P.15 – Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk membiayai projek-projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Peruntukan sebanyak RM15,322,200 untuk Maksud P.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM670,171,789 di bawah Maksud P.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Peruntukan sebanyak RM191,221,597 di bawah Maksud P.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Peruntukan sebanyak RM4,500,200 bagi Maksud P.28 – Kementerian Pengangkutan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM132,567,607 bagi Maksud P.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Peruntukan sebanyak RM112,267,581 bagi Maksud P.32 – Kementerian Wilayah untuk membiayai projek yang dipindahkan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Peruntukan sebanyak RM443,087,106 di bawah Maksud P.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM5,156,957 bagi Maksud P.45 – Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM77,706,829 di bawah Maksud P.46 – Kementerian Sumber Manusia untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM362,888,709 bagi Maksud P.47 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan.

Peruntukan sebanyak RM375,322,695 bagi Maksud P.62 – Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM62,766,122 di bawah Maksud P.63 – Kementerian Pendidikan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Jabatan Perdana Menteri.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, penguntukan semula ini adalah satu tapak permulaan di mana Kerajaan Persekutuan akan berkongsi dengan rakyat kaedah baharu untuk berbelanja dengan berhemah demi menyejahterakan rakyat Malaysia selaras dengan konsep cekap, *accountable* dan telus (CAT). Kerajaan Persekutuan sedang dalam proses menyediakan Belanjawan 2019 yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada bulan November nanti dan butir-butirnya akan dikongsi tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2018

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018".

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

■1220

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini" dan masalah "bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang." Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat memulakan perbahasan, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 adalah sehingga jam 5.30 petang dan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menggulung selepas itu.

Untuk memberikan kesempatan seluas-luasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat diberikan masa selama 15 minit untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Beri 20 minitlah, 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa ini mencukupilah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Beri 20 minitlah, 20 minitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Ketereh.

12.22 tgh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan rang undang-undang yang saya fikir adalah *consequential*, perlu sebagai sebuah kerajaan yang baharu diwujudkan.

Sepertimana yang kita semua maklum, proses pilihan raya yang berlalu hari itu telah memperlihatkan satu perpindahan kuasa yang cukup tertib dan teratur, percaya kepada prinsip-prinsip suara rakyat, tidak ada sebarang usaha mengekang, menyekat atau mempersulit perjalanan sebuah kerajaan yang baharu. Ini kita harap dapat kita raikan bersama secara seterusnya agar rakyat dalam negara kita akan dapat menikmati apa yang terbaik daripada sebuah kerajaan *government of the people, by the people, for the people* dengan izin.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk tempoh 100 hari pertama kita menyaksikan sesuatu perkara yang harus dan sememangnya boleh kita bimbangkan. Pun begitu, barangkali kita harus memberi peluang terhadap penyusunan-penyusunan yang cuba hendak dilakukan oleh kerajaan walaupun sebahagian daripadanya kelihatan kosmetik sifatnya, perubahan-perubahan pada nama, namun perubahan-perubahan dasar yang konkrit belum lagi dapat dilihat. Akan tetapi daripada 100 hari yang pertama ternyata kerajaan ini adalah sebuah kerajaan yang cukup membimbangkan kerana segala janji yang mereka buat sendiri untuk mereka secara sukarela menjanjikan pelaksanaan dalam 100 hari ternyata telah gagal sama sekali, setakat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal kegagalan itu barangkali kemungkinan mereka baharu berdepan realiti. Barangkali sekali lagi kita boleh memberikan peluang dan kesempatan untuk sesuatu dilakukan pasca selepas 100 hari. Akan tetapi baru-baru ini kita dikejutkan Tuan Yang di-Pertua dengan satu berita yang sangat menggerunkan bagi kerajaan yang baharu mendapat mandat. Ahli Parlimen Kapar, telah membuat satu pendedahan dengan menuduh Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Gombak berkonspirasi untuk tidak mengizinkan proses perpindahan kuasa daripada Yang Berhormat Langkawi kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Perkara ini tidak diungkapkan sekali tetapi beberapa kali.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah mohon mencelah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebelum itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Apa? Aturan Mesyuarat? Sila.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini tidak berkaitan dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ia lebih kepada ceramah politik semata-mata. Saya rasa Dewan ini kurang sesuai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ketereh, saya ingat itu pendapat yang tepat ia lari daripada tajuk kita sekarang ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berbincang soal dasar yang mana kerajaan ini sedang menjanjikan hendak membawa keadaan yang lebih baik daripada kerajaan yang terdahulu. Saya menyebutkan sekarang untuk menjadi sebuah kerajaan yang baik, mereka perlu mewujudkan satu kestabilan termasuk juga menunaikan janji-janji yang antara lain menjanjikan proses

peralihan kuasa di separuh penggal pemerintahan ini. Ini satu perkara yang cukup besar dan cukup relevan.

Akan tetapi, kita dikejutkan berita Ahli Parlimen Kapar telah mendedahkan sesuatu yang cukup serius. Bagaimana mungkin Tuan Yang di-Pertua, seorang yang dilantik sebagai pengerusi *Council of Eminent Persons* yang menjadi penasihat kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tidak selari dengan rang undang-undang kita yang berbentuk perbekalan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perbincangan debat di peringkat dasar. Saya ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu tetapi dasar pun...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya mahu mendapatkan penjelasan daripada kerajaan selepas...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dasar pun...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ini dakwaan saya yang dibuat oleh Ahli Parlimen terhadap Yang Berhormat Langkawi, Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah memutuskan pada peringkat dasar pun kita tidak boleh menyimpang pada tajuk asal.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya tidak menyimpang. Tajuk asal ialah bagaimana mungkin perkara yang akan kita luluskan hari ini kalau sekiranya...

Tuan Yang di-Pertua: Mikrofon.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Bagaimana mungkin yang kita berhempas pulas hendak meluluskan hari ini kalau dalam kerajaan berlaku sesuatu yang sebegitu serius. *The Council of Eminent Persons* telah dituduh bersekongkol dengan Perdana Menteri untuk menghalang berlaku proses perpindahan kuasa. Ini bukan tuduhan yang dibuat oleh orang kecil, dibuat oleh Ahli Dewan dan melibatkan kedudukan Ahli Parlimen Gombak itu sendiri.

Kenapa saya sebutkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana dalam rang undang-undang ini antara kementerian yang diberikan peruntukan baharu, kita *create* kementerian baharu adalah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ini tidak terkeluar tajuk ya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ada tajuk di sini ya?

Tuan Yang di-Pertua: Selagi dapat berpandukan kepada apa yang di hadapan...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Kita mewujudkan kerajaan baharu kerana hendak buat tindakan program yang lebih baik telah mewujudkan kementerian baharu yang dinamakan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan yang telah dilantik adalah Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak sekarang ini menghadapi tuduhan oleh kerajaan sendiri yang beliau adalah terlibat dalam menggagalkan rancangan Pakatan Harapan dan janji-janji yang telah dibuat oleh Pakatan Harapan. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Hujah-hujah ini lebih sesuai dalam forum lain saya ingat, bukan dalam Dewan yang mulia ini. Dasar seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, dasar pun mesti berpandukan kepada hal perkara di hadapan Majlis yang mulia ini, Dewan yang mulia ini. Saya telah beri kesempatan yang mencukupi untuk membentangkan isu-isu sampingan ini tetapi cuba kita berbahas berlandaskan rang undang-undang. Selama 15 minit sahaja yang diperuntukkan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Ketereh boleh? Boleh Yang Berhormat Ketereh? Yang Berhormat Ketereh, kita ikut masa tidak apa.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ya, sila-sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Setuju atau tidak Yang Berhormat Ketereh kalau saya mengatakan bahawasanya apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Ketereh ini adalah sebahagian daripada perkara yang menjadi kewajipan kita Ahli-ahli Parlimen untuk berdebat dan bincang secara lebih serius dalam Dewan yang mulia ini sebab perkara-perkara adalah berkaitan dengan soal urus tadbir dengan beberapa Menteri yang terlibat.

■1230

Sekiranya kerencatan ini berlaku di dalam proses peralihan ini, ianya juga akan mengakibatkan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini akan membawa satu akibat yang buruk kepada rakyat dan negara. Setuju atau tidak?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Machang. Sangat setuju dan saya yakin apa yang saya sebut ini tidak lari daripada peraturan, adat, tradisi dan juga konvensyen Parlimen Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengulangi lagi, Kementerian yang dibentuk akan diberikan sejumlah peruntukan yang cukup besar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, RM1.28 bilion tercatat di sini. Bagaimana mungkin Yang Berhormat Menteri hendak menguruskan, menjalankan tanggungjawab beliau kalau beliau telah dihadapkan dengan satu tuduhan yang begitu berat sekali.

Saya tidak hendak panjang di situ, saya bangkitkan ini memberi peluang kepada kerajaan menjelaskan kepada rakyat di luar sana kerana tuduhan konspirasi terhadap Yang Berhormat Gombak ini satu tuduhan yang sangat serius sekali.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri Kewangan menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam pengagihan peruntukan-peruntukan ini, soal kewibawaan Yang Berhormat Menteri itu sangat penting sekali kerana setiap patah perkataan yang keluar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberikan impak dan kesan yang cukup besar bukan sahaja kepada ekonomi dalam negara tetapi juga ekonomi luar negara.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah benar satu dakwaan yang menyatakan negara China tidak membenarkan Yang Berhormat Menteri mengikuti, menyertai rombongan atau memasuki negara China kerana telah berlaku sesuatu mungkin salah faham ataupun tindakan kerajaan yang telah menyinggung kerajaan Republik China.

Ada pula yang menuduh kononnya Yang Berhormat Menteri kita telah terlibat dalam meminta SPRM membuat serbuan kepada syarikat-syarikat milik Kerajaan China yang menyebabkan hubungan antara Kerajaan China dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah terjejas sehinggakan rombongan Perdana Menteri yang sepatutnya ataupun perundingan yang sepatutnya dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak dapat menyertainya.

Ini juga perlu dijelaskan, mungkin berita palsu, mungkin tidak benar tetapi imej Yang Berhormat Menteri Kewangan kita terjejas dengan tuduhan-tuduhan yang sedemikian. Begitu juga seperti mana yang kita maklum, saya yakin kerajaan tidak akan ada masalah dalam hendak melaksanakan rang undang-undang ini. Belanjawan kita sewaktu dibentangkan dahulu berasaskan kepada harga minyak dunia pada NYMEX ataupun New York Mercantile Exchange Price kadar USD52 *per barrel*. Hari ini kadar harga minyak mentah dunia pada pasaran NYMEX adalah pada tahap mungkin USD67.7 *per barrel*. Ini bererti unjuran pendapatan negara mempunyai *surplus* yang cukup, tinggal lagi bergantung kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan bagaimana hendak mengolah apa yang berlaku.

Akan tetapi malangnya transisi yang berlaku dalam masa 100 hari itu telah memperlihatkan *cash flow* kerajaan mungkin telah terjejas. Sebenarnya adalah kerana pendekatan dan juga fiskal polisi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sendiri. Apabila kerajaan misalnya memutuskan secara sukarela untuk *zero-rated* kan GST, maka sudah tentu *cash flow* terjejas, sekurang-kurangnya RM3 bilion sebulan.

Apabila pemberhentian ataupun *zero-rated* itu dilaksanakan, kita tahu dalam masa empat bulan ia digantung ataupun ia di *zero-rated* kan, syarikat-syarikat masih berhak untuk menuntut tentang *input tax* segala *transaction* yang berlaku sebelumnya dan kita tidak tahu berapa jumlahnya tetapi sudah tentu ini mengekang aliran tunai kerajaan.

Dalam kerajaan kita, setiap bulan ada jawatankuasa pengurusan aliran tunai negara dan jawatankuasa itu sudah tentulah boleh memberikan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang bagaimana pengurusan aliran tunai yang sebaik-baiknya dilakukan. Akan tetapi kalau terus ada tindakan-tindakan, maka akhirnya bukan sahaja dalam pengurusan ekonomi ada dua aspek yang penting, satunya adalah fiskal ekonomi ataupun *capital economy*, satu laginya adalah *people's economy*.

Kalau tidak diuruskan dengan baik, akan berlaku *lose-lose situation*. *Then to the people's economy*, segala yang dijanjikan kepada rakyat beri kesejahteraan tidak dapat dilakukan. BR1M terpaksa dikurangkan, bantuan nelayan tidak dapat diteruskan, penghapusan hutang PTPTN tidak dapat dilaksanakan, penghapusan hutang peneroka FELDA tidak dapat dihapuskan.

Akan tetapi apabila dasar-dasar itu tidak dilaksanakan dengan baik, ia memberi kesan pula kepada *capital's economy*. Apabila negara tidak mempunyai *cash flow* yang cukup memang akan menjadi satu cabaran yang berat bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana beliau terpaksa memikul segala janji-janji yang telah dikemukakan. Ini adalah suatu peringatan kepada kerajaan kerana mereka akan berdepan dengan situasi yang *real* ini yang akan memberikan dan akan menjejaskan kedudukan kerajaan kita sendiri.

Begitu juga dalam soal-soal penyusunan kementerian-kementerian ini, ternyata sekali unsur-unsur campur tangan politik sudah semakin menggila, sudah semakin rancak. Walaupun alasannya sepatutnya kerajaan ini menunjukkan contoh teladan yang lebih baik daripada kerajaan terdahulu tetapi ternyata keghairahan campur tangan politik semakin hari sudah mula menjadi semakin ketara. Saya harap kerajaan dapat berbuat sesuatu agar penyusunan semula ini mestilah berdasarkan kepada kemurnian hasrat dan cita-cita tetapi tidak dilakukan secara politik. Kita sudah lihat apa sudah terjadi dengan Khazanah. Kita sudah lihat apa sudah terjadi dengan beberapa GLC. Kita sudah lihat apa terjadi dengan beberapa agensi dan jabatan kerajaan yang keputusan itu dibuat, niat di belakangnya adalah kerana unsur-unsur politik.

Begitu juga kita berharap dalam pelaksanaan-pelaksanaan apa-apa juga yang dilakukan oleh kementerian-kementerian yang sudah tentunya kita tidak ada halangan dari segi pembangkang untuk turut menyokong, meluluskan apa yang dipohon dan apa yang dipinta ini tetapi kita mengharap dalam pelaksanaan-pelaksanaannya nanti ia akan dapat membuktikan kepada rakyat bahawasanya daripada sebuah kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi pada kadar kira-kira 6 peratus, dengan rizab negara yang pada tahap kira-kira RM440 bilion dapat dipertahankan dengan *international rating*, *Fitch*, *Moody's* dan sebagainya pada *A- table*. Semua ini kita harap dapat dipertahankan bukan sahaja dipertahankan, kita harap ia dapat dilonjakkan kepada satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Apa maknanya retorik, janji dan sebagainya kalau pada indeks-indeks ini tidak dapat dipertahankan. Mungkin apabila terlaksananya SST pada penghujung tahun ini, inflasi akan meningkat, kadar harga akan meningkat, pendapatan rakyat, nilai duit, nilai ringgit akan menghadapi masalah. Saya berharap semuanya ini peranan kita di sini sebagai pembangkang, *insya-Allah* yang baik kita akan kata baik tetapi yang perlu kita tegur, perlu kita tegur walaupun sekali-skala Tuan Yang di-Pertua terpaksa memainkan peranan berat sebelah sedikit tidak apa, kita faham. Itu sudah menjadi lumrah kita, sudah lama dalam Dewan ini, sudah lama tidak mengapa, kita faham. Akan tetapi mesej yang hendak saya sampaikan di sini ialah saya mohon Yang Berhormat Menteri dan kerajaan jelaskan isu ini yang berlegar di luar sana kerana ia amat serius. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Di sebelah sini.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Bendera, silakan.

12.58 tgh.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perdebatan berkenaan *Bill* Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018. Tuan Yang di-Pertua, walaupun *bill* ini hanya tiga muka surat tetapi ia *bill* yang penting kerana melibatkan kewangan sebanyak RM3 bilion yang merupakan satu *Bill* Kewangan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang 100 hari pentadbiran Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan, banyak pencapaian dari segi pembongkaran terhadap skandal 1MDB telah diteruskan dan juga saya mendapati bahawa pengumuman Yang Berhormat Menteri bahawa kertas putih tentang penyelewengan berlaku di FELDA juga akan dibuat di sesi depan. Skandal ataupun isu berkenaan dengan GST *refund credit* juga telah diperdebatkan di Dewan ini. Saya rasa perkara-perkara ini merupakan perkara penting kerana semuanya melibatkan kewangan. Saya meminta Yang Berhormat Menteri supaya menggunakan perbelanjaan ini dengan tertib, perlu memenuhi SOP, peraturan kewangan dengan *open tender* dengan *competency, accountability* dan *transparency* iaitu CAT.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk juga merujuk kepada pengumuman ucapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi bahawa terdapat pertukaran-pertukaran program yang telah diumumkan iaitu Latihan Khidmat Negara. Minggu lalu saya telah menanyakan Menteri Pertahanan dan telah mendapat jawapan bahawa Latihan Khidmat Negara telah membelanjakan RM8 bilion sejak tahun 2004 sampai tahun 2018 yang mana 43 peratus daripada RM8 bilion ini dibelanjakan atas sewa kem. Saya rasa itu merupakan satu angka yang begitu besar.

Pada waktu itu, Menteri Pertahanan telah menjawab kepada saya bahawa beliau akan mengkaji terhadap Latihan Khidmat Negara ini. Pagi ini saya telah mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa Latihan Khidmat Negara akan disusun semula di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan tidak lagi di Kementerian Pertahanan. Saya rasa kita perlu juga lihat *repackage* tentang perkara ini dengan perbelanjaan yang tidak boleh seperti begitu tinggi di bawah Latihan Khidmat Negara.

Saya dapati angka-angka tersebut melibatkan emolumen kakitangan kontrak Latihan Khidmat Negara tentang LPKN dalam muka surat 22, Kertas Perintah 4 yang berjumlah RM36 juta campur RM85 juta, RM120 juta. Angka ini adalah kurang ataupun 25 peratus daripada perbelanjaan Latihan Khidmat Negara sebelum ini, dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membuat penjelasan tentang perkara ini kerana Latihan Khidmat Negara masih dalam *line item* dalam kertas ini dan program baharu belum lagi diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan.

Saya mencadangkan di sini bahawa Latihan Khidmat Negara, memandangkan ia akan diubah ke kementerian baharu dan saya rasa Latihan Khidmat Negara sebelum ini bukan satu program yang berjaya dan sebenarnya program yang tidak dapat mencapai hasil yang banyak, saya mencadangkan supaya Akta Latihan Khidmat Negara 2003 dimansuhkan pada sesi depan. Ini kerana banyak lagi pelatih-pelatih yang terima notis-notis pada tahun-tahun sebelum ini masih terikat dengan Akta Latihan Khidmat Negara. Apabila program baharu dilancarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, perlu ada satu penjelasan dari segi akta tersebut dan juga dari segi program-program tersebut.

Saya juga dapati bahawa Biro Tatanegara juga telah dimasukkan ke Kementerian Belia dan Sukan. Sekiranya kita memberikan program seperti Biro Tatanegara, program seperti Latihan Khidmat Negara kepada satu kementerian yang baharu, kita perlu memberikan semangat baru, nafas baru kepada program-program ini. Saya cadangkan kedua-dua program ditukar nama kepada nama yang baru sejajar dengan program dan juga falsafah yang baru.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Mohon pencilahan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Pencilahan dari Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Bukit Bendera. Saya nak minta pendapat Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat bersetuju apabila BTN, PLKN ini mungkin tersasar daripada tujuan asalnya, adakah Yang Berhormat setuju bahawa kerajaan perlu memperkenalkan mekanisme supaya matlamat yang disasarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dapat mencapai objektif yang sebenar dan tidak lagi disalahgunakan untuk memainkan sentimen rasis, sentimen perkauman dan juga sekadar mengangkat pimpinan parti politik tertentu? Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Kenyataan Yang Berhormat Johor Bahru akan dimasukkan dalam sebahagian ucapan saya.

Saya dapati bahawa ketirisan yang serius berlaku dalam Program Latihan Khidmat Negara, ketirisan yang amat serius. Saya mencadangkan PAC untuk membuka fail, membuat siasatan terhadap Latihan Khidmat Negara. Perbelanjaannya begitu tinggi dan hasilnya begitu kurang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Johor Bahru bahawa perlu ada orientasi baru terhadap program-program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca juga wawancara Tuan Yang di-Pertua dalam *The Star* kelmarin yang sangat menarik dengan muka depan Tuan Yang di-Pertua yang *handsome*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun terkejut.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya dapati satu idea yang Tuan Yang di-Pertua bawa itu idea yang boleh dipelopori dengan lebih lanjut. Idea Tuan Yang di-Pertua bahawa *Parliamentary Services Act 1953* diberi nafas baru, dihidupkan semula. Saya dapati bahawa dalam *paper* ini, rang undang-undang tentang ini, tiada *line item* untuk Parlimen.

Saya memahami bahawa dalam masa 100 hari ini kita belum dapat membawa satu *reform* ataupun perubahan yang serius terhadap struktur di Parlimen tetapi untuk perbelanjaan atau belanjawan akan datang, perkara-perkara seperti *line item* Parlimen, Pejabat Tuan Yang di-Pertua, Pejabat *Deputy Speaker*, *Parliament Services Act 1953* boleh dihidupkan semula untuk memperkuatkan ataupun memperkasakan institusi Parlimen.

Saya tertarik juga dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua bahawa kita adalah *law-making institution* dan bukan *debating society*. Itu adalah satu *observation* yang bagus. Saya berharap kawan-kawan sekalian boleh mengambil iktibar daripada apa yang diutarakan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan penekanan bahawa dasar-dasar kewangan kita perlu dengan tertib, dengan memenuhi SOP dan terdapat satu *Auditor-General* yang mempunyai wibawa. Kita perlu memperkasakan jawatan *Auditor-General*. Kita tidak mahu penyelewengan-penyelewengan yang sebelum ini berlaku. Tadi saya sebut *GST refund*, saya sebut FELDA, tentang Latihan Khidmat Negara dan 1MDB, itulah berlakunya skandal penyelewengan, ketirisan yang begitu serius. Seolah-olah PAC pun tidak berfungsi.

Di meja saya hari ini ada senarai Ahli PAC yang baharu. Saya ucapkan tahniah kepada semua lantikan dan nama saya juga tertera sebagai Ahli Jawatankuasa PAC. [*Tepuk*] Saya rasa kita perlu sebagai Ahli Jawatankuasa, Ahli Dewan Rakyat ini mesti memainkan peranan yang penting. PAC, *Auditor-General*, SOP semua perlu memainkan satu peranan yang penting supaya kerajaan dan juga pegawai-pegawai boleh meletakkan, memenuhi perintah kewangan dengan tertib, dengan ketat.

Dengan ini saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab kita ada masa sedikit lagi, sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Arau. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya duduk ya?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, silakan Yang Berhormat.

12.48 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, seperti juga Yang Berhormat Ketereh tadi, saya ingin mengucapkan tahniah kerana perubahan kuasa telah berlaku dengan adil dan saksama kecuali Perlis. Ia tidak berlaku sebagaimana yang sewajarnya berlaku. Saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan ucapan saya. Sampai hari ini saya belum mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Perkara 71(4) Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahagian I Jadual Kelapan, di mana negeri-negeri hendaklah mengikuti apa yang telah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri tidak boleh melebihi undang-undang Kerajaan Persekutuan.

Dalam Perkara 43(2) Perlembagaan Persekutuan, pelantikan Perdana Menteri hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong daripada seorang yang mendapat sokongan majoriti. Tahniah sebab sekarang Tun menjadi Perdana Menteri dan dia mendapat sokongan majoriti walaupun partinya ialah hanya 13 kerusi tetapi dia dapat sokongan majoriti.

■1250

Kita menyokong sebab apa? Ini ialah perubahan kuasa yang harus kita hormati. Akan tetapi kita lihat Perlembagaan Negeri yang memasukkan perkataan '*selepas seorang Menteri Besar dilantik berdasarkan sokongan majoriti*'. Macam dalam kes Perlis, 32(a)(2) iaitu '*Yang Berhormat Menteri Besar hendaklah dipilih daripada seorang yang mendapat sokongan majoriti*'. Akan tetapi 39(4) menyebut bahawa '*Raja dengan boleh dengan sesuka hatinya melantik siapa sahaja untuk menjadi Menteri Besar*' tetapi tidak lari daripada perkataan '*yang mendapat sokongan majoriti*'.

Akan tetapi malangnya pemilihan ini dibuat daripada seorang yang tidak mendapat sokongan majoriti. Kalau sekiranya yakni dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan, kita telah mengamalkan pemerintahan Raja mutlak. Ini Raja Berperlembagaan, demokrasi. Jadi, kalau sekiranya persoalan ini tidak dibangkitkan, saya minta supaya Perlembagaan Negeri iaitu seorang Menteri Besar dipilih daripada seorang yang mendapat sokongan majoriti, dibuang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh atau tidak perbahasan di dalam lingkungan dalam rang undang-undang ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu luas lingkungan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu permulaan hendak ucap tahniah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Mukadimah sebenarnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mukadimah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengamal undang-undang dan faham Perlembagaan, memahami perkara ini. Saya bukan membawa Parlimen ini untuk membincang perkara-perkara negeri tetapi di bawah Perlembagaan, satu- Bahagian I, Jadual Kelapan, ini ialah Persekutuan yang kita *impose* kepada negeri. Akan tetapi kalau negeri itu melebihi, Parlimen melalui proses-prosesnya hendaklah membuat peruntukan supaya memberi penerangan yang sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan '*Raja dengan sesuka hati boleh melantik siapa sahaja*'. Akan tetapi jangan lupa bahawa Perkara 39(a)(2) itu, iaitu Menteri Besar mesti yang mendapat sokongan majoriti. Kalau tidak mahu yang ini, yang lain pun dipilih mesti mendapat sokongan majoriti. Kalau tidak, Menteri Besar tertakluk kepada 39(6) iaitu dia kena berhenti serta-merta kalau dia tidak mendapat sokongan majoriti. Jadi, tahniah.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri Kewangan, ini pembangkang yang baik lah kan, profesional sikit kan, yang baik kita sokong, yang tidak baik kita tidak sokong. Dulu-dulu lain, dulu dia hentam semua ya. Jadi, sekarang ini saya hendak bagi tahu saya sokong, usul ini saya sokong. Yang Berhormat sebagai kawan saya dan saya hendak bagi tahu saya sokong apa yang telah dibentangkan kerana ini untuk rakyat. Kita tidak mahu rakyat

tertunggu-tunggu apa yang akan berlaku, 100 hari, saya tidak pasti mungkin ini harinya, saya tidak pasti ya.

Akan tetapi hari ini bagi orang Islam ialah hari berpuasa sampai sebelum raya haji. Akan tetapi sekarang yang saya hendak sebut di sini ialah jangan bagi rakyat tertunggu tentang apa yang berlaku. Kalau sekiranya kerajaan yang lama tidak bagus, buat yang bagus, tidak payah cerita, buat. Akan tetapi mempamerkan benda yang tidak bagus, tidak menguntungkan negara.

Dulu saya tanya kepada seorang penasihat kewangan, katanya kenapa tukaran kita jatuh. Padahal ekonomi kita kuat, fundamental kita kuat. Dia kata, persepsi. Jadi, persepsi kerajaan masa itu mungkin tidak disukai oleh orang, maka duit kita jatuh. Akan tetapi sekarang ini kerajaan baharu ambil alih, duit lagi jatuh. Jadi, saya minta supaya persepsi tentang keburukan apa yang kita rasa berlaku pada masa yang lepas, jangan dipamerkan sampai berleluasa, sampai orang tidak nampak apa yang harus kita buat. Buatlah yang terbaik, tidak ada masalah. Kami akan sokong.

Okey, yang pertama sekali ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengeluarkan arahan potong semua projek. Yang Berhormat, Perlis ini negeri miskin, projek kecil pun Yang Berhormat potong. Ini telah pun diluluskan, peruntukan telah dihantar, ini projek kecil, ini RM20 ribu saja satu jalan. Jadi, saya minta Yang Berhormat tolong, ini bukan *had* besar-besar, itu Yang Berhormat buat lah apa yang patut tetapi yang kecil-kecil. Projek ini nilainya RM20 ribu satu dan jumlahnya ialah pelbagai. Yang ini ialah terutama yang lulus melalui saya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat, kalau boleh pertimbangkan balik. Ini bukan projek untuk sesiapa. Ini untuk rakyat.

Yang Berhormat, rakyat itu termasuk rakyat yang menyokong PH. Ramai kawan-kawan daripada UMNO dan juga Barisan dulu menyokong PH. Sekarang ini mereka ini tertanya-tanya kenapa mereka dihukum. Padahal mereka menyokong PH. Terdapat pegawai kerajaan yang menyokong PH dan sekarang ini dia tanya kenapa dia dihukum, dia menyokong PH. Dia kata kerana bapak kamu UMNO. Terdapat seorang pegawai PTD, Gred 48, dia menyokong PH, saya tahu. Akan tetapi sekarang dia dikeluarkan kerana bapak di UMNO. Jadi, nampaknya pegawai kerajaan banyak yang termenyosal sedikit kerana mereka banyak menyokong PH tapi PH menghukum semua orang. Asalkan bapak UMNO dan sebagainya, *wallahua'lam*.

Kemudian fasal pembuangan pegawai kontrak Yang Berhormat. Pegawai kontrak ini pertama, gaji dia rendah, elaun dia rendah, tidak tetap. Jadi, kononnya mereka ini lantikan politik, jadi kita buang, kita buang mereka. Akan tetapi sebahagian besar daripada mereka ialah lantikan semasa Tun jadi Perdana Menteri dahulu. Jadi, bila mereka dibuang, jadi kita rasa satu yang kurang manis dibuat. Sudah lah gaji tidak tetap, elaun rendah, sekarang dibuang, padahal mereka ini banyak yang telah berkeluarga dan sebagainya.

Jadi, kita akan melihat satu bentuk pengangguran yang kurang manis ditengok. Tolong pertimbangkan balik. Mereka ini orang yang bekerja dengan kerajaan pada hari ini, kerajaan *of the day*. Jadi, kita bagi peluang, dia akan menyokong Yang Berhormat, tidak ada masalah sebab mereka ini kita pun bagi peluang, sokonglah siapa saja. Apa yang paling penting ialah kamu bekerja secara profesional.

Jadi, projek-projek kecil saya minta kalau boleh dipertimbangkan balik. Tidak banyak Yang Berhormat. Saya ingat tidak sampai pun RM15 juta. Tolong jangan- kalau tidak nampak sangat kita jadi macam panglima-panglima zaman dahulu. Genghis Khan apabila dia pergi serang, dia bunuh habis kecuali perempuan dia tidak bunuh, dengan kanak-kanak. Yang lain dia bunuh habis. Jadi, itu sifatnya. Akan tetapi di zaman selepas itu, zaman Salahudin al-Ayubi, zaman Khalid al-Walid, di mana selepas berperang, mereka memberi pengampunan kepada semua rakyat, termasuk Richard *the Lion Heart*, dia berjuang bersama Salahudin.

Diberi pengampunan, bukan saja pengampunan, masa Richard sakit, Salahudin hantar doktornya untuk mengubat Richard. Selepas Richard sudah baik, dia ajak berperang balik. Akan tetapi bila Richard kalah, dia benarkan Richard balik ke England. Akan tetapi buku sejarah telah menulis dia sebagai Richard *the Lion Heart*. Akan tetapi saya rasa sepatutnya Richard *the Chicken Heart*.

Okey, sekarang ini projek besar Yang Berhormat tangguh tetapi ada satu projek besar di Perlis, ini di bawah Kementerian Kewangan iaitu Koridor Utara, Yang Berhormat. Koridor Utara di Perlis itulah satu projek. Yang Berhormat tarik, habislah, tidak ada apa lagi.

Walaupun Perlis Barisan Nasional menang, Yang Berhormat menghormati sebab kami hebat. Jadi, kena hormat kami bukan dengan potong projek macam itu.

Apakah Yang Berhormat mengehendaki kami sokong PH semua untuk membolehkan projek itu kita dapat balik? Itu saya rasa kalau boleh Yang Berhormat fikirkan balik bahawa ia ini telah diluluskan. Akan tetapi satu benda Yang Berhormat boleh buat ialah panggil tender semula, tender terbuka. Dulu mungkin *direct negotiation*, dengan izin dan lain-lain lagi, sekarang panggil tender terbuka. Akan tetapi memotong satu projek yang satu-satunya ada di Perlis, saya ingat kurang manis ya.

Kemudian yang berikutnya saya hendak cakap fasal alam sekitar, alam sekitar peruntukan besar telah dibagi, Tuan Yang di-Pertua. Alam sekitar ini saya ingat sudah sampai masanya Malaysia menghentikan pembalakan serta-merta. Sarawak menghentikan balak serta-merta dan ia menang pilihan raya negeri iaitu diharamkan balak serta-merta. Kemudian ada beberapa negeri juga berbuat demikian rupa. Akan tetapi kalau kita lihat seluruh negara, kalau Tuan Yang di-Pertua, kalau ada peluang naik mana-mana helikopter kementerian, Yang Berhormat pergi tengok. Kalau Yang Berhormat duduk di atas helikopter, Yang Berhormat akan tengok ke bawah, Yang Berhormat akan tengok hutan hijau dan sebagainya.

Akan tetapi tiba-tiba Yang Berhormat tengok ada satu tempat, hutan tidak ada lagi, gondol. Jadi, Yang Berhormat tahu ini negeri mana, ini negeri mana. Saya tidak payah sebut negeri mana tetapi saya hendak bagi tahu, setengah negeri telah digondol dengan hebatnya iaitu melalui pembalakan halal, pembalakan haram dan juga penerokaan melalui pembakaran hutan. Hutan dibakar, selepas itu mereka teroka hutan tersebut, terutamanya bila datang musim kering nanti.

Jadi, saya menyokong supaya beberapa NGO itu diberi sokongan seperti NGO yang diketuai oleh Puan Sri Sharifah Sabrina Syed. Saya rasa ini perlu dibagi sokongan. Dia bukan dapat gaji, dia cuma sayang, cinta kepada alam sekitar. Kita kena bagi sokongan dan saya sendiri akan menubuhkan NGO saya sendiri iaitu akan memberi sokongan perlindungan kepada alam sekitar. Malah, kita akan berusaha untuk tolong kerajaan-kerajaan negeri menanam semula mana-mana kawasan hutan yang telah diterokai secara haram ataupun secara halal. Kemudian...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah tepat pukul 1.00 tengah hari.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang pukul 1.00?

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambung lagi setengah jam lepas ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Saya ingat 5 minit selepas ini memadai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cuma 5 minit ya.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu sebab saya suka Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kita bersidang semula pada 2.30 petang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, *thank you*.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Kita teruskan dengan sesi perbahasan. Saya menjemput Yang Berhormat Arau.

2.32 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Berikutnya, saya sambung tadi berhubung dengan sokongan kepada NGO yang berjuang untuk alam sekitar seperti Puan Sri Shariffa Sabrina. Saya juga mencadangkan supaya tindakan lebih tegas diambil kepada pembalok-pembalok haram ataupun pembalok halal yang bertindak mengharamkan sebahagian daripada usaha mereka. Supaya hukuman berat seperti negara-negara ASEAN seperti Thailand dan juga Indonesia mengenakan hukuman yang cukup berat kepada mereka yang memotong pokok. Satu pokok dalam kes tertentu di Thailand hukumannya sampai ke RM10,000 dan juga penjara dan sebagainya.

Oleh itu di samping penguatkuasaan yang tegas mereka dapat menyelamatkan hutan. Akan tetapi hutan kita yang sedikit yang tinggal kita lihat penerokaan haram masih berleluasa dan kita minta supaya Menteri baharu memberi perhatian lebih kepada usaha-usaha alam sekitar dan bukan memperjuangkan bahasa sebab bahasa ini kementerian lain. Jadi, berilah perhatian kepada perkara-perkara tersebut.

Kemudian yang berikutnya, berhubung dengan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan Kementerian Pertahanan. Saya minta supaya pagar sempadan dari Perlis sampai ke Kelantan itu dapat direalisasikan semula sebab ini salah satu yang dapat membendung penyeludupan dan juga lain-lain lagi. Kita lihat untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua mungkin pernah datang Perlis, tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak pernah melawat tembok besar.

Dalam dunia ini cuma dua tembok besar, satu tembok besar China, yang kedua tembok di Negeri Perlis. Jadi, tembok ini ialah tembok sempadan yang dibina di kawasan Bukit Kuan Choh ataupun Bukit Kencana sampailah ke sempadan Kedah dan seterusnya.

Kemudian, saya juga minta supaya Kementerian Pertahanan dan juga APMM supaya bagi perhatian kepada soal keselamatan negara dengan tidak bertolak ansur kepada mana-mana pihak yang mencerooboh ke kawasan negara ini. Kalau nelayan kita tangkap tetapi kita minta supaya kedaulatan negara dipertahankan oleh *navy* dengan izin dan juga APMM kerana kita lihat jawapan yang diberi kepada saya baru-baru ini ialah bahawa *navy* dan juga APMM membuat rondaan berkala padahal ini kawasan Malaysia tetapi kapal asing yang berada di sana iaitu *coast guards* dari negara China duduk di sana dari tahun 2013 sampai sekarang.

Saya minta supaya tindakan diambil. Kalau tidak, kita lihat dalam *National Geographic* dengan izin, daripada negara yang berkenaan dimaklumkan kepada rakyat mereka seolah-olahnya Laut China Selatan ini ialah sebahagian daripada mereka dan usaha-usaha cari minyak yang dibuat oleh beberapa negara dianggap ialah pencuri harta-harta dari negara yang berkenaan. Jadi, pentingnya hari ini ialah maruah negara yang harus dipertahankan.

Kemudian tadi Menteri Kewangan telah menyebut bahawa APMM dan juga APM dipindah kepada KDN. Saya ingin maklumkan bahawa APMM dan juga terutamanya APM ialah setiausaha pengurusan banjir, pengurusan bencana di peringkat negeri. Pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan. Jadi, APMM bertanggungjawab kepada NADMA, NADMA duduk di bawah Timbalan Perdana Menteri, APM duduk di bawah KDN. Jadi bagaimana mereka hendak *coordinate* benda ini? Kita minta supaya dilihat semula supaya APM dengan NADMA itu jangan dipisahkan sebab NADMA sekretariat di peringkat Persekutuan sementara APM ialah di peringkat negeri. Akan tetapi sekarang mereka telah dipindahkan di pelbagai kementerian.

Saya juga minta supaya Kementerian Belia dan Sukan, ini adalah kerajaan baharu, mesti ada harapan baharu. Akan tetapi kita lihat kementerian telah memotong peruntukan kepada persatuan-persatuan sukan contohnya ialah persatuan renang. Renang ialah pencarum terbesar pingat emas di negara ini. Saya isytiharkan saya Presiden Renang Malaysia sudah 23 tahun lebih lama daripada presiden-presiden yang lain tetapi kita lihat berenang bukan sahaja berjaya memberi sumbangan besar kepada negara tetapi berjaya menjadi penyumbang besar pingat emas dalam semua sukan termasuk juga yang terakhir ini ialah Sukan Komanwel dan sebelum itu Sukan Olimpik.

Kemudian akhir sekali Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, ini pasal royalti minyak. Dalam undang-undang tanah, Yang Berhormat tahu undang-undang tanah negeri tiga kilometer dari *shoreline* dengan izin kepada tiga batu nautika itu ialah kawasan negeri. Tiga

batu nautika dari *shoreline* sampai 200 ialah kawasan zon ekonomi eksklusif. Semua sekali minyak yang berada dalam kawasan *federal* ialah hak bersama yang saya minta hari itu ialah kawasan *federal* royalti minyak hendaklah dibagi sama seperti negeri-negeri yang lain.

Saya telah masukkan perkara ini pada tahun 1996 masa saya menjadi Menteri Besar dulu dan Menteri Kewangan masa itu Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah memberi wang ehsan kepada negeri Perlis dan juga negeri-negeri yang lain. Jadi, saya minta supaya royalti minyak ini dilihat kembali supaya kawasan *federal* hendaklah minyak ini diagih bersama dengan semua negeri. Jadi, saya ingin memaklumkan sekali lagi, benda yang baik kita sokong, benda yang tidak baik kita akan tegur dan sebagainya. Saya menyokong usul ini iaitu Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, terima kasih. Oh!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

2.39 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan meringkaskan perbahasan saya kepada beberapa topik sahaja.

Pertamanya saya menyokong usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian Kewangan dan Menteri untuk membatalkan program-program seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Biro Tatanegara dan juga Program PERMATA. Umum mengetahui bahawa semua program-program ini mempunyai masalah-masalahnya tersendiri. Dalam Program Latihan Khidmat Negara kita pernah mendapat aduan dan juga melihat kejadian-kejadian di mana pelatih-pelatih telah meninggal dunia apabila mereka melaksanakan program-program dan latihan-latihan tertentu.

■1440

Ramai sangat ibu bapa yang membangkitkan kerisauan mereka tentang keselamatan anak-anak mereka dan juga latihan-latihan yang dilaksanakan kadangkala oleh pelatih-pelatih yang tidak mahir dan mungkin tidak cekap, mungkin tidak dilatih sendiri dalam program-program ini.

Saya sendiri sebagai seorang ayah mempunyai persepsi yang tidak baik, dengan izin, *my own reservation* kerana keselamatan anak-anak kita adalah perkara yang penting. Kita juga lihat terdapat trend di mana tiap-tiap tahun terdapat banyak sangat pemuda yang memohon untuk mendapat pelepasan untuk tidak memasuki latihan ini kerana risau tentang kaedah-kaedah yang digunakan dalam Program Latihan Khidmat Negara.

Berkenaan dengan Program PERMATA yang dinaungi oleh isteri Yang Berhormat Pekan. Banyak sangat masalah dan juga ketirisan yang telah diadu. Jumlah yang begitu banyak juga telah diagihkan kepada Program PERMATA di mana cara perbelanjaannya, tujuannya dan motifnya dan juga hasilnya adalah sesuatu yang kita tidak ketahui sehingga hari ini. Malahan ada juga terdapat laporan-laporan yang menyatakan bahawa program-program ini juga dianjurkan di luar negara, di mana jumlah yang diagihkan adalah mencecah berjuta-juta ringgit sehingga tidak dapat diperjelaskan oleh Yang Berhormat Pekan pada ketika itu.

Satu lagi isu yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan wang GST yang sepatutnya dikembalikan, yang telah kita berbahas dengan begitu teliti pada minggu yang lalu. Satu perkara yang begitu mengejutkan adalah, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari ini, jumlahnya telah mencecah lebih daripada RM19.2 bilion. Kita mendapati bahawa terdapat percanggahan.

Kalau minggu lalu, ketika jumlah ini didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, semua Menteri yang terlibat yang berada di sebelah sana memang rata-rata tidak mengetahui tentang kewujudan wang ini. Kita lihat Yang Berhormat Rembau telah membuat laporan polis, meminta pihak polis dan SPRM menyiasat perkara ini. Akan tetapi kemudiannya kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Irwan Serigar yang mengatakan

bahawa wang itu memang ada dalam akaun kerajaan. Selepas itu pula terdapat tuduhan oleh Yang Berhormat Pekan bahawa wang ini memang ada tetapi telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu.

Saya di sini mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang apa yang sebenarnya berlaku kepada wang ini kerana tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan terhadap Kerajaan Pakatan Harapan adalah satu tuduhan yang begitu serius. Tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan adalah seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan telah pun membelanjakan wang ini dan kita sekarang memberi persepsi bahawa wang itu tidak ada iaitu seolah-olah menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan menipu rakyat.

Pada masa yang sama, saya terkilan, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau wang itu memang wujud seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Pekan dan wang itu memang ada seperti yang dikatakan oleh Tan Sri Irwan Serigar, mengapakah Yang Berhormat Rembau telah membuat laporan polis menuntut supaya satu penyiasatan dibuat mengenai perkara ini? Kita sekarang berada dalam satu keadaan begitu merumitkan disebabkan oleh pendirian-pendirian yang berbeza dari semasa ke semasa oleh Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Pekan sama ada wang itu ada ataupun dibelanjakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan ataupun wang itu telah hilang dan memang tidak ada seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rembau di mana beliau telah membuat satu laporan polis menuntut penyiasatan dibuat.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan aset Kementerian Pertahanan. Pendedahan yang dibuat oleh Menteri Pertahanan adalah sesuatu yang begitu mengejutkan di mana daripada kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, beliau menyatakan bahawa aset pertahanan sama ada tentera udara mahupun tentera laut berada dalam keadaan tercorot.

Saya menggunakan istilah 'keadaan tercorot'. Memang sesuatu yang begitu mengejutkan di mana kedaulatan negara boleh dikompromi di mana kebanyakan daripada jet-jet penerbangan tentera udara tidak boleh terbang. Bagaimanakah kerajaan yang dahulu boleh membenarkan perkara ini berlaku? Bayangkan sekiranya kedaulatan negara kita terganggu, terdapat pihak-pihak anasir-anasir di luar itu yang berhasrat untuk menyerang kita, bagaimanakah kita boleh mempertahankan negara kita?

Menjelang Hari Kemerdekaan yang akan tiba tidak lama lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada mahkamah yang— maafkan saya. Kepada Dewan yang mulia ini untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya. Minta maaf. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Peguam.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebagai peguam, saya terlupa kerana pernah juga saya hadir di hadapan Tuan Yang di-Pertua sebagai hakim Mahkamah Rayuan. Jadi, maafkan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya memohon kepada mahkamah yang mulia ini— maafkan saya. Kepada Dewan yang mulia ini... [Ketawa] Supaya kita memberi perhatian yang serius kepada perkara ini. Kedaulatan negara adalah sesuatu yang tidak boleh dikompromi. Pendedahan yang dibuat oleh Menteri Pertahanan adalah sesuatu yang begitu merisaukan saya. Sebagai seorang rakyat Malaysia yang tinggal di negara Malaysia yang berdaulat, adalah menjadi impian saya untuk memastikan bahawa kedaulatan negara ini terpelihara sentiasa.

Persoalan saya kepada Menteri-menteri di sebelah sana adalah, bagaimanakah perkara ini boleh dibenarkan berlaku? Kapal terbang-kapal terbang, jet-jet pejuang dalam Tentera Udara Diraja Malaysia, keadaannya begitu tercorot. Begitu juga dengan kapal-kapal selam, kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia, keadaannya juga dalam keadaan tercorot. Bagaimanakah Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu boleh membenarkan perkara ini berlaku?

Kita begitu megah, kita rasa begitu bangga apabila kita lihat perarakan pada Hari Kebangsaan. *The show of might*, dengan izin, adalah sesuatu yang kita harus bangga. Dengan perarakan tentera kita, Tentera Udara, Tentera Laut di mana kita juga menunjukkan kekuatan Angkatan Tentera Malaysia, kita mendapati bahawa kekuatan itu adalah sesuatu

yang mungkin tidak boleh dipertahankan sekiranya negara kita menghadapi ancaman daripada anasir-anasir daripada luar negara.

Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Kenyataan yang dikeluarkan oleh individu bernama Jho Low yang sering kali menyerang sistem perundangan negara kita yang menyerang Yang Amat Berhormat Langkawi— saya di sini terpanggil untuk mempertahankan Yang Amat Berhormat Langkawi kerana beliau adalah Perdana Menteri kita yang dihormati dan disegani.

Walaupun kenyataan-kenyataan tersebut dikeluarkan oleh Jho Low dan tidak dipertahankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana, saya di sini mencabar Jho Low, sekiranya kapal *Equanimity* itu dibeli dengan hasil yang sah, dengan pendapatan yang halal— Jho Low ini merupakan seorang peniaga di Hong Kong, saya difahamkan. Beliau mempunyai sebuah syarikat di Hong Kong, saya difahamkan. Saya sebagai seorang peguam, mencabar beliau mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan dengan pembelian kapal *Equanimity* itu.

■1450

Sekiranya kapal itu dibeli dengan pendapatan yang halal, dengan pendapatan yang tidak ada kena mengena dengan duit 1MDB, yang tidak ada kena mengena dengan duit rakyat. Kalau beliau dapat mengemukakan bukti-bukti tersebut— Yang Berhormat Lanang, *sorry* Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar saya akan habiskan, saya akan habiskan. Kalau betul...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lanang sana. [*Dewan ketawa*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalaulah betul Jho Low ini tidak ada kena-mengena dengan duit 1MDB, kalau beliau tidak menggunakan duit 1MDB, duit rakyat untuk membeli kapal *Equanimity*, tidak ada masalah. Banyak sangat Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana, kawan saya Yang Berhormat Pasir Salak ada, kawan saya siapa lagi? Yang Berhormat Rembau ada, Yang Berhormat Kuala Krau ada, Yang Berhormat Kota Tinggi ada boleh mengemukakan bukti di Dewan yang mulia ini untuk menunjukkan bahawa *Equanimity* itu dibeli oleh Jho Low daripada pendapatan yang halal. Mengapa perkara ini tidak dibuat? Sila.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Maknanya kerajaan belum tahu siapa pemilik kapal itu. Kerajaan pun belum tahu dari mana sumber wangnya, betul? Jadi soalnya, atas peruntukan undang-undang apa yang membolehkan kerajaan menahan kapal ini?

Kedua, kalau nak tanya soalan, tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri sebab sebelah sini tidak boleh jawab. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, saya akan memberi satu respons yang pendek di bawah *Anti-Money Laundering Act* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang begitu berpengalaman, berwibawa dalam perkara undang-undang, sebagai seorang bekas hakim Mahkamah Rayuan. Di bawah *Anti-Money Laundering Act*, beban untuk membuktikan bahawa sesuatu harta tidak dibeli dengan wang haram adalah terletak kepada orang yang menuntut.

Di sini kerajaan kita mempunyai hak untuk menyita kapal *Equanimity*. Sekiranya Jho Low pihak yang menuntut kapal itu mengatakan bahawa kapal itu tidak dibeli dengan duit 1MDB, duit 1MDB kepunyaan rakyat yang dicuri daripada rakyat, yang disamun daripada rakyat, sepatutnya Jho Low yang mengemukakan bukti bahawa kapal itu dibeli daripada pendapatan yang halal sebagai seorang ahli perniagaan. Kalau beliau dapat mengemukakan bukti di bawah *Anti-Money Laundering Act*, maka kerajaan akan terpanggil untuk mengembalikan kapal itu kepada beliau. Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, kes 1MDB ini adakah sudah pun diputuskan oleh mahkamah yang mengatakan wang tersebut dicuri dan sebagainya ataupun masih lagi andaian?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih kepada soalan itu Yang Berhormat. Saya minta maaf bukan Menteri, hanya *backbencher* sahaja.

Seorang Ahli: Jawablah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itulah tujuan saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, untuk memberi pencerahan di atas perkara ini tetapi saya berbalik kepada isu terakhir yang akan saya ulangi. Kedaulatan negara Malaysia adalah sesuatu yang tidak boleh dikompromi.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Jelutong saya hendak tanya sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Terengganu minta laluan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Sentuh fasal *Equanimity* tadi, katakan di dalam peringkat perundangan Malaysia kita dapat selesai masalah pemilikan *Equanimity*. Adakah sebarang jaminan apabila kerajaan menjual kapal ini kelak sebab kapal ini ia akan berlayar di perairan antarabangsa, pemilik yang baru tidak berhadapan dengan masalah tuntutan luar daripada Malaysia nanti? Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Satu soalan yang baik tetapi saya tidak boleh memberi sebarang penjelasan kerana saya bukanlah Menteri yang berkenaan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan akan dapat memberi pencerahan.

Jadi saya hanya menggulung dengan mengatakan bahawa kerajaan perkara yang didedahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu tidak membelanjakan wang untuk mempertingkatkan aset Tentera Udara dan Tentera Laut adalah perkara yang begitu serius, bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak menggunakan wang untuk mempertahankan negara kita tetapi telah membelanjakannya sia-sia dengan membeli cincin dan membeli kapal *Equanimity* adalah sesuatu yang begitu mengejutkan. [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berkenaan supaya memastikan bahawa kita membelanjakan wang untuk mempertahankan, mempertingkatkan aset Tentera Udara dan Tentera Laut. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Pontian silakan.

2.55 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun tidak ada dalam Dewan. Sedangkan ini adalah berhubung dengan portfolio mereka. Tidak berlaku kehilangan wang daripada Tabung Amanah Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana kesemua kutipan hasil perlu dimasukkan dahulu ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, Kerajaan Persekutuan sebagaimana dikehendaki Akta Prosedur Kewangan 1957.

Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar, menyebut bahawa dari segi prosedur keperluan dana untuk dimasukkan Tabung Amanah Bayaran Balik GST hanya dibuat selepas Mesyuarat Pengurusan Aliran Tunai Kerajaan Persekutuan yang diadakan setiap bulan. Beliau menyebut bahawa setiap sen dikira, itu adalah duit rakyat lebih penting berada dalam Kumpulan Wang Disatukan kemudian apabila diperlukan akan dikeluarkan. Itu kenyataan beliau dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan apa pendapat beliau tentang kenyataan itu.

Satu lagi yang disebut oleh kenyataan Yang Berhormat Tan Sri Dr. Mohd Irwan, tunggakan pada tahun 2017 ialah RM15 bilion, ini perlukan verifikasi dan pengauditan. Kemudian disebut juga oleh Yang Berhormat Tan Sri Irwan pada tahun 2017, tuntutan

bayaran balik ialah RM23 bilion ataupun 34 peratus daripada pungutan GST. Jika RM23 bilion dicampur dengan RM15 bilion jumlahnya ialah RM38 bilion. Kutipan keseluruhan GST campur yang nak dipulangkan balik adalah RM67 bilion. Sejumlah RM38 bilion daripada RM67 bilion ialah 58 peratus, 58 peratus ini terlalu besar dalam setahun yang perlu pengauditan. Saya kira ini adalah antara sebabnya kenapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri berlaku.

Saya harap tentunya diadakan Mesyuarat Pengurusan Aliran Tunai Kerajaan Persekutuan pada setiap bulan dengan lain perkataan ada mesyuarat pada bulan lima, ada mesyuarat pada bulan enam, ada mesyuarat pada bulan tujuh, ada mesyuarat pada bulan lapan. Kenapakah dalam bulan-bulan itu tidak peruntukkan dengan jumlah yang tertentu ITC tuntutan bayaran balik ini? Sila jawab tentang apa yang saya perkatakan itu.

Perkara kedua ialah tentang isu MARA. Ini dalam B.15 Kementerian Hal Ehwal Ekonomi peruntukan RM1.022 bilion yang diperuntukkan semula. MARA ini ketika di bawah Kementerian Perusahaan Awam, MARA kekal sebagai satu entiti di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MECD) pada ketika itu MARA kekal sebagai satu entiti. Kemudian ditukar kepada KKLW, MARA juga kekal sebagai satu entiti. Akan tetapi dalam Kerajaan PH sekarang ini, saya difahamkan MARA dipecah-pecahkan perniagaan pada Hal Ehwal Ekonomi, GIATMARA pada Kementerian Pembangunan Usahawan, pendidikan kepada Kementerian Pendidikan yang lain-lain pada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang Berhormat Langkawi menyebut dalam kenyataannya dua hari lepas bahawa Kerajaan PH perlu sensitif tentang isu MARA ini dan tentang hal-hal ini ia perlulah dilihat segala pandangan rakyat kerana rakyat telah mengundi Kerajaan PH. Jadi saya ingin mengetahui, kenapakah MARA perlu dipecah-pecahkan seumpama itu? Seolah-olah sengaja untuk dihilangkan autonomi menyebabkan MARA tidak lagi berkesan, menyebabkan pendidikan dan keusahawanan sebagai agenda bumiputera, bumiputera 68 peratus daripada penduduk negara ini akan diperkotak-katikkan apabila MARA dipecah-pecahkan sedemikian rupa.

Perkara ketiga, ada di dalam pengumuman semula ini beberapa kementerian menyebut tentang kakitangan kontrak. Saya ingin bertanya tentang kenaikan gaji kepada 1.6 juta penjawat awam. Yang Berhormat Langkawi kata tiada kenaikan gaji, itu sebab duit tidak cukup. Saya ingin menyokong apa yang disarankan oleh CUEPACS semalam yang menyatakan bahawa mereka memerlukan dua insentif. Pertama bonus, yang kedua ialah elaun bandar raya. Elaun bandar raya ini cadangan CUEPACS ialah RM300 sebulan kerana kos sara hidup yang tinggi walaupun GST kosong, kos sara hidup masih lagi tinggi.

Seperkara tentang kakitangan kerajaan ini, disebut banyak kakitangan kontrak pelbagai kementerian yang diperuntukkan semula. Saya ingin mengesyorkan mana-mana pegawai kontrak yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun, pegawai-pegawai kontrak itu perlu dijadikan pegawai tetap kakitangan awam kerana mereka juga berkhidmat seumpama kakitangan awam yang lain.

■1500

Perkara keempat RISDA, KPLB di bawah Hal Ehwal Ekonomi diberikan bayaran tetap RM84.5 juta dan saya ingin bertanya adakah ini termasuk bayaran RM200 selama tiga bulan ketika musim tengkujuh, bulan 11, bulan 12 dan juga bulan Januari setiap tahun sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga ingin bertanya tiga bulan untuk pesawah padi, adakah akan diteruskan? Adakah peruntukan RM84.5 juta untuk RISDA itu termasuk apa yang saya sebut sebagai RM200 kepada penoreh getah pada tiga bulan musim tengkujuh.

Perkara kelima ialah tentang pembangunan usahawan, kementerian B.26. SME Corp. berada dalam Kementerian Pembangunan Usahawan. Ada satu program yang penting yang namanya ialah Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Ini adalah satu program yang amat baik, anak-anak muda dikursuskan selama tiga minggu. Saya harap anak-anak muda yang mengikuti TUBE ini ditambah bilangannya, bukan dihentikan tetapi ditambah bilangannya. Setelah kursus selama tiga minggu, satu minggu ala tentera, dua minggu asas-asas keusahawanan, mereka membuka syarikat dan diberikan geran sebanyak RM15,000.

Saya ingin mengesyorkan supaya peserta ditambah dan peruntukan ditambah untuk Kementerian Pembangunan Usahawan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi menyebut tentang bagaimana kerajaan terdahulu melaksanakan pelbagai program yang betul mendekati rakyat sama dari segi pembangunan keusahawanan ataupun program-program bantuan yang diberi kerana itulah yang penting sebenarnya. Sebuah kerajaan yang memberi perhatian kepada kumpulan sasaran yang perlu diberi bantuan dalam pelbagai bidang.

Namun demikian saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pontian, kerajaan hari ini nampaknya lebih fokus kepada isu lain, 1MDB, soal kapal, ini hendak bawa balik kapal terbang pula. Isu-isu yang sebenarnya hanya lebih kepada populis tetapi tidak kepada usaha-usaha yang lebih jelas membantu rakyat, apatah lagi dalam keadaan suasana sekarang dengan kenaikan harga barang berganda-ganda. Tidak ada mekanisme yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu pekebun kecil dan nelayan, tidak ada mekanisme untuk mengawal harga barang dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, mereka tidak menunaikan janji-janji. Kalau adapun di tunai mungkin hanya 10 peratus daripada sepuluh janji 100 hari itu dan 100 hari itu tinggal beberapa hari sahaja lagi. Saya difahamkan hari Jumaat ini ialah 100 hari. Mereka adalah kerajaan populis yang tidak menunaikan janji. Jadi mereka hanya ingin mencari kesalahan walhal sebahagian daripada kesalahan itu ialah kesalahan yang mereka buat sendiri.

Perkara yang keenam, Kementerian Belia dan Sukan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Saya difahamkan bahawa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau. Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat sedar bahawa negeri-negeri Kedah, Kelantan dan Perak, ini ialah negeri-negeri yang mengeluarkan padi kecuali Perlislah yang menang. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah negeri ini yang menyokong PH tiba-tiba elau kepada petani yang baru dibagi tiga bulan ditarik balik. Bukankah ini ialah satu kekejaman yang dilakukan kepada penyokong-penyokong mereka terutamanya pesawah-pesawah daripada negeri-negeri tersebut.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau saya terlalu amat sedar tentang apa Yang Berhormat Arau sebut itu. Di tangan saya ada jawapan apabila saya tanya tentang bantuan musim tengkujuh, ini dijawab oleh Kementerian Industri Utama. Mereka menyatakan apa dia? BMT adalah salah satu bantuan berupa wang ringgit sebanyak RM200 seorang yang diberikan kepada pekebun kecil dan penoreh getah selama tiga bulan iaitu November, Disember 2017 dan Januari 2018. Pada masa ini pelaksanaan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sedang diteliti. Biasalah jawapan mereka teliti, kaji, teliti, kaji.

Memandangkan kerajaan dalam proses menstrukturkan perbelanjaan kewangan negara, biasalah jawapan mereka, perkara yang sama. Standard jawapan. Jadi dalam lain perkataan, jawapan yang standard itu jugalah yang tentang tiga bulan yang sepatutnya diberikan kepada pesawah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Sedikit Yang Berhormat, soalan bukan standard, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Oh, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Pendek sahaja berkaitan dengan padi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian memang saya sokong bila kita mahukan lebih banyak elaun dan insentif diberikan kepada pesawah dan petani. Persoalan saya daripada maklum balas yang kita terima, masalah yang dihadapi oleh petani dan pesawah di Malaysia bukan sekadar elaun yang mencukupi dari bulan ke bulan tetapi monopoli Bernas itu sendiri menghimpit peluang mereka. Kenapa tunjuk-tunjuk macam itu Yang Berhormat daripada Arau, kenapa? Menghimpit peluang mereka untuk meraih lebih banyak lagi daripada hasil yang dikeluarkan.

Jadi di peringkat kami ada juga cadangan daripada beberapa kumpulan termasuklah oleh *PADI Rescue* supaya di samping bantuan elaun bulanan yang mencukupi, yang memadai, perlu juga - kejam Yang Berhormat belum habis sikit sahaja. Perlu juga perubahan struktur mungkin dikembalikan kembali LPN seperti dahulunya yang dilihat bukan hanya mahu mengaut keuntungan tetapi benar-benar mahu mempertahankan kebajikan pesawah dan petani. Saya mohon pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya minta ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambungan kepada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...itu masuk dalam ucapan saya ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ah, kacau.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Untuk dijawab oleh Menteri Kewangan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Dan saya harap ayah kepada Yang Berhormat Permatang Pauh akan jadi Perdana Menteri tidak lama lagi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambungan, sambungan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Supaya segala hal-hal ini boleh disegerakan. Okey Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sambungan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Apakah Yang Berhormat sedar semasa LPN beroperasi, kerajaan kerugian RM100 juta setahun. Akan tetapi apabila diwastakan kerajaan telah mendapat keuntungan yang besar RM200 juta hingga RM400 juta setahun dan kita lihat kerajaan untung balik di mana Bernas membayar cukai pendapatan. Jadi apakah Yang Berhormat sedar bahawa elaun petani ini tidak ada hubung kait dengan perkara tersebut tetapi petani berkehendakkan sumbangan sama seperti yang diberi kepada nelayan. Dalam keadaan sekarang kita lihat pesawah-pesawah menghadapi masalah kerana tanaman mereka telah kena bencana.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Arau. Pihak nelayan diberikan bantuan tiap-tiap bulan, pesawah cuma tiga bulan dan penoreh getah cuma tiga bulan. Saya harap yang tiga bulan penoreh getah dan tiga bulan pesawah itu janganlah ditarik dengan apa juga alasan.

Perkara yang keenam yang saya ingin nyatakan di sini ialah tentang Kementerian Belia dan Sukan. Ada dinyatakan bahawa Sepang International Circuit (SIC) diberi RM25 juta. Adakah F1 akan dikembalikan? Berapa kos? Setakat mana manfaatnya pada negara F1 ini. Kemudian PLKN, BTN, IM4U apakah cadangan-cadangan modul baru yang hendak dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan tentang perkara ini. Disebut tadi oleh Menteri Kewangan bahawa Kementerian Belia dan Sukan mengesyorkan supaya umur 21 tahun diturunkan kepada 18 tahun untuk pengundi. Ini jumlahnya adalah sekitar 1.5 juta Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 1.5 juta di antara 18 tahun ke 21 tahun itu tetapi ada lagi empat juta orang Tuan Yang di-Pertua yang masih lagi tidak jadi pendaftar, tidak jadi pemilih, tidak lagi jadi pengundi.

Pada pandangan saya ialah kita perlu melihat kepada yang empat juta ini automatik, umur 21 tahun sahaja automatik jadi pengundi. Umur 21 tahun terus jadi pengundi sebagaimana mereka yang betul-betul berusaha untuk menjadi pemilih, umur 21 tahun satu hari pun mereka sudah pergi pejabat pos untuk mendaftar diri sebagai pengundi. Saya ingin mengesyorkan dalam Dewan ini dan saya akan ulang syor ini banyak kali supaya daftar pemilih ini diautomatikan ataupun dibuat secara... *[Disampuk]* Ini sokong ya, sokong. Secara wajib.

Sekali lagi tidak ada Menteri Kewangan dan tidak ada Timbalan Menteri Kewangan. Saya bercakap dengan kerusi kosong kedua-duanya di hadapan itu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak serius kot.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Lailahaillallah.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya ingat dia tidak serius. Tidak mendengar nasihat Perdana Menteri supaya duduk dalam Dewan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara ketujuh, tinggal seminit lagi ini. Penguntungan semula, memperkukuh jenama halal, pemboleh ubah dalam Halal Malaysia, menggalak konsolidasi industri halal, meningkatkan keupayaan inovasi halal, mengukuh *connectivity* Halal Malaysia, ini adalah bagus tetapi saya ingin mengesyorkan bahawa Majlis Halal Malaysia hendaklah diwujudkan sebagaimana yang telah diwujudkan dan diteruskan tentang perkara itu.

Perkara yang kelapan, defisit 2013 adalah 3.9 peratus, tahun 2014 turun 3.5 peratus, tahun 2015 adalah 3.2 peratus turun lagi, tahun 2016 3.1 peratus dan tahun 2017 - 3.0 peratus defisit menurun tiap-tiap tahun. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan berapa defisit tahun 2018, berapa anggaran defisit tahun 2019 yang saya kira akan meningkat. Hutang Persekutuan tahun 2013 - 54.8 peratus daripada KDNK. Tahun 2014 turun 54 peratus, tahun 2015 - 54.5 peratus, tahun 2016 - 52.8 peratus dan tahun 2017 - 50.8 peratus turun hampir setiap tahun. Saya ingin bertanya tahun 2018 dan tahun 2019 berapa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tepat pada masanya. Mengikut senarai yang diberikan, saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh, silakan.

■1510

3.10 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya turut berbahas isu yang berkait dengan Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018. Sudah tentu bila di bawah Pakatan Harapan, kita diharapkan untuk menyusun atur perbelanjaan mengikut *aulawiyat* ataupun keutamaan.

Saya hari ini benar-benar terkesan dengan usaha kerajaan untuk berjimat-cermat yang amat penting bagi kesejahteraan rakyat tetapi yang saya ingin bangkitkan adalah dua cabang utama yang tidak boleh kita pinggirkan bila melihat bagaimana belanjawan akan dibelanjakan nanti. Di samping keputusan Kementerian Pendidikan sekarang ini mengambil alih fungsi Kementerian Pendidikan Tinggi, dari dapatan saya ketika dahulu selaku Ahli Parlimen Lembah Pantai, Universiti Malaya dan juga Pusat Perubatan Universiti Malaya ini dua institusi yang sangat penting buat negara kita.

Maka saya ingin tekankan di sini, walaupun ada keputusan yang berkait dengan agensi PERMATA ataupun agensi lain dalam usaha kerajaan untuk menjimatkan dana negara, perlu juga diperhalusi oleh anggota Kabinet termasuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang fungsi Universiti Malaya yang sangat terkesan dengan pemotongan bajet oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu.

Kita banyak berbahas dalam Dewan Rakyat pada sidang Parlimen dahulu tentang Universiti Malaya yang melakar status dan prestasi yang sangat cemerlang. Kita dengar dalam *Times Higher Education Emerging Economies University Rankings* tahun ini, Universiti Malaya mencatat tangga ke-27 tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku dan keputusan kerajaan terdahulu secara konsisten adalah memotong perbelanjaan untuk Universiti Malaya. Apabila dipotong, sudah tentu bukan sahaja soal pekerja staf tetap dan juga pekerja kontrak Universiti Malaya ini terkesan dengan sangat negatif di mana mereka diberhentikan, tetapi

juga pelajar-pelajar universiti tidak mampu untuk mendapatkan tenaga pengajar yang berkualiti dan berpengalaman. Itu satu.

Keduanya, saya dimaklumkan oleh staf yang berpusat di Universiti Malaya, begitu banyak pusat-pusat kajian atau *research centres* yang terpaksa ditutup kerana geran yang dipinta kepada Kementerian Pendidikan di bawah Kerajaan Barisan Nasional terdahulu dipotong dan ditolak berkali-kali. Jadi bila kita sekarang ini mengadakan perbincangan menggunakan *the latest drug, for example*, yang mampu untuk mengubat ketagihan dadah, semua ini akan terkesan, akan terpinggir kerana potongan yang telah dibuat oleh kementerian dalam kerajaan terdahulu.

Jadi saya pohon jasa baik kementerian, sementara kita gunakan saat ini untuk mengatur semula mana hendak ditumpukan, mana hendak dipotong tetapi kita tidak boleh berkompromi perihal pendidikan yang sudah menunjukkan kecemerlangan. Sudah tentu sebagaimana yang dijangkakan kalau potongan ini tidak diratifikasi, tidak diperbaiki, maka kita akan hilang tangga dan juga prestasi yang telah baik yang dicatat oleh Universiti Malaya termasuklah universiti-universiti lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh minta penjelasan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Sebagaimana yang diketahui, Tuan Yang di-Pertua, poin tiga dan poin satu dalam mana-mana ranking kalau *QS World University Rankings*, Universiti Malaya mencecah angka ranking ke-87 dan *top 100*. Ini kali pertama dalam sejarah Malaysia. Akan tetapi, tanpa *research and development*, sudah tentu nombor ini akan corot. Daripada tahun 2014 hingga 2016— saya pohon kementerian ambil serius— dana UM dipotong sebanyak hampir RM50 juta untuk geran penyelidikan. Jadi ini sudah tentu bila kita lihat data dari Laporan Tahunan Universiti Malaya 2015, tiadanya geran termasuk yang ditolak oleh Kementerian Pendidikan kerajaan sebelumnya, ini memberi kesan negatif kepada universiti.

Saya juga rujuk laporan Menteri Kewangan mengenai anggaran peruntukan untuk KPT atau Kementerian Pendidikan Tinggi yang sudah tidak lagi wujud sekarang yakni berkait dengan cabang kedua iaitu bidang kesihatan. Kita ketahui banyak wujudnya hospital tenaga pengajar atau *teaching hospitals*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan antaranya Pusat Perubatan Universiti Malaya dimasukkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Tinggi.

Peruntukan untuk PPUM bagi tahun 2017 hingga 2018 melihatkan pemotongan. Maka rata-rata kalau pesakit-pesakit pergi ke Pusat Perubatan Universiti Malaya atau PPUM, sudah tentu mereka bukan sahaja diberikan ubat yang standardnya jauh lebih rendah daripada jenama asal, *generic medicine*, dengan izin, tetapi pada masa yang sama dibekalkan bukan untuk jangka masa yang mencukupi bagi setiap orang pesakit. Mungkin kementerian dan kerajaan merasakan dahulunya di bawah Barisan Nasional, *it is okay, generic medicine* lagi murah tetapi keberkesannya sangat rendah kalau banding dengan ubat daripada jenama yang asal.

Jadi pada saya, bila kita melakukan perubahan sebagaimana yang akan diluluskan pada hari ini, *the sheer weight of the majority*, dengan izin, kita tidak boleh lupa tentang institusi-institusi yang sangat memerlukan pelunasan dana serta-merta dan secepat mungkin. Saya rujuk yang PPUM ini kerana bukan sahaja...

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Ya, saya akan rujuk kepada USM selepas ini tetapi isunya disimbolkan menerusi potongan, maka PPUM ini, Tuan Yang di-Pertua, juga memperlihatkan di mana kebanyakan *the main and most rare diseases* dikaji dan diselidiki oleh kumpulan doktor pelatih, maka kita harus serta-merta cuba memperbaiki keadaan sedia ada.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong pohon mencelah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya berminat apabila kita bercakap soal bagaimana usul

untuk kita mengangkat kedudukan universiti. Dalam pengetahuan saya, kalau saya tidak silap sewaktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu, memang ada usul untuk memberikan autonomi pada universiti. Antara universiti yang diberikan ialah UTM, USM, UPM, UKM termasuklah UM.

Autonomi diberi untuk memberikan lebih kuasa kepada universiti terutama sekali dalam beberapa bidang antaranya ialah kewangan, penjanaaan kekayaan, sumber dan sebagainya untuk menjana pendapatan sendiri membolehkan mereka untuk menentukan ke arah yang lebih baik dan sebagainya. *[Disampuk]* Berdikari dan sebagainya. Apakah apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa Yang Berhormat masih lagi mahu supaya selama-lamanya universiti terus dibantu oleh kerajaan, tidak berdiri sendiri?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih, Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih. Saya suka jawapan ini kerana ia ulang tayang daripada sesi lepas hingga sekarang.

Saya faham tentang kita mahu universiti berdiri sendiri sudah tentu dari segi pelbagai bidang bukan sahaja dari hak autonomi untuk mereka memilih pensyarah, memilih naib canselor tanpa diganggu-gugat oleh kuasa politik, tanpa dikenakan tindakan politik kerana menunjukkan dukungan dan sebagainya. Ini kerana di peringkat universiti di Malaysia, bukan sahaja soal kewangan tetapi isu yang utama ialah bila hendak bagi autonomi, kebebasan bagi pelajar untuk berdiskusi, berbincang dan mengadakan forum terbuka tentang isu-isu kenegaraan. Maka berkait dengan autonomi, pada saya, kewangan ini dia harus memperlihatkan secara berfasa dan secara berhemah.

Masalah utama bila Universiti Malaya sudah meningkatkan prestasi yang sangat cemerlang, tiba-tiba potongan itu— bukan kecil, Yang Berhormat. Kita bercakap tentang 27 peratus secara berterusan dan konsisten. Ini sudah tentu memberikan bukan sahaja impak negatif tetapi merencatkan lagi segala pertumbuhan universiti. Saya bercakap tentang staf kontrak yang dibuang termasuklah pekerja-pekerja tetap. Sampai ke tahap itu.

Jadi saya setuju kita hendak bagi sedikit ruang untuk setiap universiti itu bernafas dan punyai autonomi untuk melakukan ataupun memilih dasar dan program. Akan tetapi pada masa yang sama, saya lihat keputusan kerajaan sangat tergesa-gesa dan diutamakan dalam cabang lain yang tidak membantu pelajar yang memerlukan dukungan lebih-lebih lagi bila berkait dengan *research and development*.

■1520

Jadi pada saya, bila saya sebut tentang bidang *research and development*, walaupun kerajaan mahu pergi ke arah dan era yang kita berikan iaitu autonomi kepada universiti, fasa dan juga tindakan potongan itu haruslah juga selaras dengan kebolehan universiti untuk ke depan, termasuk dengan kebebasan lain yang berkait. Maka Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh sikit?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tentang isu apa Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eh! Macam takut pula dia.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tak, saya tak takut.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I'm a friend of your father. [Ketawa]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tak, saya tak takut, saya hendak- pasal saya... Okey, ya, baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tak tahu itu, dia kecil-kecil masa itu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tak apa, tak apa, kita tak payah pergi ke sejarah lama.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit sahaja, sikit, *I want to ask you.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Okey, saya bagi Yang Berhormat Pasir Salak, sebentar. Sekejap, saya hendak maklumkan kerana keutamaan hari ini saya tumpu kepada cabang pendidikan dan juga kesihatan, maka saya berharap Yang Berhormat Pasir Salak juga dapat bertumpu kepada cabang kesihatan dan pendidikan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, saya sokong. Bukan pasal *your father is my friend, you are making a good point* iaitu perlunya peruntukan yang secukupnya kepada universiti untuk menjalankan program-program penyelidikan dan sebagainya dan juga mendapatkan tenaga pensyarah yang berkualiti. *I'm with you*. Duit kalau Kerajaan Pakatan Harapan boleh buat, *let's do it, thank you*. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: *Short and sweet*. Yang Berhormat silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hargai dan saya sentiasa berharap agar sokongan kita dalam Dewan Rakyat ini sentiasa diberikan kepada kerajaan sedia ada untuk menumpukan kepada agenda menyejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar itulah kadangkala dalam kita melakukan keputusan sama ada keputusan dari segi peruntukan, kita harus fahami juga struktur utama dalam negara ini dan dalam cabang-cabang yang kita pilih adalah untuk memastikan perubahan struktur itu memberi kesan kepada masyarakat.

Saya sentuh bab yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Pontian tadi kerana pada saya, kalau kita hanya melihat secara luaran, isunya peruntukan, maksudnya hendak tambah elaun. Akan tetapi pada masa yang sama, inilah peluang terbaik bagi Kabinet untuk melihat, contohnya industri pertanian bagi hasil tanaman padi sebagai industri yang strategik, yang merupakan salah sebuah bidang yang kalau kita utamakan, dapat menjamin *food security* ataupun keselamatan jaminan bekalan makanan di dalam negara.

Bagi Malaysia, hanya mendapat 70 peratus *self-production* dalaman, pada saya tidak mencukupi. Kalau di Amerika Syarikat, pada peringkat awal semasa kita berbasah dan kita telah mengadakan perbincangan tentang Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA), Amerika Syarikat melindungi bidang pertanian dan juga dimasukkan dalam *defense procurement*, dengan izin. Jadi, kadangkala bila perlindungan dilaksanakan, mereka memikirkan tentang keperluan untuk menjadikan para petani, para pesawah sebagai golongan yang mendapat kehidupan yang berkualiti.

Tak cukup hanya sekadar melihat kepada pemberian elaun, Tuan Yang di-Pertua. Kita benar-benar kalau hendak merubah masa depan Malaysia ini, saya cadangkan isu LPN seperti tadi yang dikatakan LPN ini tidak mendatangkan keuntungan berbanding dengan BERNAS. Itu pun pada saya, Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang sangat salah. Ini kerana isunya, kita mahu melabur sekarang, *you invest now*, dengan izin, untuk mendapatkan hasil ke depan, *for the future*.

Jadi, kalau kita hanya melihat secara luaran tanpa mengambil kira keperluan untuk benar-benar mereformasi secara struktur, maka kita kehilangan peluang ini. Saya percaya anggota Kabinet semua, *insya-Allah*, termasuklah Yang Berhormat Bukit Katil dulu, sekarang sudah lupa nama baru. Hang Tuah, Hang Tuah Jaya, dapat melihat agar keperluan kita menggunakan peluang keemasan ini, bukan mudah rakyat melihat dan menjangkau daripada 100 hari yang kita sebut berkali-kali, adalah keperluan untuk melihat kepada bagaimana kita sentiasa menyejahterakan rakyat itu menerusi *a new look at how things can be done in the economy*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Silakan Yang Berhormat Jeli.

3.24 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk bercakap tentang pengumuman semula peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2018. Sekali bah, sudah pasti pasir akan berubah. Kita cukup faham kenapa ini perlu berlaku. Sudah pasti kerajaan baharu akan menetapkan keutamaan-keutamaan baharu.

Saya ada tak banyak perkara. Pertama, berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini, kita sedia maklum satu kementerian yang cukup berpengaruh, cukup besar. Banyak tugas di bawah kementerian tersebut. Ini merupakan prerogatif kerajaan baharu. Cumanya saya hendak membangkitkan beberapa perkara. Pertama, di dalam Dewan ini kita ada bincang mengenai MARA, agenda bumiputera. Saya amat gembira mendengar kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa kita harus sensitif kepada MARA dan peranan MARA dalam negara kita.

Sebagai salah seorang yang satu masa dahulu bertanggungjawab kepada MARA, saya cukup selesa dengan kenyataan tersebut. Dalam kepala saya, maka MARA akan dijaga sebagai institusi di bawah satu ketua, satu kepala seperti masa dahulu. Akan tetapi melihat kepada pengantukan semula ini, kita dapati bahawa peranan MARA ini hadir di beberapa tempat, yang besarnya di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kalau tidak silap saya, ada juga di beberapa kementerian lain, termasuklah Kementerian Pendidikan. Jadi, salah satu daripada sebab kenapa MARA begitu cemerlang. Kalau kita pergi kepada MARA zaman dahulu, MARA tahun 60-an umpamanya, bagaimana anak bumiputera yang gagal masuk ke universiti telah diambil belajar di UiTM. Mereka ini menjadi tokoh-tokoh hebat dalam korporat, dalam pendidikan, profesor, tokoh politik, itu tahun 60-an, 70-an. Kini MARA, tanggungjawab mereka ialah untuk melatih dan mendidik latihan dan juga keusahawanan, peranan universiti telah berpindah kepada Kementerian Pendidikan, itu diterima.

Akan tetapi maknanya, dulu MARA termasuk juga UiTM, hari ini MARA tidak lagi di bawah Ketua Pengarah MARA. Jadi, sebagai salah seorang yang suatu masa dulu bertanggungjawab kepada MARA, saya amat gembira mendengar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Menteri-menteri dan pihak lain harus peka dan sensitif kepada hal yang berkaitan dengan MARA. Maka, saya pada- apabila saya mendengar kenyataan tersebut, saya berdoa semoga MARA akan dikekalkan ke satu bumbung.

Jadi, persoalan saya adakah yang ditegaskan dalam cadangan ini, dengan izin, *cast in stone*, tidak boleh diubah ataupun boleh diubah lagi? Saya- umum mencadangkan supaya dikaji semula dengan terperinci kedudukan beberapa agensi, termasuklah MARA, supaya kita menepati matlamat penubuhannya. Satu lagi perkara ialah berkaitan dengan PLKN. Di Dewan ini kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, menyatakan akan dikaji semula tetapi di sini kita lihat ada peruntukan yang disediakan.

Dulu saya kurang pasti di mana tetapi sekarang ini di bawah Kementerian Pertahanan ya. Jadi, saya hendak dapat kepastian, memandangkan jawapan yang diberikan oleh Menteri untuk dikaji semula PLKN, sama ada kerajaan ingin meneruskan apa yang kerajaan terdahulu, Kerajaan BN melaksanakan ataupun hendak berhentikan terus. Jadi, saya bangkitkan ini kerana di bawah pengantukan semula ini ada satu item, PLKN. Akan tetapi isu yang paling besar Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan di sini ialah kedudukan kewangan negara.

Kita sama ada kerajaan ataupun pembangkang, banyak bercakap tentang kedudukan kewangan negara. Yang Berhormat Permatang Pauh, bercakap tentang Universiti Malaya, PPUM perlu diberi peruntukan, perlu dipastikan *ranking* universiti tersebut dapat ditingkatkan, dipertahankan. Pada pandangan saya, isu ini terlalu besar untuk kita lepas begitu sahaja. Saya mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas Parlimen ditubuhkan untuk menyiasat, meneliti apa sebenarnya kedudukan kita sekarang ini. Kita bercakap kita hutang 687,1087, kita bercakap definisi hutang, hutang itu *direct debt, contingent liabilities*, PPP pun di masuk oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah hutang. Jadi, kita perlu kepastian, sebagai contoh.

Keduanya, berkaitan dengan GST. Masih lagi merupakan polemik-polemik, kita cadangkan dibuat siasatan, Menteri Kewangan sudah bersetuju untuk dibuat siasatan dalaman, saya harap ia disegerakan. Jadi, perkara ini taklah susah sangat, kalau kita duduk bersama-sama kerajaan pembangkang kerana ini hal ini terlalu penting, masa depan negara.

■1530

Jadi apabila kita mendengar jawapan daripada Menteri, jawapannya ditunda, ditangguhkan, terpaksa dipotong kerana kita menghadapi masalah kewangan yang serius, hutang kita tinggi. Jadi saya hendak tahu, Yang Berhormat Jeli hendak tahu apa keadaan sebenarnya? Caranya ialah untuk kita pembangkang dan kerajaan duduk, apa dia hutang negara ini berapa? Berapa? GST ini berapa? SST ini berapa? Yang dalam Akaun Amanah ini berapa? Ini antara perkara-perkara yang perlu kita selidik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lenggong minta laluan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli, saya bersetuju untuk diwujudkan satu jawatankuasa bagi menilai dan melihat benar kah kedudukan kewangan negara tenat sebagaimana yang didakwa oleh kerajaan? Namun saya agak khuatir dan seolah-olah curiga dengan kenyataan yang dibuat oleh ramai Menteri di sebelah sana yang memperlihatkan seolah-olah kerajaan tidak ada wang. Itu pada saya hanya alasan untuk mereka tidak menunaikan janji kepada rakyat.

Sebab apa Yang Berhormat, kalau saya tengok dalam belanjawan yang dikemukakan ini, di Kementerian Belia dan Sukan, sudah pun dilancarkan, lebih daripada RM300 juta diperuntukkan oleh kerajaan untuk melaksanakan Sepang *Formula One*. Itu bukti bahawa kerajaan ada duit. Orang luar bandar tidak mendapat nikmat pun. So, apa keperluan mengadakan program ini ketika kerajaan mendakwa wang tidak ada? Itu dipotong, ini dipotong. Akan tetapi ini dibuat.

Sedangkan zaman Yang Berhormat Rembau jadi 'Menteri Kewangan' itu dibatalkan kerana—keutamaan, Menteri Belia dan Sukan waktu itu, minta maaf. Menteri Belia dan Sukan waktu itu kita tangguh kerana tumpuan Kerajaan Barisan Nasional pada waktu itu adalah untuk membela rakyat. Itu bukti bahawa sebenarnya kerajaan ada duit, tetapi sengaja tidak mahu membuat. Apa pandangan, Yang Berhormat Jeli?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bangun] Yang Berhormat Jeli, hendak minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Saya akan bagi peluang. Apabila kita menghalusi perkara ini, kita tubuhkan jawatankuasa bersama, kerajaan pembangkang melihat kepada kedudukan kewangan negara. Tidak kiralah PERMATA kah Yang Berhormat Jelutong kah, tak kira. Jadi umpamanya salah satu perkara yang perlu diutamakan ialah prioriti. Apa keutamaan kita? PPUM kah? Universiti Malaya kah? Apa itu, *F1 circuit* kah? Luar bandar kah, MARA kah? Jadi ia adalah termasuk dalam skop jawatankuasa cadangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua bercakap tentang reformasi Parlimen. Kita bersetuju. Titah Diraja juga bercakap tentang reformasi Parlimen, kita cakap tentang Malaysia Baharu. Maka ini adalah satu peluang kepada kita untuk membuktikan kepada rakyat kerana rakyat terkeliru, apa dia hutang, apa dia defisit, apa GST dan SST? Kita tidak mahu rakyat terkeliru. Kita mahu rakyat mempunyai dalam semangat yang pertama kita hendak reformasi Parlimen, yang kedua ketelusan. Ini era *transparency*, era ketelusan. Apa nak sembunyi?

Maka saya cadangkan supaya tubuhkan jawatankuasa bersama kerajaan pembangkang untuk kita memperhalus secara terperinci apa itu defisit, apa GST, berapa SST, berapa *F1 circuit*, apa prioritinya? PPUM hendak dibuat kah? MARA bagaimana? Jadi kita akan tentukan skop kita serah kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk tentukan skop dan kita buat kerja cepat kerana apa? Rakyat terkeliru.

Masuk Pakatan Harapan dulu kita kata kedudukan kita okey. Bank Dunia kata okey, kita boleh bayar hutang. Mari Pakatan Harapan, itu tidak boleh buat, hendak bayar apa itu kakitangan kerajaan. Setengah kakitangan kerajaan dihentikan, kerana apa? Alasannya tiada duit. Alasannya hutang. Ini perkara yang serius, tidak boleh kita main-main. Kita tidak mahu dipolitikkan kerana rakyat keliru dan ini bukan susah, senang sahaja. Tuan Yang di-Pertua buat keputusan, tentukan skop, kita ada perbincangan, kita bentang kertas, kertas putih kah, hitam kah, merah, tidak kiralah dalam Parlimen ini supaya rakyat faham defisit kita tahun lepas berapa? 3.0 kah, tahun ini 2.8 kah, berapa dalam Akaun Amanah, berapa? Adakah 1.4 *million* kah 140 *million*, *whatever it is* lah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya hendak ketelusan, Yang Berhormat Jeli hendak ketelusan. Saya hendak supaya kita melaksanakan janji kita untuk *reform* Parlimen, salah satu caranya ialah— oleh sebab ini terlalu penting, ini bajet hendak— 2 November hendak bajet sudah. Jadi kalau perkara ini boleh diselesaikan, rakyat akan mendapat satu fakta yang jelas. Hutang itu berapa? Apa yang boleh kita buat? Apa yang tidak boleh kita buat? Dan jawatankuasa ini saya cadangkan supaya tentukan, jadi prioriti ini ditentukan oleh kerajaan dan juga pembangkang. *F1 circuit* kah, MARA kah, itu terserah kepada jawatankuasa bersama, kerajaan dan pembangkang. Sila Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli kerana memberi kesempatan kepada saya untuk minta penjelasan. Tentang Akaun Amanah ini kalau wang tersebut memang ada dalam simpanan ketika Kerajaan Barisan Nasional memerintah dan wang itu telah hilang, persoalannya ialah mengapakah Yang Berhormat Rembau membuat laporan polis untuk perkara itu disiasat? Kalau wang itu ada dan telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, sepatutnya laporan itu dibuat menuduh kita yang membelanjakan wang itu. Bukannya meminta perkara itu disiasat.

Akan tetapi apabila perkara ini dibahaskan oleh Yang Berhormat Bagan tiada ada seorang Menteri di sebelah sana yang boleh menjawab. Jadi persoalannya adalah, mengapa laporan polis dibuat meminta supaya kewujudan wang itu disiasat? Walhal Yang Berhormat Pekan sekarang mengatakan wang itu wujud dan dibelanjakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Ada percanggahan dalam kedudukan Yang Berhormat di sebelah sana.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ada dua pendapat, satu kata rompak, —kata rompak ya. Kita tidak kata rompak. Dua pendapat. Satu lagi ada pelbagai tuduhan, SPRM, Polis. Tuan Yang di-Pertua dengan izin, ini bukan *rocket science*. Tidak perlu *add maths* kah apa ke, ini *arithmetic* sahaja. *Standard one, standard two*, campur-campur dapat. Bukan susah sangat. Jadi senang sahaja. Kita tidak perlu pening kepala. Tidak perlu naik bulan apa semua ya. Satu sahaja, semua ada maklumat. Kerajaan di sebelah sana ada maklumat, kami tidak ada. Jadi kami mungkin membuat tuduhan, kami tidak tahu. Jangan marah kami. Kami tidak tahu dahulu kami kerajaan, boleh korek-korek semua. Sekarang tidak boleh korek lagi. Korek ini sebelah sana sekarang ini.

Jadi dengan izin, ini bukan *rocket science*, bukan susah, angka ada. Tunjuk di sini selesai masalah kerana ini besar, di luar sana rakyat *confused*, terkeliru. Apa sebenarnya kita hendak bankrap kah, kita kuat kah, kita hebat kah? Kita masih mempertahankan, ekonomi kita kukuh. Malaysia telah dibangunkan oleh pemimpin-pemimpin kita terdahulu menjadi sebuah negara yang hebat. Kita ada sebuah cabaran, ya. Akan tetapi rakyat hendak tahu ini kerana hendak buat ini tidak boleh. RISDA hendak bantu RM300, RM200 kah. Tidak pasti dapat atau tidak kerana tiada duit. CUEPACS minta itu ini. Kita tidak boleh, semua tidak boleh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua ini bukan perkara yang susah, bukan *rocket science*. *Arithmetic* sahaja, darjah empat, darjah lima boleh. Semua angka ada. Jadi duduk bersama apa defisit, GST berapa dalam Akaun Amanah? Tidak payah ber'bantai' berkelahi. Saya hendak supaya *once and for all* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita selesaikan masalah ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*] Yang Berhormat Pasir Salak, tumpang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Salak, minta sedikit boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan. Sudah diberi laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli cakap ini bukan *rocket science*. Saya hendak cakap ini roket DAP. [*Ketawa*] Roket DAP ini dia merewang sana-sana. Tiada tetap dia punya sasaran.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan maksud Yang Berhormat Jeli saya ingat. Itu bukan maksud Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia maksud dia senang, ini perkara senang, mudah. Akan tetapi saya hendak beri susah sedikit biar mereka berfikir. Ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat setuju kah kalau saya katakan bahawa pemotongan banyak projek atas alasan kita banyak berhutang, beban hutang, satu beban yang sangat perit bagi kerajaan dan juga kepada rakyat. *Well*, saya setuju, hujah itu. Namun ada kos yang terpaksa dibayar bila kita menanggungkan projek.

Kerajaan Barisan Nasional dahulu merancang segala ini dengan tujuan untuk kesejahteraan rakyat. Meningkatkan ekonomi rakyat. Jadi apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini dengan membubarkan, menanggungkan, membatalkan,

sebenarnya kalau dilihat daripada satu sudut ialah menafikan peluang rakyat untuk menjadi sebuah negara maju. Menafikan negara kita.

You are denying the right of the people and the country to become a first world country and a developed country. Ini kalau dilihat dari satu sudut, tetapi malangnya pihak kerajaan pada hari ini bercakap soal hendak menjimatkan duit. *Can! You save now, but you have to lose in the future,* dengan izin. *So, which one is actually more costly?* Mana dia yang lebih penting? Yang lebih penting kita hendak menjadikan rakyat kita lebih sejahtera dengan pendapatan yang lebih tinggi.

■1540

Jadi dengan sebab itu, kita harap dapat diteruskan projek ini, dengan pembiayaan secara berhutang dengan sebagainya tetapi diurus dengan baik, bukan tujuan untuk pembaziran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Cuma ringkas sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Dua perkara. Yang pertama, hutang ini, semua berhutang. Kalau kita tidak hutang, bank tutup semua. CIMB, Maybank, Bank Islam, semua tutup, tidak ada kerja semuanya. Hutang. Akan tetapi, yang pentingnya ialah sama ada mampu bayar balik. Hendak buat pembangunan kena hutang, hendak beli rumah kena hutang, itu realitinya. Jadi kita tentukanlah prioriti. Hutang untuk apa? Itu sebabnya saya kata perlu ada jawatankuasa ini.

Kedua, berkaitan dengan, sekali lagi, jawatankuasa bersama. Saya nyatakan ini penting dalam konteks reformasi Parlimen yang Tuan Yang di-Pertua hendak buat. Kita semua sokong. Kedua, sejajar dengan prinsip ketelusan kerajaan, kita pun hendak ketelusan juga, tetapi yang penting sekali kerana rakyat terkeliru di sana. Kuat ataupun lemah ataupun hendak bankrap, defisit, GST— macam-macam polemik.

Jadi saya cadangkan kita buat jawatankuasa ini. Bukan sukar untuk kita buat keputusan. Marilah kita bersama, marilah kita berdiri atas platform bersama mengenai satu perkara pokok yang penting bagi negara kita khususnya dalam konteks Belanjawan 2019 pada 2 November akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sebelah sini dulu. Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada? Yang Berhormat Kota Kinabalu.

3.42 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. So hari ini, yang perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2018 yang peruntukan semula, ini saya rasa merupakan satu langkah yang pertama dalam langkah arah ke Malaysia baharu. Ini kerana melibatkan— saya kira ada 14 kementerian yang terlibat dalam penguntukan semula peruntukan ini. Daripada 14 kementerian ini, cuma ada empat kementerian yang di mana anggaran perbelanjaan mengurus lebih daripada anggaran perbelanjaan pembangunan. Ini maksudnya kerajaan baharu sangat menitikberatkan untuk pembangunan daripada cuma emolument dan pengurusan yang biasa sahaja.

So, ini sesuatu yang sangat bagus. Saya rasa ini memang bukan roket sains. Kalau pihak sebelah kritik kita kerana sekarang dengan alasan tiada bajet so kebanyakan peruntukan sudah dikurangkan tetapi saya rasa satu gambaran holistik kena dilihat daripada kita untuk satu peruntukan semula yang semua ini.

Terutamanya untuk Jabatan Perdana Menteri di mana sudah dikurangkan daripada RM12.3 bilion perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan pada bajet yang lalu kepada RM4.9 bilion sahaja mengikut jawapan Jabatan Perdana Menteri minggu lalu. Cuma, angka-angka ini saya rasa tidak diserap masuk dalam bajet ini dan saya harap apabila masa Menteri Kewangan menggulung, dia boleh memberikan satu gambaran yang lebih holistik untuk macam mana peruntukan semula ini yang terlibat dalam mengurangkan badan-badan dalam Jabatan Perdana Menteri.

Berikutan dengan penstrukturan semula dan pembubaran agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, kuasa bukan lagi memusatkan kepada seorang sahaja. Sekarang

kuasa yang lebih seragam diserahkan kepada Kabinet dan ini lebih merupakan Kabinet yang bersifat *collective decision*. So, ini sesuatu ciri yang penting untuk Malaysia yang baharu supaya kita sama-sama menentukan nasib negara kita yang bersama ini.

Berikutan penstrukturan Jabatan Perdana Menteri ini, saya rasa adalah amat penting kalau penguntukan semula peruntukan ini atau pada bajet untuk tahun depan ialah harus menerangkan secara teliti pemindahan agensi-agensi daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Parlimen seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Pejabat Pendakwa Raya dan Jabatan Audit Negara.

Semua ini saya rasa kita harus ada reformasi Parlimen di mana pihak sebelah pun bersetuju dengan agenda reformasi tersebut yang pertama dibawa oleh Pakatan Harapan. Saya rasa dalam semua reformasi ini, adalah amat penting untuk kita mewujudkan semula *the Parliamentary Service Act*, Akta Perkhidmatan Parlimen, supaya Parlimen mempunyai autonomi yang lebih untuk menentukan hal-hal yang berkaitan dengan *legislative*, dengan izin.

Saya juga ingin menyentuh tentang isu-isu yang berkaitan dengan Sabah. Daripada bajet ini, saya ada nampak di dalam ini pengurusan untuk Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) masih diberikan RM4.425 juta untuk pengurusan tahun ini. SEDIA merupakan agensi yang *one stop centre* di Sabah untuk menguruskan kesemua *Economic Transformation Programme* dan kesemua *entry point project* itu.

Saya rasa ini adalah satu tahun yang genap sepuluh tahun untuk pelancaran lima koridor pembangunan di Malaysia. Untuk Sabah, kita sering nampak apa yang kita umumkan yang akan kita lancarkan di Sabah ini, tidak ada hasilnya. Seperti contoh, satu kilang jana kuasa *geothermal power plant* di Tawau. Walaupun ia disebutkan dalam *Economic Transformation Plan* tetapi sampai sekarang masih tidak nampak dibina. Selepas itu, satu projek untuk Alorie Lepa Lepa di Pulau Mabul, sampai sekarang pun masih tidak nampak. Satu lagi penternakan *lobster* di Semporna, yang kononnya RM1 bilion *investment* akan sampai di Semporna, sampai sekarang pun tidak ada.

So soalnya, saya ingin menggesa atau meminta kerajaan baharu ini untuk mengkaji semula kesemua lima koridor pembangunan tersebut, di mana kita sudah nampak satu kegagalan yang kebanyakan projek tidak dapat direalisasikan walaupun sudah di-*announce* atau diumumkan pada tahun-tahun yang lepas. Inilah tahun dengan Malaysia yang baharu, kita harus kaji balik model pembangunan yang sesuai dengan Malaysia yang baharu ini.

Dengan demikian, saya juga ingin menyarankan kesemua Ahli di sebelah bersama kita untuk mengkaji semula kegagalan kerajaan terdahulu yang lalu. Untuk demikian, saya ingin menyokong penguntukan semula peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Pasir Puteh dulu.

3.48 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan perbahasan di dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) bagi tahun 2018.

Setelah saya meneliti pembentangan dan ucapan-ucapan yang telah dibuat sebelum daripada ini, saya suka memberi respons berkenaan dengan pembangunan yang akan dilaksanakan dalam negara kita, di mana suka saya sebutkan bahawa saya ingin mencadangkan kepada semua kementerian yang terbabit sewaktu kita membelanjakan peruntukan kerajaan yang agak besar ini, kita lihat kepada keperluan yang wujud di dalam negara kita di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar.

Peruntukan-peruntukan yang dikhususkan kepada hospital, universiti, jalan raya, *airport* perlu diselaraskan dengan keperluan yang ada tanpa dilihat kepada kepentingan parti politik. Sebagai contoh yang ingin saya sebut ialah lapangan terbang di negeri Kelantan di

Pengkalan Chepa yang sepatutnya diangkat tarafnya kepada penerbangan antarabangsa sejak sekian lama.

■1550

Akan tetapi oleh sebab barangkali sebelum daripada ini perbezaan politik itu mendorong ia menjadi *delay*. Begitu juga dengan jalan-jalan raya di Kelantan terutama sekali di sempadan di antara Besut dan Pasir Puteh. Seolah-olah apabila kita daripada negeri Terengganu masuk ke negeri Kelantan, orang kampung sebut daripada jalan raya kepada trek kuda.

Jadi, saya mengharapkan kementerian yang terbabit mengambil perhatian tentang isu ini supaya mewujudkan sistem jalan raya yang lebih teratur, yang lebih selesa di tempat yang tidak selesa dan di tempat yang penggunaannya lebih maksimum. Hal ini saya kira ia termasuk dalam rangka *transparent* yang banyak diucap oleh Kerajaan Pakatan Harapan. *Insyah-Allah*, saya mengharapkan kerajaan yang baharu ini, mereka boleh menilai semula, menimbang semula hakikat ini dan supaya pembangunan yang lebih mampan, yang lebih baik dan teratur dapat dilaksanakan.

Keduanya, saya ingin menekankan isu kedaulatan negara. Di mana kedaulatan negara yang paling besar iaitu berkenaan dengan ketenteraan dan juga anggota polis, PDRM. Keselamatan negara kita. Kebetulan, saya berada di sebelah Kem TUDM di Gong Kedak, di mana lebih kurang tiga tahun yang lepas apabila Kerajaan Malaysia mengadakan kerjasama ketenteraan dengan pihak luar, di waktu itu pihak luar apabila bekerjasama dengan Malaysia, kita lihat mereka ini masuk ke dalam kem tentera kita ini daripada 'A to Z'. Tentunya bagi saya, saya rasakan bahawa maklumat-maklumat ketenteraan, kekuatan kita, kecanggihan pesawat kita sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan sebelum daripada ini ada pesawat lebih banyak tidak boleh terbang berbanding dengan yang boleh terbang. Itu satu perkara.

Keduanya, berkenaan dengan maklumat-maklumat yang saya kira rahsia, yang tentunya dalam kem ini mesti kena ada satu bilik operasi yang kebal. Akan tetapi dengan izin, saya ingin maklumkan bahawa kalau ada kerjasama ini, pihak tentera daripada luar mereka boleh masuk sampai ke peringkat bilik menyimpan data dan seumpamanya. Ini tidak harus berlaku dalam sebuah negara yang berdaulat.

Saya kira *insyah-Allah*, Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu ini dapat memastikan sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebut, *insyah-Allah* kerajaan yang baharu ini akan membuktikan kekuatan dan keutuhan tentera Malaysia ini akan meningkat naik. Mungkin sama taraf dengan Indonesia di kawasan Asia ini dan kami hendak lihat sejauh mana pencapaian ini boleh dilakukan dalam masa terdekat. Saya tanpa sangsi, bimbang takut-takut janji ini jadi janji sebagaimana 100 hari pilihan raya.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu mohon laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya pun terima juga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit Yang Berhormat. Sedikit tentang isu tentera yang telah saya bangkitkan tadi.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya berterima kasih. Mungkin kita berbeza pandangan politik, wadah perjuangan berbeza. Akan tetapi Yang Berhormat bersetuju dengan saya suatu perkara yang tidak boleh kita berkompromi adalah kedaulatan dan keselamatan negara. Terutamanya tentang kewibawaan dan kebolehan tentera kita sama ada tentera darat, tentera udara dan tentera laut.

Setuju Yang Berhormat bahawa kerajaan yang dahulu sepatutnya memberi perhatian kepada perkara ini. Pendedahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri kita Pakatan Harapan adalah perkara yang mengejutkan. Jadi kita tidak boleh menyalahkan Pakatan Harapan. Kita sekarang akan berusaha untuk memartabatkan pertahanan kita. Akan tetapi tanggungjawab yang harus dipikul, kesalahan, kegagalan menggunakan dana untuk memastikan bahawa kewibawaan dan kebolehan tentera tidak setanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara adalah kesalahan yang patut dipikul oleh Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tumpang sikit, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Terengganu minta mencelah. Yang Berhormat Pasir Puteh, siapa dahulu?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Terengganu dahulu. Ya.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu. Saya hendak bercakap juga sedikit tambah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, okey.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: ...Berkait dengan dalam konteks pertahanan tadi. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang masalah kemungkinan, ini kerana oleh faktor politik yang menyebabkan negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu tidak diberi penumpuan yang sepenuhnya dari segi peruntukan-peruntukan yang menyebabkan dalam– ditunjuk contoh tadi. Saya ingin mengaitkan tentang masalah pertahanan dari segi TLDM, perairan Terengganu, perairan Kelantan.

Pagi tadi saya dapat maklumat sekali lagi empat buah kapal nelayan Vietnam ditangkap. Hampir setiap hari berlaku pencerobohan nelayan Vietnam. Pada masa sekarang, kapal-kapal TLDM semakin dalam saiz yang besar. Saya ada bertanya baru-baru ini, soalan berapa banyak peruntukan diberi kepada *Boustead Naval Dockyard* untuk peruntukan berkait dengan pembangunan Tentera Laut. Dijawab sebanyak RM17 bilion. Saya rasa jumlah yang sama tidak pernah ada di Pantai Timur sehingga tidak mewajarkan untuk kemudahan yang sama berada di Pantai Timur.

Pada hari ini, kapal-kapal Tentera Laut yang daripada saiz yang besar sekiranya ada sebarang masalah kerosakan dan sebagainya, sepanjang daripada Kelantan sampai ke Kuantan, sampai ke Johor tidak ada satu pun tempat di mana kapal-kapal ini boleh diselenggarakan. Saya cukup prihatin masalah berkait dengan nelayan tadi, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Dalam Negeri, pada masa sekarang saya dimaklumkan tidak mempunyai kekuatan untuk membolehkan menjalankan rondaan sepertimana yang sepatutnya kerana tiada kelengkapan. Ia menyebabkan pada hari ini nelayan Vietnam berleluasa di perairan Kemaman, Terengganu dan Kelantan. Pada masa hari ini, kemudahan untuk menempatkan bot-bot nelayan yang ditahan tidak ada tempat hendak letak. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita– Yang Berhormat Pasir Puteh ada menyebut soal keselamatan, disambut oleh Yang Berhormat Jelutong kerana kedaulatan negara. Soal keselamatan dan kedaulatan negara ini bukan sahaja bergantung kepada pertahanan *military*, ketenteraan. Ketahanan mental dan jati diri rakyat Malaysia pun penting daripada dikuasai oleh pihak luar.

Baru-baru ini kita ada mendengar Yang Berhormat Pasir Puteh iaitu seorang tokoh daripada Amerika, daripada *International Republican Institute* membuat kenyataan terbuka.

Seorang Ahli: US.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Seorang Ahli: US.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, *United States* (US) memberi kenyataan terbuka mengatakan bahawa mereka telah pun membantu Pakatan Harapan. Sejak dari tahun berapa? Beberapa tahun yang lalu. *[Disampuk]* Sejak daripada tahun 2002.

This is dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is an interference and it is dangerous.* Maknanya pihak Amerika sudah mula mahu menguasai negara ini dan rakyat negara ini. Boleh kita minta penjelasan nanti Yang Berhormat Pasir Puteh kepada kerajaan? Apa jawapannya dalam hal ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta ruang sikit Yang Berhormat Pasir Puteh. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Sedikit sahaja, yang ringkas.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak sebut. Saya ringkas. Soal berkaitan dengan bantuan pihak luar. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menimbangkan suatu peruntukan kepada semua parti politik sebagaimana dengan beberapa buah negara di dunia bagi mengelak mereka menerima dana daripada pihak-pihak asing ataupun pihak yang tidak dikenali.

Sebagai contoh, saya tertarik dengan mekanisme yang diadakan di negara Turki yang memperuntukkan sebanyak USD3 ataupun pada setiap jumlah undi yang diperoleh oleh parti-parti politik dalam pilihan raya.

■1600

Saya fikir ini satu pendekatan yang sangat positif supaya parti-parti politik tidak bergantung pada dana pihak-pihak, tauke-tauke tertentu ataupun dana asing. Mekanisme ini perlu di pertimbangkan supaya parti politik boleh hidup dalam sistem demokrasi. Kekuatan parti-parti politik ini sangat penting bagi kestabilan negara dan manfaat umum kepada rakyat. Mohon dipertimbangkan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua yang mencelah ucapan saya dan saya pohon supaya ianya dijadikan sebahagian daripada ucapan saya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Apa yang disebutkan oleh rakan-rakan berkenaan dengan kedaulatan negara kita, memang dia adalah isu yang sangat-sangat mustahak. Di mana kita Malaysia ini mesti menampilkan kita punya identiti sendiri, kekuatan tentera kita sendiri, cara kita sendiri. Kita jangan sekali-kali bergantung pada pihak luar untuk menentukan percaturan terutamanya politik di dalam negara kita. Jadi, *insya-Allah* saya minta supaya pihak Kementerian mengambil perhatian kepada isu-isu yang berlaku dalam negara kita.

Persiapan ketenteraan bagi tentera-tentera dalam negara kita, begitu juga dengan prasarana yang perlu diambil kira terutama sekali balai-balai polis yang belum lagi dibaik pulih di dalam negara kita seperti balai polis di Pasir Puteh, begitu juga hospital di Pasir Puteh yang saya kira ini sangat ketinggalan. Sangat ketinggalan dan ia sudah tidak rasional lagi pada zaman kita ini.

Ketiga, saya ingin sebut iaitu berkenaan dengan pemulihan ekonomi dalam negara kita. Setelah saya memerhatikan kepada agenda yang diketengahkan oleh kerajaan yang baru, seolah-olah kerajaan yang baru ini dia melihat untuk menyelamatkan ekonomi negara ini balik kepada sistem percukaian. Dihapuskan GST, dikenakan SST yang seolah-olah lima kali dua, dua kali lima.

Saya ingin menyarankan supaya kita mesti mengambil *knowledge* daripada negara-negara luar. Di mana banyak negara-negara yang tidak meletakkan percukaian ini sebagai sasaran utama daripada pihak kerajaan untuk mencari kekayaan negara. Negara kita ini di

anugerah oleh Allah SWT hasil mahsul yang banyak. Jadi, sebab itu saya ingin menekankan supaya kekuatan yang ada dalam negara kita, termasuk perikanan dan seumpamanya. Sebagaimana yang diperkenalkan sebelum daripada ini, setiap nelayan asing dikenakan bayaran seorang sebanyak RM1,000 menyebabkan harga ikan melambung naik dalam negara kita.

Jadi, kalau boleh pihak kerajaan yang baru ini menilai semula supaya harga ikan dalam negara kita balik sebagai mana sedia kala. Bahan-bahan asli yang ada dalam negara kita, getah, kelapa sawit dan seumpamanya diteroka kepada negara-negara yang belum lagi kita eksport sebagaimana negara Arab. Saya lama duduk di negara Arab, kadang-kadang baca di botol minyak sawit di sebut *made in UK*. Sedangkan sawit ini kita yang eksport kepada mereka. Tiba-tiba dia ciplak begitu sahaja. Mengapa mereka ini tidak boleh terima sawit *made in Malaysia*? Ini sebagai contoh. Jadi, kita perlu lebih... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh, masa sudah tamat, minta rumuskan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Okey. Jadi, saya harap pemulihan ekonomi ini dibuat bukan melalui kaedah yang dibuat sebelum daripada ini iaitu menumpukan kepada sistem percukaian. Ini kerana sistem percukaian ini sememangnya membebankan rakyat di dalam negara kita. Jadi, saya kira sekadar itulah sahaja sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua. Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ikut senarai ini. Saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.04ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassolaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiyaa'i Wal Mursaliin, Wa'ala Aalihi Wa Sohbihi Ajma'iin.* Saya berbesar hati dan gembira dapat turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 yang bagi saya adalah rang undang-undang yang cukup penting memandangkan kita sekarang dalam era Malaysia baharu dengan kerajaan yang baru dan banyak daripada usaha kita perlu kepada merungkai masalah-masalah yang telah ditinggalkan oleh pentadbiran sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik usaha pihak kerajaan yang telah menutup beberapa agensi kerajaan termasuklah Biro Tatanegara yang bagi saya sebelum ini hanya menimbulkan pelbagai masalah dengan pelbagai dakyah yang telah disebar. Bagi saya masa yang sama, pendidikan ataupun literasi politik iaitu pendidikan politik itu mungkin perlu kita terjemah ke dalam sama ada melalui agensi yang baru, khususnya menyebarkan prinsip-prinsip demokrasi.

Apa yang saya maksudkan kita dalam Pakatan Harapan selalu menyebut tentang undi ketiga ataupun dengan izin *the third vote* iaitu undi di peringkat kerajaan tempatan. Bagi kami Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan semestinya inilah satu perkara yang cukup kami inginkan. Akan tetapi bagi saya ia tidak memadai untuk hanya mempunyai peluang mengundi untuk kerajaan tempatan ataupun perwakilan di peringkat kerajaan tempatan, tanpa literasi politik yang lebih mendalam.

Bagi saya, ini adalah satu usaha yang perlu melibatkan pelbagai agensi, pelbagai kementerian dari bangku sekolah lagi, masuk ke dalam universiti, sehingga kita sampai ke peringkat di mana seseorang itu layak untuk mengundi untuk kerajaan tempatan. Maka, saya memohon pihak kerajaan terutama Kementerian Wilayah, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan untuk menitikberatkan aspek pendidikan politik terutama dari segi literasi demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang diberikan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya percaya amat penting terutama dalam keadaan ekonomi global

pada hari ini. Pada ketika kita hangat membincangkan dengan izin, *internet of things*, *Industrial Revolution 4.0* dan ayat-ayat ataupun terma-terma yang sewaktu dengannya juga termasuk teknologi seperti *blockchain*.

Salah satu daripada perkara yang saya rasa perlu dititikberatkan oleh kerajaan pada hari ini adalah tahap keselamatan data peribadi kita. Sehingga ke hari ini, saya rasa rakyat Malaysia masih menunggu dan menanti-nantikan penjelasan daripada pihak kerajaan tentang kehilangan data 46.2 juta data peribadi yang telah dicuri daripada syarikat-syarikat telekomunikasi. Di mana data ini setahu saya masih boleh dicapai pada waktu ini di dalam *internet*. 46.2 juta data peribadi rakyat Malaysia berkait dengan syarikat-syarikat telco.

Bukan sahaja itu Tuan Yang di-Pertua. Juga termasuk data daripada rekod-rekod perubatan daripada badan-badan perubatan. Baru-baru ini di Singapura, kita mendengar bagaimana data peribadi Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong juga telah dicuri. Maka, jelas — cukup jelas, antara isu yang kita perlu ketengahkan pada hari ini adalah bukan sahaja pertahanan dari segi fizikal tetapi tahap dan keupayaan pertahanan kita dari segi siber itu sendiri. Maka, saya menggesa agar mungkin satu badan yang khusus perlu diwujudkan untuk mengkaji tahap kesediaan pangkalan-pangkalan data terutama bagi agensi-agensi kerajaan serta kementerian-kementerian untuk meneliti isu ini.

Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ke isu yang berikutnya iaitu berkenaan dengan isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi berkaitan dengan perubatan ataupun Pusat Perubatan Universiti Malaya dan juga Universiti Malaya itu sendiri. Kita lihat dan kita sedar bahawa peruntukan bagi institusi-institusi pengajian tinggi semakin hari nampaknya sepatutnya kita saksikan peningkatan yang lebih tinggi. Namun, realitinya keperluan terutama bagi warga sebagai contoh di Lembah Pantai dan juga di kawasan seperti Parlimen Petaling Jaya, Pusat Perubatan Universiti Malaya ini adalah dengan izin *the go-to medical institution* bagi ramai terutamanya bagi warga miskin kota.

■1610

Bagi saya perlu kita titik beratkan peningkatan dan bagi institusi-institusi seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk memastikan tidak seorang pun warga miskin yang datang ke PPUM ini terpaksa di minta untuk pulang. Ini kerana saya telah menerima beberapa aduan dan rungutan daripada warga Lembah Pantai, yang mana mereka tidak mampu untuk membayar beberapa ratus ringgit sebagai deposit sebelum mereka menerima rawatan perubatan di tempat seperti PPUM.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin mengetengahkan satu perkara yang saya rasa mungkin belum mendapat perhatian Dewan yang mulia ini iaitu sebuah agensi yang diberi nama dengan izin *Cultural Economy Development Agency* ataupun CENDANA. Agensi ini telah ditubuhkan pada tahun 2017 dan sefaham saya telah diberikan dana sebanyak RM20 juta setahun bagi tahun 2017 dan tahun 2018. Namun, maklumat yang saya terima mengatakan bahawa dana ini tidak dengan jelas boleh diberitahu bagaimana ia telah digunakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Rakyat, CENDANA ini telah ditubuhkan untuk memberi satu rangsangan dan suntikan kepada penggiat-penggiat seni di seluruh Malaysia. Namun, berpandukan kepada maklumat yang saya terima, daripada statistik yang diberikan dalam laporan media, penerima-penerima nampaknya ramai daripada Lembah Klang. Namun kita dan kita maklum bahawa penggiat seni ini bukan sahaja berada di Lembah Klang dan saya percaya agensi seperti CENDANA ini kerana ia telah dikatakan menerima RM40 juta daripada Kerajaan Malaysia, dari tahun 2017 hingga tahun 2018. Perlu bersikap lebih *accountable* dan *transparent* dan bagi saya perlu mengumumkan ataupun memberikan rekod bagaimana dana ini telah dibelanjakan.

Saya merasa sangat keliru Tuan Yang di-Pertua kerana mungkin kerajaan sebelum ini melihat agensi seperti Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) mungkin kerajaan sebelum ini berpendapat JKKN tidak berkelayakan untuk menyalurkan dana seperti ini. Saya hairan kerana agensi kerajaan sudah wujud, namun diwujudkan agensi yang baru seperti CENDANA. Jadi saya risau kerana penggiat-penggiat seni juga bertanya ke mana perginya duit ini, sebanyak RM40 juta.

Jadi saya ingin mencadangkan agar badan seperti CENDANA ini dibawa ke perhatian Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, memandangkan ia mengguna pakai wang ringgit rakyat yang jumlahnya bukanlah kecil, RM40 juta saya difahamkan. Kita mahukan satu

penelitian terhadap penggunaan dana wang ringgit rakyat ini kerana saya tidak mahu keadaan di mana wang ringgit ini digunakan tanpa pengetahuan ke mana perginya dana ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga kembali ke Kementerian Wilayah, berkait dengan isu pembangunan Kuala Lumpur.

Apa yang kita lihat pada hari ini, ada satu komitmen daripada pihak kerajaan yang saya terima baik dan saya percaya ramai Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan terima baik iaitu komitmen untuk mewartakan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Ini sememangnya satu perkara yang baik memandangkan proses tersebut telah menelan belanja RM20 juta, sekurang-kurangnya RM20 juta di antara tahun 2008 dan tahun 2012.

Saya percaya kita perlu memberikan satu peruntukan yang khusus untuk Kementerian Wilayah untuk memulakan proses kajian dan juga proses perbincangan dengan sama ada pemegang taruh di Kuala Lumpur seperti persatuan-persatuan penduduk, NGO-NGO, badan-badan bukan kerajaan dan juga pakar-pakar perancang bandar untuk meneliti perancangan menyediakan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2040.

Saya tidak mahu proses itu tergesa-gesa, namun saya difahamkan ia akan bermula sejurus selepas pewartaan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Bagi saya, pengkhususan ini bukan sahaja dari segi peruntukan, dari segi pendanaan tetapi saya harap dari segi *engagement* ataupun dari segi keterlibatan semua pihak. Bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen tetapi sampai ke peringkat akar umbi. Rakyat ataupun warga Kuala Lumpur mahukan satu proses yang bukan sahaja telus, yang *accountable* tetapi juga dinamik. Memandangkan di Kuala Lumpur ini, salah satu daripada aset penting kita bukan sahaja dari segi tanah yang semakin berkurangan tetapi dari segi *talent* ataupun kebolehan warga kota itu sendiri.

Apa yang saya risau, yang saya nampak sebagai contoh di Lembah Pantai. Setiap kali saya pergi ke program kenduri kahwin saya bertanya dengan anak-anak muda, "*Selepas berkahwin ini hendak pindah ke mana? Hendak duduk di mana?*" Buat waktu ini di Lembah Pantai, tetapi semestinya selepas ini saya kena pergi cari rumah sama ada di tempat-tempat yang lebih jauh, seperti di Semenyih, di Rawang. Nampaknya isu miskin kota, isu terutama untuk anak muda, isu perumahan ini perlu diberikan satu pandangan yang serius.

Oleh sebab itu saya harap kita tidak sahaja mengetengahkan pelaburan yang akan dijana melalui pembangunan infrastruktur seperti pembinaan bangunan-bangunan yang cukup tinggi, yang maha dahsyat. Mencapai 60 tingkat, 70 tingkat, 118 tingkat. Akan tetapi kita perlu lihat kepada konsep *design* rumah mampu milik itu sendiri, bukan lagi rumah mampu lihat.

Saya gembira untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pada hari ini telah bermula satu dengan izin *exhibition* ataupun pameran di tempat yang tidak jauh dari sini, di DC Mall yang diusahakan oleh Persatuan Arkitek Malaysia, berkaitan dengan masa depan perumahan awam. Rumah-rumah untuk orang ramai, untuk warga kota sebagai contoh dan saya menjemput ahli-ahli Parlimen yang berkelapangan untuk turun ke DC Mall nanti, untuk melihat pameran daripada Persatuan Arkitek Malaysia ini. Semoga ia dapat memberi kita idea suntikan semangat dan mungkin dapat kita bincangkan apakah sebenarnya rumah-rumah yang sepatutnya kita usahakan untuk warga kota, untuk rakyat Malaysia, bukan untuk 10 tahun yang akan datang tetapi untuk 50 tahun hingga 100 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin ingin menyentuh seperkara lagi berkaitan dengan isu sumber manusia. Memang kita sedar bahawa seperti saya sebutkan tadi di bandar raya seperti di Kuala Lumpur ini, di Pulau Pinang, di bandar seperti Johor Bahru, di Kuching dan di Kota Kinabalu, semestinya kita lihat kepada sumber manusia itu sebagai salah satu daripada sumber yang amat penting untuk kota tersebut, untuk bandar raya tersebut dan juga untuk masa depan negara. Maka saya menggesa agar satu—saya pernah sebut sebelum ini tetapi saya gesa sekali lagi kita secara serius melihat kepada satu usaha menubuhkan sebuah suruhanjaya, melihat kepada dengan izin *the future of work*, masa depan pekerjaan itu sendiri.

Saya pernah menyentuh bahawa banyak kerajaan di dunia telah menubuhkan malah telah menerbitkan laporan tentang masa depan pekerjaan. Akan tetapi saya risau, jikalau kita tidak mengetengahkan isu ini banyak daripada persoalan dan isu-isu yang berbangkit dengan sumber manusia pada hari ini, juga berkait dengan isu pendidikan dan ekosistem pekerjaan itu sendiri dalam masa lima tahun hingga sepuluh tahun akan datang, kita tidak akan bersedia untuk menghadapi cabaran dan dugaan yang bakal melanda negara kita, juga rantau Asia ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

4.19 ptg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk berbicara, mengambil bahagian dalam perbincangan ini kepada beberapa isu yang dibangkitkan.

■1620

Soal yang kita hendak bincangkan hari ini ialah dalam situasi tidak ada seorang pun Menteri dan Timbalan Menteri. Hanya tinggal seorang sahaja di depan kita ini. Jadi, saya harapkan apa yang dibangkitkan ini dapat diberikan perhatian serius. Oleh sebab kita bicarakan soal peruntukan besar yang perlu kita luluskan bersama pada petang ini. Pertama sekali, kita tahu bahawa isu yang kita hadapi ini bukan soal isu kewangan dan peruntukan semata-mata. Ia melibatkan dua aspek.

Pertama, manusia ada aspek fizikal yang perlu kita penuhi dan keduanya, aspek spiritual. Dalam membangunkan sebuah negara, kerajaan tidak boleh mengabaikan proses pembinaan jati diri manusia atau elemen spiritual. Ini kerana sebagai contoh, dalam isu rasuah, ia bukan hanya melibatkan satu atau dua agensi tetapi rangkaian yang memerlukan ada kesedaran dari sudut kerohanian ataupun jiwa manusia itu sendiri.

Selari dengan soal yang berlaku pada negara kita, apabila berlaku peralihan kerajaan yang ada, rakyat sangat mengharapkan supaya kerajaan yang baharu ini membuktikan suatu perubahan yang besar. Tidak salah kalau kita hendak sebut soal kegagalan kerajaan yang lama. Akan tetapi yang rakyat mahu dengar sekarang ini ialah apa yang kita mahu buat pada negara ini. Ini kerana, meletakkan kesalahan demi kesalahan pada kerajaan lama tidak akan mengubah nasib rakyat. Akan tetapi apa yang penting ialah perlu kita melihat ke masa depan. Bagaimana untuk mengurus negara ini dengan sebaik mungkin dan harapan rakyat itu tidak dikecewakan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian soal beberapa elemen yang telah disebut oleh beberapa pihak. Sebagai contoh, apabila kita mengubah sesuatu keputusan yang dibuat oleh kerajaan lama, kita juga harus melihat tentang implikasi. Sebagai contoh, bila kerajaan umumkan untuk— Tidak pasti lagi sama ada- di dalam Parlimen dimaklumkan untuk ditangguhkan PLKN dan BTN.

Akan tetapi kenyataan di media hari ini dikatakan akan ditutup. Jadi, mana satu sebenarnya? Terkadang ada kenyataan yang bercanggah di antara jawapan Menteri dengan jawapan daripada pihak Perdana Menteri. Sebagai contoh, soal bantuan kepada nelayan. Jawapan daripada Menteri bantuan tersebut akan diteruskan tetapi jawapan daripada Perdana Menteri, kita akan batalkan. Jadi, mana satu yang betul? Banyak kali berlaku percanggahan.

Saya mahu berbalik kepada *point* besar saya ialah soal setiap kali kita mengubah satu sistem, ia perlu dilihat dalam kerangka yang menyeluruh. Sebagai contoh, apabila kita batalan GST kepada SST. Saya bertanya dalam jawapan bertulis ini, berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dalam perubahan sistem ini? Jawapan yang saya terima ialah, kos keseluruhan bagi pelaksanaan GST pada tahun 2015 sebanyak RM376 juta yang melibatkan kos bagi membangunkan Sistem MyGST, pemberian geran latihan GST, pemberian subsidi kepada Perisian Perakaunan Patuh GST dan kepada perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dan kos promosi GST.

Manakala untuk menukar kepada GST, kita sudah habiskan RM376 juta. Untuk mengembalikan semula kepada SST, dianggarkan lebih kurang RM4.5 juta terpaksa dibelanjakan. Maknanya, setiap perubahan yang dibuat oleh pihak kerajaan, kosnya sangat besar. Oleh sebab itu saya fikir, ada pandangan supaya bagaimana jika sekiranya kita tidak mengubah kepada sistem tetapi membetulkan sistem tersebut.

Sebagai contoh, apa masalah PLKN? Apa masalah BTN? Kalau kita katakan masalah mereka adalah disalahgunakan, kerajaan baharu jangan salah gunakan. Perbetulkan polisi, perbetulkan dasar supaya kita dapat betulkan kembali. Akan tetapi bukan dengan menukar ataupun menamatkan. Implikasinya sangat besar kerana ia melibatkan kakitangan, pemindahan kakitangan dan kos-kos yang berlaku di kem-kem tersebut.

Jadi oleh sebab itu, setiap keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan, kita tahu bahawa, kegagalannya mungkin kerana kelemahan dalam urus tadbir ataupun ia telah diselewengkan, disalah gunakan. Jadi, kita harapkan Kerajaan Pakatan Harapan ini, membetulkan perkara yang tidak betul itu. Bukan dengan menukar sistem kerana kosnya sangat besar. Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Kubang Kerian? Saya mahu minta pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian. SST, apabila diperkenalkan. Kesan pertama, kerajaan akan mendapat pendapatan yang lebih rendah daripada GST. Kedua, seperti apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini. Ia masih tidak boleh menjamin harga barang akan turun. Kita percaya harga barang akan terus meningkat. Jadi, siapa yang untung? Kerajaan pendapatan dia berkurangan, rakyat patutnya dapat harga murah tetapi harga lagi tinggi. Saya percaya mungkin— Kalau Yang Berhormat Kubang Kerian setuju, yang untungnya adalah peniaga-peniaga yang boleh lebih mudah untuk mengelakkan membayar cukai, hasil daripada pengenalan SST.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya, saya setuju. Soal yang besar dalam isu GST ke SST ialah isu kos hidup, kos yang kita mahu kurangkan. Sekiranya penukaran ini tidak menghasilkan matlamat yang ingin dicapai, bermakna perubahan kepada sistem ini gagal. Oleh sebab, rakyat mahu tengok ialah kos mereka lebih rendah daripada apa yang ada. Kalau ini puncanya, bagaimana kalau kita melihat kepada mengurangkan jumlah daripada 6 peratus kepada 2 peratus, sebagai contoh. Mungkin itu lebih baik walaupun kami daripada pihak PAS, kita mencadangkan suatu pandangan yang di luar daripada kerangka pemikiran yang ada. Konsep kerajaan yang menekankan kepada percukaian mesti diubah. Kerajaan yang baik ialah bukan kerajaan yang menekan rakyat sendiri.

Akan tetapi mencari pilihan bagaimana untuk meningkatkan hasil kerajaan tidak melalui bebanan yang dipikul kepada rakyat. Sama ada kita tingkatkan hasil pengeluaran kita dan menjana sumber-sumber baru dalam negara kita. Jadi, saya fikir, pandangan tadi bahawa perlu kita lihat kembali soal ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan negara. Kedaulatan yang banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi. Kita lihat ruang udara kita yang sering kali di ceroboh dan pencerobohnya sangat besar. Kalau mengikut rekod yang ada pada kita, pencerobohan daripada negara jiran ini sangat besar dan perlukan satu pemerhatian yang sangat serius.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, untuk kerajaan memindahkan Padang Sasar Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kampung Hijrah, Penor, Kuantan. Untuk makluman Dewan yang mulia, pusat latihan ataupun Padang Sasar Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ini berada di tengah-tengah perkampungan. Ia sangat tidak sesuai dan banyak kes yang melibatkan kematian binatang ternakan. Pernah satu waktu, 52 ekor lembu penduduk kampung terkena tembakan peluru daripada Tentera Udara yang melakukan latihan di tempat tersebut.

Saya harap isu ini perlu diberikan perhatian yang sangat serius. Kawasan padang sasar Tentera Udara di Kampung Hijrah, Penor ini sangat tidak sesuai. Ia berada di tengah-tengah perkampungan walaupun ia hampir dengan pantai, walaupun ada pagar, walaupun ada *signboard* tetapi pengurusan yang berlaku menyebabkan pagar ini telah pun runtuh dan binatang ternakan berkeliaran di kawasan padang sasar yang mendedahkan kepada bahaya yang sangat serius.

Saya harapkan ini perlu diberikan perhatian yang sangat serius oleh khususnya pihak Kementerian Pertahanan. Di samping itu, saya juga ingin menarik perhatian soal pusat pembangunan bagi Petronas. Dulu, Perdana Menteri Ke-4 telah pun memindahkan hasil minyak dan gas daripada Kelantan, dinaikkan ke Songkhla, Thailand. Saya harapkan Perdana Menteri Ke-7 ini akan membawa balik semula ke Malaysia. Kita lihat bahawa kawasan ini telah pun digazet dan bayaran pampasan telah pun dibuat.

Oleh sebab itu, bagi membangunkan sebuah negara, soal perbezaan parti politik mestilah diketepikan. Saya harapkan bahawa isu ini perlu diberikan perhatian serius oleh

pihak kerajaan supaya ia boleh meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan di samping meningkatkan hasil bagi negara kita sendiri. Selain itu, membangunkan soal lebuah raya yang sering kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada Kelantan iaitu satu-satunya negeri yang tidak ada lebuah raya. Kita harapkan perkara ini dapat diubah walaupun Perdana Menteri Ke-4 dahulu tidak buat, kita harapkan Perdana Menteri Ke-7 ini dapat dilaksanakan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

■1630

Negara kita mewarisi apa ditinggalkan oleh penjajah. Di era penjajahan, mereka telah meletakkan kaum-kaum di negara kita berbeza. Masyarakat India diletakkan di kawasan estet, masyarakat Cina di kawasan bandar dan masyarakat Melayu di kawasan desa. Pertumbuhan yang berterusan menyebabkan kita dapati kedudukan demografi penduduk yang tidak seimbang di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar dan di kawasan yang maju, bandar yang maju dan yang tidak maju, yang ketinggalan. Pilihan raya kerajaan tempatan akan mendedahkan kita kepada dua risiko besar yang perlu diberi perhatian.

Pertama, demografi penduduk. Kita tidak mahu sesebuah kawasan bandar diwakili oleh satu-satu kaum tertentu sahaja sebagai contoh mungkin di kawasan bandar yang dikuasai oleh masyarakat Melayu, perwakilannya hanya satu kaum sahaja dan kemungkinan besar kaum yang akan tertinggal ialah kaum India yang tidak mendapat populasi yang cukup di kawasan bandar dan ini perlu diberikan perhatian. Demikian juga soal kawasan bandar yang maju, hasilnya banyak berbanding bandar-bandar yang jauh ketinggalan yang hasilnya pun tidak cukup untuk membangunkan kawasan tersebut.

Pilihan raya kerajaan tempatan akan mendedahkan kita kepada dua risiko ini yang perlu diberikan perhatian. Pertama, soal perimbangan antara kaum dalam jawatankuasa tersebut yang perlu difikirkan macam mana mekanisme untuk tidak menimbulkan polemik perkauman yang kita semua tidak ingin berlaku.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya hanya bangun – saya akan ringkaskan, saya pun tahu Yang Berhormat Kubang Kerian kesuntukan masa. Saya memberikan jaminan di bawah Pakatan Harapan tidak ada mana-mana kaum yang akan tertinggal termasuklah kaum orang India kerana Pakatan Harapan ini akan semestinya membela nasib semua rakyat. Mungkin ketinggalan itu berlaku pada zaman Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya, di Barisan Nasional apabila pilihan raya kerajaan tempatan tidak buat. Cuma yang rakyat hendak tahu ialah mekanisme supaya perkara yang dibimbangkan oleh rakyat itu dapat dijelaskan secara terperinci bagaimana supaya perimbangan antara kaum tidak berlaku dalam jawatankuasa pilihan raya majlis tempatan. Keduanya perimbangan dari segi *income*, pendapatan. Tentulah kawasan bandar yang maju akan mendapat peruntukan besar dan tidak ada masalah pembangunan bagi membangunkan kawasan tersebut. Akan tetapi kawasan bandar yang kecil ia akan menghadapi masalah kewangan yang sangat serius dan ini menyebabkan ia tidak mampu untuk menjana pembangunan di kawasan bandar tersebut. Jadi ini di antara perkara yang saya lontarkan supaya kita semua melihat kepada...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: ...Bagaimana untuk menyelesaikan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta laluan, sedikit sahaja.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kubang Kerian, boleh tidak diguna pakai jaminan mulut? Sebab apa jaminan mulut ini sebelum PRU

14 pun banyak. Jadi sekarang kita sedang melihat ada yang belum sampai lagi, ada yang tidak dapat dilaksanakan terus.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey. Saya fikir yang penting ialah sesuatu benda yang kita nampak besar mesti dibincangkan, dibahaskan, diteliti dan didokumentasikan supaya ia menjadi bahan rujukan pada masa akan datang. Soal yang kedua saya bangkitkan ialah dari segi pengimbangan kaum dan dari segi *income*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya kita juga memberi peruntukan besar kepada institusi pendidikan. Kalau kita melihat generasi pemimpin masa depan ialah pemuda pada waktu ini dan kita janakan – saya membangkitkan apa yang telah disebutkan oleh beberapa Ahli Parlimen tadi ialah soal peruntukan pendidikan yang dipotong oleh kerajaan lama, saya fikir ini di antara perkara yang tidak patut diulang oleh kerajaan baharu dan kita harapkan peruntukan kepada bidang pendidikan mesti diberikan keutamaan dalam membangunkan negara kita. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya jemput Yang Berhormat Bera.

4.34 ptg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian tadi bahawa kalau kita lihat dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan hari ini ialah apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dibatalkan atau sekurang-kurangnya kalau tidak dibatalkan pun, ditukar nama. Kalau SPAD jadi APAD dan beberapa perkara lain seperti BR1M pun ditukarkan nama tetapi diteruskan yang penting jangan tunjukkan projek itu adalah projek daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai contoh ECRL. ECRL merupakan projek yang telah lama ditunggu-tunggu oleh rakyat dari negeri-negeri Pantai Timur. Kalau kita lihat daripada jurang dari segi pembangunan. Jurang pembangunan antara Pantai Barat dan Pantai Timur terlalu luas kerana masalah infrastruktur dan sebagainya. Salah satu yang akan menyumbang kepada pembangunan negeri-negeri di Pantai Timur adalah melalui projek ECRL yang dicadangkan oleh kerajaan tetapi kita difahamkan masih lagi ditangguhkan, masih lagi belum pasti diteruskan dan sebagainya kerana masalah kos. Kita setuju, *review* lah masalah kos tersebut. Akan tetapi banyak perkara lain yang perlu diberi perhatian selain daripada masalah kos tadi.

Melalui ECRL, bandar-bandar kecil yang dilalui oleh ECRL terutamanya di stesen-stesen persinggahan, bandar ini akan berkembang lebih maju lagi. Bandar-bandar kecil ini akan berkembang lebih maju. Sektor perumahan akan berkembang lebih maju kerana jarak masa yang singkat di antara bandar persinggahan sebagai contoh Temerloh ke Kuala Lumpur mungkin 45 minit atau setengah jam, Temerloh ke Kuantan mungkin setengah jam atau 45 minit, jadi ramai yang akan menetap di Temerloh dan bekerja di Kuala Lumpur sebagai contoh. Ini menyebabkan sektor perumahan akan terus meningkat di bandar-bandar kecil di laluan dan juga stesen persinggahan kepada ECRL ini.

Selain daripada perumahan, usahawan juga bandar menjadi semakin besar, peluang-peluang perniagaan akan bertambah, tanah di kawasan sekitar tersebut akan meningkat dari segi harga dan sebagainya. Ini memberi *benefit* atau manfaat kepada rakyat laluan ECRL dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur. Penduduk Pantai Timur seperti saya kata tadi memang menanti-nantikan. Saya tahu bahawa orang Pantai Timur, orang Kelantan terutamanya kalau musim raya hendak balik ke Kelantan boleh sampai 15 sampai 18 jam. Melalui ECRL, saya difahamkan empat jam setengah atau lima jam. Ini memberikan kemudahan kepada rakyat di Pantai Timur.

Pelancongan, apa yang sektor pelancongan? Apa yang tidak ada di Pantai Timur? Pantai yang lebih bersih daripada pantai barat misalnya kerana laut terbuka, Laut China Selatan berbanding dengan laut yang sempit di antara Semenanjung dengan Sumatera dan sebagainya, airnya tidak berapa bersih berbanding dengan Pantai Timur, airnya mungkin tidak begitu baik dan sebagainya. Akan tetapi Pantai Timur dari segi pelancongan juga menghadapi masalah kerana *accessibility* yang terhad selama ini. Jadi, ECRL inilah merupakan satu projek yang boleh membangunkan Pantai Timur.

Kedua Yang Berhormat, saya hendak maklumkan oleh sebab wujudnya projek ini, GIATMARA bekerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UniMAP) untuk mewujudkan satu subjek baharu iaitu berkenaan dengan rel dia ini. Seramai 700 orang pelajar yang terlibat di dalam kursus kemahiran di dalam projek ini untuk projek rel ini dan mereka dijangka akan keluar mungkin dalam masa enam bulan atau setahun.

Soalnya, ke mana mereka hendak pergi? Kursus mereka berdasarkan ECRL. Begitu juga dengan peluang pekerjaan lain yang mungkin boleh diwujudkan hasil daripada projek ini untuk penduduk-penduduk di Pantai Timur, Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebagainya. Membatalkan projek ini hanya semata-mata kos yang diberikan perhatian, peluang pekerjaan juga tertutup untuk – saya difahamkan 2,000 pekerjaan boleh diwujudkan melalui projek ECRL ini. Satu lagi tadi apa akan terjadi kepada pelajar-pelajar GIATMARA tadi?

■ 1640

Malah, UniKL sendiri bersama dengan satu institusi daripada Jepun telah mewujudkan *Rail Institute* di UniKL. Fokusnya juga adalah untuk ECRL termasuk juga *High Speed Rail* (HSR) yang akan dibina di antara Kuala Lumpur dan Singapura. Soalnya, apa akan jadi kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini?

Jadi, saya harap kerajaan hari ini perlu lebih rasional. Jangan hanya kerana semata-mata projek ini diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, maka kita batalkan. Alasan kos diberi, sedangkan peluang pekerjaan tertutup, pembangunan Pantai Timur yang selama ini ketinggalan dapat dibangunkan tidak lagi diberikan perhatian oleh kerajaan hanya semata-mata tidak mahu meneruskan projek yang dicadangkan oleh kerajaan terdahulu.

Saya dapati— ini ada kebenarannya. Saya harap Menteri boleh jawab. Mengenai harga kelapa sawit. Harga kelapa sawit hari ini ...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan sedikit, sebelum pindah kepada isu baharu. Kita tengok keputusan ECRL ini, apakah ada kaitan dengan faktor politik? Sebab, kita tengok di Pahang, Kelantan, Terengganu ini tidak dikuasai oleh Pakatan Harapan. Apakah tindakan ini kerana faktor tersebut?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya setuju. Mungkin ini andaian tetapi mungkin ada kebenarannya. Kelantan diperintah oleh PAS, Terengganu diperintah oleh PAS, Pahang diperintah oleh Barisan Nasional. Tiga negeri ini berbeza dengan Kerajaan Persekutuan. Saya harap rakyat di tiga negeri ini tidak dimangsakan oleh kerajaan hari ini semata-mata berbeza dari segi fahaman politik.

Yang Berhormat, tadi saya sebut tentang harga sawit. Harga sawit sebelum PRU ke-14 ialah RM550. Kehidupan pekebun kecil dan juga peneroka agak terjamin. Akan tetapi, hari ini harganya RM370. Saya bukan hendak persoalkan harga ini tetapi beberapa andaian telah dibuat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terlalu banyak lambakan kelapa sawit kerana negara China mula memberikan reaksi kepada tindakan-tindakan kerajaan hari ini, misalnya membatalkan projek ECRL dan beberapa projek yang melibatkan Kerajaan China. Hasilnya, saya difahamkan Kerajaan China mengadakan hubungan dan membeli minyak kelapa sawit daripada Indonesia dan mengurangkan pembelian minyak kelapa sawit daripada negara kita.

Kita mesti ingat, pembeli kedua terbesar kelapa sawit negara kita adalah negara China. Kalau tindak balas dilakukan akibat daripada polisi kita yang baharu yang membatalkan projek-projek yang berkaitan dengan Kerajaan China kerana dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang menjadi mangsa bukan sahaja kerajaan tetapi yang menjadi mangsa adalah pekebun-pekebun kecil kelapa sawit, yang menjadi mangsa adalah peneroka-peneroka FELDA.

Sudahlah hutang yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum pilihan raya iaitu untuk menghapuskan hutang peneroka tidak lagi dilaksanakan, harga kelapa sawit akibat daripada dasar kerajaan hari ini telah menyebabkan harga jatuh merudum dan saya difahamkan harga akan terus jatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat ingin memasukkan dalam ucapan Yang Berhormat bahawa sebahagian besar daripada pendapatan negara melalui petroleum datang daripada negeri-negeri Pantai Timur? Apakah wajar pembinaan projek ini diteruskan?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya setuju projek ini bukan perlu diteruskan tetapi kerajaan mungkin akan melihat kembali janji sebelum pilihan raya iaitu untuk memberikan royalti kepada Terengganu, Kelantan dan sebagainya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, Parit Sulong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila Yang Berhormat tadi menyatakan mengenai industri kelapa sawit dan negara Malaysia ini adalah satu negara dagang yang memang bergantung kepada perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara luar. Negara China dan US adalah dua negara yang banyak membuat dagangan bersama dengan Malaysia.

Akan tetapi, berkaitan dengan harga minyak sawit ini, setuju ataupun tidak Yang Berhormat apabila saya ingin menyatakan bahawa bukan hanya kawasan FELDA sahaja yang pendapatan mereka bergantung daripada hasil sawit ini tetapi juga kebanyakan pekebun kecil? Pekebun kecil ini berada di kawasan-kawasan Parlimen, merata di Malaysia ini termasuklah di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Saya ingin, melalui Yang Berhormat, juga untuk bertanya dengan pihak kerajaan sama ada pihak kerajaan melihat kepada tidak bolehnya kerajaan *control*, dengan izin, harga kelapa sawit ini? Adakah kerajaan juga, rasa Yang Berhormat lah, pandangan Yang Berhormat, bersedia untuk memanjangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk melaksanakan jaminan harga minimum untuk mengurangkan bebanan terutamanya pekebun kecil sawit dalam masa yang terdekat ini, dalam keadaan kita hendak menghadapi perayaan tidak lama lagi? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan yang baik untuk harga minimum kerana getah juga mempunyai harga minimum walaupun masih rendah tetapi ada harga yang— jadi saya izin masukkan ke dalam ucapan saya.

Memang kesan yang paling teruk adalah kepada pekebun-pekebun kecil. Pekebun kecil, *average* tanah mereka adalah satu hingga tiga ekar. Kalau RM370 seekar, kita darab lah dengan tiga, macam mana mereka boleh *survive* pada waktu ini.

Saya harap tindakan-tindakan yang kita lakukan tidak perlu sehingga merugikan rakyat dan sebagainya. Dengan Singapura, kita tidak tahu apa tindak balas daripada Singapura tetapi separuh daripada pelancong yang berada di Malaysia, datangnya daripada Singapura.

Oleh sebab masa tidak banyak, Yang Berhormat, saya hendak secara ringkasnya, saya ingin mendapatkan jawapan daripada pihak kementerian tentang tahfiz. Kita tidak tahu apakah program untuk tahfiz ini diteruskan. Ada dua program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk tahfiz. Pertamanya, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk membaik pulih pusat-pusat tahfiz di seluruh negara kerana keadaan pusat tahfiz yang begitu teruk dari segi kedudukan mereka, dari segi pusat-pusat yang kadang-kadang agak tidak selamat diduduki dan sebagainya. Kerajaan dahulu telah memperuntukkan RM50 juta untuk pusat tahfiz ini. Apa yang lebih penting, ada RM40 juta, kalau tidak silap, adalah untuk melatih anak-anak tahfiz ini untuk menjadi tenaga mahir, tenaga pakar mahir di dalam bidang-bidang tertentu.

GIATMARA juga sebab saya ada tajuk GIATMARA ini. Jadi, GIATMARA telah pun diberikan peranan untuk melatih tenaga-tenaga mahir daripada pelajar-pelajar pusat-pusat tahfiz. Jadi saya hendak tahu, adakah perkara ini masih diteruskan ataupun diberhentikan? Ini kerana dari segi kita sudah baca dalam media sosial satu ketika dahulu, nampak ada cadangan supaya pusat-pusat tahfiz ini ditutup dan sebagainya. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak Menteri mengenai perkara ini.

Jadi secara kesimpulannya, penutupnya, saya harap kerajaan hari ini mestilah bersikap rasional dan tidak berdendam iaitu mana-mana projek yang memberi manfaat kepada rakyat, mesti diteruskan walaupun ia merupakan perancangan daripada kerajaan yang lama. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana empat hari lagi cukup 100 hari Kerajaan Pakatan Harapan berkongsi kerajaan ini. Saya harap dalam masa empat hari boleh lah semua janji sebelum pilihan raya dapat ditunaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang untuk membahaskan seterusnya.

4.49 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan bagi saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018.

■1650

Sebelum saya menyokong rang undang-undang ini, saya ingin membahaskan beberapa perkara. Pertama, pembentangan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan melihatkan penyusunan semula nama-nama kementerian, saiznya dan ini perkara yang baik, saya sokong. Begitu juga saiz Kabinet tidaklah sebesar sebelum ini dan ini satu langkah yang sesuai dan baik. Saya percaya juga bila penyusunan semula ini, bermakna peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri sekarang tidaklah sebesar seperti yang sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya *backbencher* bagi parti yang memerintah, ada beberapa perkara yang saya tidak sokong. Misalnya tentang Khazanah Nasional. Saya dimaklumkan bahawa Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi menjadi Pengerusi Khazanah Nasional dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Yang Berhormat Gombak menjadi Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional. Saya rasa bagi Malaysia yang baharu, eloklah GLC ini kita serah kepada golongan profesional yang ada merit, yang ada integriti untuk menguruskan badan-badan yang penting ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa bersetuju tentang ada ura-ura cadangan untuk mewujudkan semula projek kereta nasional yang baharu ini. Dahulu kita ada Proton, ada Perodua. Apa yang lebih baiknya saya lihat misalnya sebagai contoh, selalu disebut HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura tetapi jarang disebut tentang kereta api landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru. Saya rasa projek ini perlu dipercepatkan dan disiapkan, tidak semahal seperti HSR, seperti kereta api elektrik ini dari Kuala Lumpur sampai ke Utara sana.

Begitu juga ertinya dalam projek yang penting. Di daerah Johor Bahru Tuan Yang di-Pertua, ada lima Parlimen. Parlimen Johor Bahru, Parlimen Pulai, Parlimen Pasir Gudang, Parlimen Tebrau dan Parlimen Iskandar Puteri. Ada lima Parlimen dalam daerah pentadbiran Johor Bahru. Pagi tadi kita sudah lihat disebut tentang kesesakan pergerakan rakyat antara Singapura dan juga Malaysia. Jadi saya minta supaya kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kabinet sekarang ini memberi pandangan yang serius supaya mempercepatkan perhubungan kereta api RTS antara Johor Bahru dengan Singapura yang akan membantu ramai rakyat di kedua-dua buah negara berulang alik setiap hari.

Tadi Tuan Yang di-Pertua, ada disebut tentang ECRL di Pantai Timur. Pada pandangan saya, memang disebut projek kereta api ini yang bermula dari Pantai Barat ke Pahang, Terengganu dan Kelantan ini, ECRL ini kosnya mahal berbilion-bilion, puluh bilion. Akan tetapi bagi saya kalau itu masalahnya, kita kaji balik. Kos itu mungkin ditimbang semula jangan mahal begitu tetapi janganlah dibatalkan. Jangan dibatalkan iaitu rakyat di Pantai Timur, Pahang, Terengganu dan Kelantan perlukan pembangunan dan infrastruktur seperti kereta api ini ada di Pantai Barat. Mengapa mesti dinafikan di Pantai Timur? *[Tepuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sokong, sokong, sokong. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Mungkin kebetulan sahaja tiga negeri ini Pahang, Terengganu dan Kelantan tidak diwakili oleh Pakatan Harapan tetapi kita mesti ingat bahawa mereka mendapat mandat daripada rakyat. Jadi saya tidak percaya kalau ada permasalahan disebabkan itu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Pasir Gudang, pindah sebelah sini.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Akan tetapi saya berharap supaya jangan dibatalkan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Setuju, setuju itu. Yang Berhormat Pasir Gudang, setuju.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Jangan dibatalkan, kaji semula. Lambat sedikit tidak apa, buat peringkat-peringkat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sokong, sokong, sokong.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Jangan dibatalkan terus, maknanya. Ini negara kita bersama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Dengar itu, Yang Berhormat Lumut.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, terima kasih banyak.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Sama-sama. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan tadi dalam anggaran belanjawan berkenaan pertanian. Ada disebut soal beras dan sebagainya. Saya ingin memberi pandangan sama ada cadangan saya ingin munasabah atau tidak iaitu kita mengimport begitu banyak, belanja yang besar mengimport daging, tenusu, lembu, kambing, biri-biri dan sebagainya. Selalu disebut masalah ketiadaan tanah. Saya mencadangkan kepada kerajaan ini, cuba fikirkan bahawa kita banyak tanah yang tanam kelapa sawit milik FELDA, milik FGV, milik Sime Darby, milik IOI.

Mengapa tidak secara yang kita fokuskan itu iaitu di ladang-ladang kelapa sawit selain daripada menghasilkan buah kelapa sawit dan harga sekarang pun merosot, kenapa tidak kita jadikan industri ternakan, kita laksanakan di kawasan-kawasan yang luas ini? Beratus-ratus ribu hektar seluruh negara kita ini iaitu daripada segi penternakan lembu, kambing, biri-biri dan sebagainya. Ini boleh menjana pekerjaan kepada anak-anak muda kita, rakyat kita sendiri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam kerajaan yang baharu dibentuk ini...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebelum Yang Berhormat – Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat pergi tajuk lain, saya nak tanya. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat apabila kita ada ladang-ladang yang luas di mana industri ternakan khususnya lembu dan kambing ini boleh diperbanyakkan. Bersetujukah Yang Berhormat dengan saya mengatakan bahawa kita harus memberikan bantuan dan peruntukan kepada pekebun-pekebun kecil dan penternak-penternak daripada kita beri kepada *corporation*? Kita pun ada pengalaman.

Kita bagi RM250 juta kepada *corporation*, hangus. Akan tetapi kalau kita pecahkan jumlah ini kepada mereka yang betul-betul berminat, mereka yang betul-betul ada kekuatan untuk membangunkan ekonomi kita daripada sudut ini, saya rasa ramai anak-anak muda khususnya Tuan Yang di-Pertua, yang mahu menceburkan diri dalam penternakan. Daripada kita beri syarikat RM250 juta, sampai hari ini tidak tahu ke mana perginya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa *approach* itu harus ditukar tetapi kita memberikan peluang kepada anak-anak muda yang khususnya ada pendidikan, yang ada kekuatan dan kemahuan untuk membangunkan industri ternakan ini? Apa pendapat Yang Berhormat tentang ini?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya sangat bersetuju dengan cadangan dan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani itu. Saya harap pandangan beliau itu dapat disertakan sama dalam perbahasan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan perbahasan saya ini tentang kementerian yang baharu ini, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kita lihat bahawa satu sumber yang memberi hasil kepada kewangan negara datangnya daripada Petronas, syarikat minyak dan gas milik negara kita sendiri. Saya ingin kerajaan yang baharu ini memberi penjelasan walaupun ini lanjutan daripada kerajaan yang lama, mengapakah projek Rapid Petronas di Pengerang yang sangat *vable*, yang sangat baik. Pada asalnya 100 peratus ekuiti sahamnya

dikuasai oleh Syarikat Petronas tetapi sekarang dah tinggal 50-50, 50 percent dikuasai oleh Syarikat Aramco Saudi Arabia, Arab Saudi.

■1700

Saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kerajaan bahawa adakah sedar di Pengerang sana, syarikat-syarikat Malaysia, syarikat-syarikat yang berdaya maju, syarikat minyak dan gas milik Malaysia seperti dianaktirikan, seperti meminta-minta sedekah hendakkan projek di RAPID Petronas itu daripada kontraktor utama, *main contractor* yang daripada syarikat *oil and gas* asing. Adakah ini munasabah? Jadi, saya harap pihak kerajaan supaya tinjaulah keadaan syarikat-syarikat nasional kita yang seperti mengemis hendakkan kerja, hendakkan projek yang berlaku di atas bumi kita sendiri di Pengerang itu.

Selain itu, disebut oleh kerajaan kita sekarang bahawa kita kekurangan dana dan sebagainya. Kerajaan tidak ada wang dan sebagainya. Ya, ertinya kita kerajaan baharu ini hanya belum sampai 100 hari lagi tetapi saya ambil contoh, ada sumber-sumber yang boleh mendatangkan hasil kepada negara ini. Kita bukan hendak monopoli, sebagai kerajaan, adakah Kerajaan Persekutuan menyedari bahawa banyak pelabuhan di negeri Johor? Misalnya pelabuhan *Johor Port*, pelabuhan di Johor di Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Langsat di Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Pelepas di Gelang Patah sana.

Saya ambil contoh umpamanya *Johor Port*, Pelabuhan Johor di Pasir Gudang ini untung tetapi saya difahamkan sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri Johor langsung tidak ada satu *share* pun dalam syarikat ini. Jadi adakah wajar kerajaan yang baharu sekarang, kekayaan-kekayaan negara, infrastruktur seperti pelabuhan-pelabuhan ini dimiliki oleh *private entity*, orang-orang persendirian, terutama di Johor ini. Makna, saya dedahkan ini. Jadi bermakna kerajaan maknanya adalah peranan sedikit supaya kekayaan itu tidak menjurus kepada korporat-korporat besar sahaja. Kerajaan mesti ambil sebagai pemegang amanah juga, ada *share* di dalam syarikat-syarikat pelabuhan terutamanya di Johor ini.

Selain daripada itu, perkara yang terakhir yang saya hendak sebutkan bahawa Malaysia ini Kerajaan Federal, *federalism*. Di Johor, pembangunan-pembangunan banyak berlaku hanya terutama di zon selatan, di daerah Johor Bahru, misalnya Iskandar Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, Iskandar Malaysia itu ditadbir bersama, *joint* pengerusi bersama Perdana Menteri dan Menteri Besar Johor. Hanya saya ingin dapat penjelasan daripada kerajaan yang sekarang, kementerian yang berkenaan iaitu ada projek hartanah yang begitu besar di Johor iaitu *Forest City*, beribu unit rumah yang mahal-mahal, kondominium dan sebagainya, padang golf dan sebagainya, bernilai.

Adakah projek *Forest City* ini dibina dalam *master plan* perancangan Iskandar Malaysia atau *Forest City* ini sesuatu yang terasing tetapi duduk dalam kawasan Iskandar Malaysia. Kalau ini berlaku macam gini, adakah boleh dibenarkan berlaku iaitu pembangunan yang tidak seimbang. Sesuatu negeri umpamanya boleh berkuasa, buat sesuatu perkara yang di luar kawalan Kerajaan Federal. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya jemput seterusnya daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

5.04 ptg

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian sama dalam perbincangan berkaitan dengan Dasar Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, Penguntukan Semula Tahun 2018. Secara umumnya saya bersetuju dengan memorandum perbendaharaan oleh Kementerian Kewangan bagi penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi kementerian yang terlibat, natijah daripada pertukaran kerajaan daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan. Namun pemerhatian saya, yang saya lakukan terhadap penguntukan semula mendapati tiada perubahan besar yang meyakinkan rakyat terhadap penguntukan semula ini melainkan banyak menimbulkan persoalan.

Sebagai contoh, saya sebutkan berkaitan dengan perbadanan kemajuan negeri. Negeri Kelantan dan Terengganu masih menghadapi cabaran kemiskinan rakyatnya yang ditadbir oleh kerajaan PAS, masih menerima peruntukan yang kecil dan tidak adil berbanding dengan negeri Pakatan Harapan. Padahal ia sekian lama didiskriminasikan sebagaimana yang sering kita bangkitkan di Dewan ini, kita memohon peruntukan yang seadilnya kepada negeri Kelantan dan pada kali ini negeri Terengganu juga dan ke semua negeri-negeri khususnya di Pantai Timur ini supaya dilayan sebagai adil dan juga dilihat secara adil.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:
[Bangun]

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Penguntukan semula Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan sepatutnya menyamai peruntukan yang diperoleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah yang berjumlah RM12 juta. Malangnya peruntukan untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan hanya jumlahnya RM4 juta. Soalan saya, kenapa hanya RM4 juta untuk Kelantan? Begitu juga saya mengingatkan kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan ini supaya mengambil serius terhadap janji-janji manifesto yang dibuat sebelum daripada ini kerana ia berkaitan dengan pertukaran sebuah kerajaan.

Anda yang berjanji dalam pilihan raya sudah pun mendapat sebuah mandat. Kerajaan bukan calang-calang pertukarannya dengan undi daripada rakyat. Nabi SAW bersabda, *[Membaca sepotong Hadis] "Di kalangan pemerintah yang mengurus hal ehwal rakyat, tiba-tiba mati dalam keadaan tidak menunaikan janji dan juga mendustai rakyatnya, maka Allah haramkan syurga baginya"*.

Tuan Yang di-Pertua, 43 projek pembangunan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, penguntukan berjumlah 43 projek pembangunan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan anggaran RM1.6 bilion, saya tidak pasti adakah ia sempat diuruskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana dia sedang berdepan dengan cabaran jawatan sebagai Timbalan Presiden. Apakah mungkin akan berlaku perubahan Kabinet selepas daripada pemilihan parti PKR selepas daripada ini?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Kuala Terengganu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya, sila.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu ya. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berhubung dengan janji yang disebut di dalam Buku Harapan. Saya tertarik ke muka surat 74 di dalam Buku Harapan di bawah janji 24 menghidupkan semangat sebenar konsep *federalism*. Di dalam muka surat 74 ditulis, *"Pada tiga tahun pentadbiran kami, 50 peratus daripada peruntukan belanja pembangunan akan dikhaskan kepada lima negeri termiskin iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Perlis"*. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara itu?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary Pengkalan Chepa]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya yakin selepas daripada pihak kerajaan mendengar ucapan saya ini, akan ditunaikan janji itu insya-Allah. *[Dewan tepuk]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta laluan, sikit saja.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Banyak laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar, sikit saja.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya, sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya hendak tanya, boleh tidak kita katakan bahawa apabila rakyat di Kelantan dan Terengganu secara khususnya ataupun mungkin sekali dengan Pahang dan Perlis tidak memilih Pakatan Harapan, secara umumnya mereka sebenarnya tidak berminat pun dengan manifesto Pakatan Harapan. Boleh tidak kita kata macam itu?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Untuk kata sedemikian, memang tidak boleh sebab secara jelas dan terang manifesto itu memberi janji bulan dan bintang kepada rakyat, tetapi malangnya apa yang rakyat dapati ialah kenaikan harga barang berterusan dan tidak turun-turun. Apa yang membimbangkan kita ialah selepas daripada tarikh 1 September nanti, barangkali ada barang-barang yang melonjak naik lebih

daripada apa yang ada pada hari ini. Oleh sebab itu kita tegas dengan pendirian PAS untuk menolak dua-dua *consumption tax*. Kita ada mekanisme yang lain untuk memberikan keselesaan kepada rakyat supaya rakyat tidak diperah keringat mereka dan ekonomi mereka tidak terhimpit dengan kenaikan harga barang dan perbelanjaan yang tidak seimbang.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu kemiskinan. Saya juga ingin menyentuh soal projek kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di bawah peruntukan semula Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang masing-masing berjumlah RM88 juta dan RM175 juta. Jika dilihat jawapan Menteri Wanita berkenaan penamatan bantuan JKM adalah berjumlah 41,815 kes. Penamatan bantuan ini sekali gus selalu menimbulkan pertikaian daripada pihak yang saya menerima aduan daripada mangsa penamatan ini.

Soalan saya, adakah projek kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat mengambil kira isu-isu ini? Contohnya, data kerajaan menunjukkan sejumlah 3,132 orang ditamatkan bantuan JKM hanya kerana pindah ke luar daerah, padahal banyak kes yang pihak saya kendalikan perpindahan mereka ini akibat daripada kemiskinan dan dihalau daripada kediaman dan rumah sewa mereka.

Saya cadangkan sudah sampai masanya pihak kerajaan dalam menjayakan apa-apa projek kemiskinan, jumlah pekerja sosial ditambah bagi membantu keluarga miskin. Jumlah sukarelawan JKM dan bayaran perlu ditambah kerana apa-apa projek kemiskinan tanpa pemantauan dan bimbingan sewajarnya banyak tidak mencapai kejayaan.

Saya juga mencadangkan pihak kerajaan memberi tumpuan kepada projek kemiskinan berasaskan ladang keluarga, *family farming*. Tidak lagi projek basmi kemiskinan yang sebenarnya memberi keuntungan kepada perunding atau pun syarikat yang menjadi orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Pasir Puteh, bahawa sudah sekian lama Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah satu bukti utama diskriminasi sekian lama Kerajaan Pusat sebelum ini terhadap Kerajaan Negeri Kelantan. Saya yakin di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, saya meletakkan harapan yang penuh bahawa ia tidak akan diulangi lagi.

Jika dibuat perbandingan panjang landasan lapangan terbang berdekatan, Lapangan Terbang Kuala Terengganu sepanjang 3,480 meter, Lapangan Terbang Kuantan sepanjang 2,800 meter, Lapangan Terbang Narathiwat, Thailand sepanjang 2,500 meter, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra hanya 2,400 meter, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa Lapangan Terbang Sultan Ismail yang terpendek? Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah ada unsur-unsur diskriminasi atau sengaja hendak mendera rakyat Kelantan supaya tidak mendapat kemudahan *airport* yang setaraf dengan kemajuan dan juga kegunaan rakyat di negeri Kelantan?

Sebelum ini kita banyak melihat aspek pembesaran lapangan terbang dan naik taraf lapangan terbang antarabangsa bagi lapangan terbang di Pengkalan Chepa. Pada kali ini saya mencadangkan Kerajaan Pusat bersama kerajaan negeri menjadikan Pengkalan Chepa sebagai bandar lapangan terbang atau dengan izin, *aerotropolis*. Dengan bahasa yang lebih mudah, lebih banyak kilang, hotel, premis perniagaan, pusat pelancongan, pusat membeli belah dan penempatan penduduk dibina berpusatkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, nasi berlauk air dingin daripada Kelantan telah banyak diangkut melalui kapal terbang untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk di Lembah Klang. Ini salah satu daripada keunikan makanan Kelantan dan juga keunikan, kehebatan orang Kelantan, nasi berlauk pun naik kapal terbang. Soalan saya, adakah kerajaan boleh bersetuju untuk menjadikan Pengkalan Chepa sebagai bandar lapangan terbang *aerotropolis*?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu reformasi Parlimen. Reformasi institusi adalah antara janji Pakatan Harapan dan sudah tentu reformasi paling utama adalah Parlimen itu sendiri. Semakan saya terhadap portal Parlimen dan sekarang pun Ahli-ahli Yang Berhormat boleh semak, Tuan Yang di-Pertua dekat sana pun boleh semak, tidak banyak perubahan berlaku sekali pun kerajaan berubah.

Cadangan saya, arkib rakaman *live* diwujudkan dalam portal Parlimen bagi memudahkan kajian semua pihak termasuk Ahli Parlimen sendiri untuk membuat rujukan segera. Jawapan untuk soalan-soalan yang tidak sempat dijawab dalam Dewan ini juga dimasukkan ke dalam portal rasmi Parlimen. Kedua-dua perkara ini sangat penting bagi menjamin kebebasan maklumat. Soalan saya, adakah pihak kerajaan kekurangan kakitangan atau mempunyai kekangan lain untuk melaksanakan perubahan seperti ini?

Begitu juga saya mengharapkan akan ada perubahan bila kita sebut perkataan dalam bahasa Inggeris dicatat dalam bahasa Inggeris, tetapi bila kita sebut perkataan dalam bahasa Arab, ditulis "*Bercakap dalam Bahasa Arab*". Sebenarnya kita bukan bercakap, kadang kita baca Al-Quran, kita baca hadis dan kita baca doa. Jadi, ini satu pembaharuan yang boleh barangkali dilakukan oleh Parlimen.

Saya juga ingin menyambut baik cadangan Timbalan Perdana Menteri bagi memastikan setiap agensi kerajaan memiliki taman asuhan kanak-kanak dan kita mulakan dengan Parlimen. Saya pun ada anak kecil yang terpaksa ditinggalkan— dua orang. Kalau boleh saya bawa ke sini kalau ada taman asuhan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan teguran Audit berkaitan dengan projek-projek yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan selepas daripada ini. Mesti mengambil kira teguran Audit sebelum daripada ini yang sangat serius yang memberi kesan kepada waktu-waktu musim tengkujuh di negeri Kelantan. Laporan Ketua Audit Negara pernah menegur berkaitan peruntukan projek tebatan banjir yang dibawa ke tempat yang kurang kritikal. Macam pilih-pilih tempat untuk buat projek.

Malahan, tembok banjir di Kota Bharu juga dibina satu meter kurang daripada yang sepatutnya. Ini teguran daripada audit. Kalau dibina satu meter kurang daripada had yang sepatutnya, bermakna banjir akan sampai awal ke Kota Bharu. Ini satu perkara yang sangat serius yang perlu diambil kira oleh Kementerian Kewangan dalam mengolah bajet pada kali ini yang dikira sebagai peruntukan semula.

Soalan saya, mohon diperincikan kenapa peruntukan banjir dibawa ke tempat yang kurang kritikal? Di manakah kawasan yang menjadi mangsa dan kawasan mana pula yang dikatakan tidak kritikal? Kenapa ini semua boleh terjadi, barangkali sebelum daripada ini? Saya juga ingin bertanya apakah tiada elemen penyelewengan pembinaan tembok banjir di Kota Bharu yang dilaporkan dibina kurang satu meter daripada yang sepatutnya?

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya hendak sebutkan tentang kualiti jawapan yang kurang baik daripada menteri-menteri. Saya meneliti jawapan yang diberi oleh kerajaan terhadap soalan-soalan bertulis yang tidak sempat dijawab dalam Dewan. Secara khususnya saya merujuk kepada soalan bertulis saya kepada Menteri Pendidikan berkaitan campur tangan politik di JPN, PPD dan sekolah di Kelantan pada 18 Julai yang lalu. Jawapan yang diberikan oleh Menteri terlalu umum dan sambil lewa dan tidak menunjukkan seriusnya menangani kes campur tangan politik kepartian.

Adakah usaha di kalangan pegawai-pegawai kementerian yang cuba menutup apa yang berlaku sebenarnya di JPN, PPD dan sekolah di Kelantan? Jawapan Menteri tidak *detail*-kan jenis dan jumlah kes kesalahan campur tangan politik kepartian. Apa yang berlaku sekarang, saya difahamkan ramai pegawai JPN, PPD dan guru di Kelantan masuk parti PPBM dan Keadilan untuk menyelamatkan diri. Bahkan, banyak pula sekolah diguna pakai oleh parti-parti politik bagi acara politik kepartian. Contohnya, majlis hari raya PPBM Bahagian Kubang Kerian telah dianjurkan di SK Kubang Kerian 1.

Soalan saya, apakah Menteri menyedari perkara ini dan membiarkan perkara ini berlaku atau semua pihak termasuk parti politik pembangkang PAS dibenarkan untuk menggunakan premis-premis kerajaan sebagai aktiviti politik kepartian?

Itu sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini telah ada 14 pembahas. Barisan Nasional ada lima, Pakatan Harapan enam dan PAS tiga dan saya ingin menjemput daripada GPS iaitu Yang Berhormat Sibuti.

5.19 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami daripada GPS terang-terang telah menyatakan bahawa GPS mesra kepada kerajaan baharu, Kerajaan Pakatan Harapan. Kami juga telah keluar daripada Barisan Nasional mengambil risiko untuk bersendirian dan juga kami bersedia untuk bekerjasama. Walaupun demikian, saya selaku Ahli Parlimen yang baharu masih melihat keadaan tegang di antara kami di pihak GPS dengan kerajaan dan juga rakan lama kami di Barisan Nasional.

Kami juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan yang pada hari ini telah memberi peluang dan menjemput kami untuk membincangkan polisi berkenaan tentang *rural air services* di Sarawak dan berkenaan tentang kenaikan harga tiket yang meningkat semasa musim perayaan.

■1720

Kami sangat mengalu-alukan agar kami di pihak GPS di bawa bersama untuk berbincang dan juga untuk kami menerangkan apakah masalah kami agar polisi yang dibentangkan ataupun yang dikaji oleh pihak kerajaan baru sesuai dengan kami di negeri Sarawak. Kami tahu ada wakil Pakatan Harapan di pihak kerajaan tetapi bagi saya secara peribadi merasakan wakil-wakil tersebut belum mencukupi. Lebih elok jika 31 suara-suara daripada Parlimen di negeri Sarawak duduk bersama berbincang.

Saya mengambil contoh tentang jawatankuasa khas yang akan membincangkan tentang *Malaysia Agreement 1963*. Kami daripada pihak GPS tidak dijemput berbincang. Walaupun demikian, kami masih lagi berlapang dada dan berharap agar kami dibawa bersama untuk berbincang demi kebaikan Sarawak.

Saya juga ingin membangkitkan perkara yang paling penting. Jika menyebut Sarawak, mesti berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Jurang pembangunan di kawasan Sarawak amat jauh daripada Semenanjung Malaysia. Saya rasa rakan-rakan dipihak Sabah juga merasakan perkara yang sama.

Ingin saya bangkitkan terdahulu berkenaan isu pendidikan. Saya masih lagi berharap agar kerajaan dapat memberi tumpuan tentang sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak. Terdapat 1,020 buah sekolah-sekolah daif dan setakat ini pada kerajaan yang lepas telah meluluskan pembinaan sekolah melalui kaedah IBS sebanyak 116 buah. Kami masih lagi memerlukan sekolah-sekolah daif. Keadaan sekolah-sekolah ini di Sarawak berbeza dengan di kawasan Semenanjung. Ada kes berlaku apabila seorang pelajar kakinya terperosok di lantai. Ada sekolah yang hampir roboh tidak dipantau oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Kadang-kadang pegawai-pegawai takut untuk menyuarakan berkenaan realiti sebenar di kawasan luar bandar.

Jika kaedah IBS tidak sesuai diguna pakai, gunakanlah satu kaedah baru untuk membina sekolah. Saya masih melihat kerajaan perlu menggunakan peruntukan kewangan untuk mengkaji keadaan sekolah-sekolah kurang murid. Jika dulu di negeri Sarawak satu-satunya jalan untuk menghubungkan sekolah ke sekolah ataupun kampung ke kampung adalah melalui sungai. *Alhamdulillah* kini kita telah berjaya membuat jaringan jalan yang berturap. Maka sekolah-sekolah ini semakin rapat jaraknya daripada kampung ke kampung.

Ada terdapat sekolah yang hanya mempunyai bilangan pelajar seramai 30 orang. Ada yang mempunyai pelajar seramai 50 orang walaupun di dalam sebuah kawasan ataupun di bawah sebuah lokaliti ataupun di dalam sebuah daerah mengundi. Oleh itu, saya merasakan agar perlunya kerajaan terlebih dahulu mengkaji berkenaan sekolah-sekolah kurang murid agar sekolah-sekolah ini dapat digabungkan dan dapat dibina sekolah baru agar dapat kita menjimatkan wang kerajaan. Ini adalah sangat-sangat penting bagi rakyat di negeri Sarawak.

Selain itu, saya telah menyebut perkataan tentang penjimatan. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri kami telah mengeluarkan satu kenyataan berkenaan kekecewaan negeri Sarawak ataupun Kerajaan Sarawak apabila Jabatan Veterinar tidak lagi menghantar pegawai-pegawai untuk membantu masalah rabies di kawasan negeri Sarawak. Kami sangat-sangat memerlukan, mungkin kerana kami kekurangan anggota ataupun kepakaran berkenaan isu ini tetapi kami tidak dapat menerima alasan daripada jabatan ataupun pihak kementerian bahawa jabatan perlu mengambil langkah penjimatan sehinggakan tidak mampu untuk membayar tiket daripada Kuala Lumpur ke Kuching untuk

menghantar pegawai-pegawai veterinar untuk membantu kami mengatasi masalah rabies di negeri Sarawak.

Selain daripada itu juga, saya bersetuju di dalam Dewan ini berkenaan pentingnya pertahanan di negeri Sarawak dan juga Malaysia khususnya. Saya hanya ingin menyentuh berkenaan pertahanan. Isu-isu pertahanan dari segi kebajikan dan juga keselamatan anggota kita. Sebelum kementerian ingin meletak ataupun menempatkan satu rejimen tentera, sekurang-kurangnya kaji terlebih dahulu berkenaan kesesuaian geografi dan juga kesesuaian kawasan tersebut agar anggota-anggota tentera kita selesa. Ini saya ingin membangkitkan masalah Rejimen Sempadan Batalion Kelapan yang telah dihantar di kawasan Sibuti.

Terdapat satu rejimen sempadan telah ditempatkan di Kem PLKN Sungai Rait pada 5 Ogos 2018 yang lepas. Kami di kawasan Sibuti secara tiba-tiba telah dilanda banjir yang sangat-sangat luar biasa. Kem PLKN tersebut telah dinaiki air setinggi enam hingga lapan kaki. Anggota-anggota kita tenggelam dan terputus hubungan. Nasib baik ada kawasan yang tinggi, semua anggota kita berlindung tetapi apa yang berlaku adalah anggota kita terpaksa melakukan pembersihan yang sangat banyak dan kem PLKN tersebut tidak lagi sesuai untuk diduduki oleh Rejimen Sempadan Batalion Kelapan di kawasan Sibuti. Tanah yang mendap setinggi satu kaki.

Kesemua pejabat dan juga peralatan-peralatan bagi pentadbiran Rejimen Sempadan telah rosak. Lima buah unit aset ataupun lori-lori tentera kita telah rosak dan tidak dapat diguna pakai. Maka saya dengan ini menyeru dan meminta serta memohon bantuan daripada Menteri Pertahanan kita agar turun padang ataupun memindahkan rejimen sempadan ini ke lokasi yang lebih selamat dan di kem-kem sementara supaya anggota-anggota kita dapat bertugas dengan baik.

Selain daripada itu juga, saya ingin menerangkan tentang masalah dadah. Dalam Malaysia baharu, kita perlu juga mengambil berat berkenaan masalah dadah. Mungkin pada kerajaan yang lepas kita telah menyasarkan agar kerajaan akan bebas daripada masalah dadah pada tahun 2015 tetapi sasaran tersebut telah gagal dan dadah juga semakin berkembang dan juga permintaannya semakin banyak. Kita melihat statistik daripada AADK yang menunjukkan bahawa puluhan ribu rakyat Malaysia terperangkap dengan masalah dadah. Maka saya minta, saya memohon agar kerajaan Malaysia baharu dapat meneliti kaedah-kaedah penyelesaian masalah dadah. Masalah dadah telah sampai di kawasan luar bandar termasuk di kawasan saya sendiri.

Jika dulu, mereka hanya merompak wang-wang ibu bapa tetapi sekarang mereka telah pergi lebih jauh. Mencuri hasil pertanian, mencuri hasil sawit agar boleh mendapatkan bekalan dadah. Akan tetapi pada masa kini, mereka kurang untuk mencuri sawit kerana harga sawit di kawasan Sibuti jatuh dengan teruknya.

Selain daripada itu juga, kerajaan perlu melihat semula penggunaan kaedah *harm reduction*. Kebergantungan terhadap *methadone* dan juga *Subutex* saya melihat menjadi sebagai pengganti kepada ketagihan yang dihalalkan oleh kerajaan. Maka saya melihat kerajaan janganlah membazir menggunakan kaedah tersebut tetapi menggunakan satu kaedah terapi kekeluargaan yang mungkin lebih berkesan dan juga mungkin lebih murah agar kerajaan dapat menjimatkan kewangan dan kewangan ini dapat diguna pakai untuk menyelesaikan masalah yang lebih besar lagi. Selain daripada itu juga, saya ingin menyebut berkenaan tentang pendapatan negara melalui hasil gas dan minyak.

■1730

Perkara ini sangat dekat di hati masyarakat dan rakyat Sarawak. Akhir-akhir ini, bermula daripada tahun 2014, saya masih ingat apabila kebangkitan ataupun suara Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kami pada masa itu, Allahyarham Tok Nan telah menyuarakan agar hak-hak kerajaan yang terhakis, terutamanya dari segi pendapatan hasil minyak perlu dikembalikan kepada negeri Sarawak berdasarkan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat melalui PDA, MA63. Saya berharap agar kerajaan ikhlas menawarkan kepada kami royalti yang setimpal yang diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak agar kami dapat meneruskan pembangunan. Kami bukan sahaja meminta hasil minyak dan gas tetapi kami juga ingin meminta agar pembangunan yang telah dijalankan, diteruskan oleh kerajaan baharu. Oleh kerana saya yakin masih banyak lagi keperluan-keperluan rakyat Sarawak seperti contohnya, saya ingin membangkitkan tentang Pan-Borneo.

Di Sarawak, rakyat kini bimbang apabila mendengar kenyataan daripada Menteri Kerja Raya bahawa Pan-Borneo akan dikaji semula, peruntukan akan dihadkan agar dapat dilakukan penjimatan. Walaupun penjimatan ini perlu dilaksanakan, sekurang-kurangnya Jalan Pan-Borneo ini dapat diselesaikan atau disiapkan dalam tempoh dan masa yang telah dijanjikan.

Melalui penjimatan ini juga saya memohon, kami bukan hanya memerlukan Pan-Borneo sahaja, peruntukan ini perlulah disalurkan untuk kami menambahkan lagi jalan-jalan perhubungan desa, jalan-jalan *coastal roads*, dengan izin, yang kami perlukan untuk merencanakan ekonomi kami. Selain daripada itu juga, saya ingin mengulangi bahawa keikhlasan kami daripada pihak GPS untuk bekerjasama dengan Yang Amat Berhormat Langkawi berserta dengan Kabinetnya dan menjemput lebih banyak ahli-ahli Kabinet untuk turun padang ke negeri Sarawak melihat dan memperbetulkan masalah-masalah yang telah dibuat oleh kerajaan yang lepas. Walaupun demikian, kami mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan kerajaan yang lepas kerana telah banyak membantu.

Ini bukan satu cerita-cerita kosong, saya ingin mengambil contoh. Walaupun Yang Amat Berhormat Langkawi telah 22 tahun memerintah Malaysia lama pada ketika itu, di tempat saya ada kampung yang hanya baharu menerima bekalan elektrik dan air sekitar pada tahun 2009. Bayangkan berapa lama tempoh yang kami perlu tunggu untuk mendapatkan air. Masih banyak lagi air dan elektrik yang kami perlukan.

Selain daripada itu juga, saya dengan harapan yang besar, saya tadi baru mendengar bahawa PLKN dan BTN akan dimansuhkan. Saya berharap agar dengan pemansuhan BTN dan PLKN ini peruntukan-peruntukan ini dapat diguna pakai kepada pembangunan-pembangunan di kawasan Malaysia.

Saya berharap agar kita tidak mengulangi kesilapan dengan menggunakan agensi-agensi kerajaan untuk mengadakan satu propaganda ataupun endoktrin kepada pelajar-pelajar ataupun rakyat Malaysia. Saya sendiri adalah bekas pegawai JASA, Jabatan Hal Ehwal Khas. Kerja saya adalah untuk meyakinkan rakyat untuk memenangkan kerajaan. Apa boleh buat, JASA secara rasminya telah dibubarkan dan pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai JASA telah dipindahkan dan dalam proses pemindahan ke dalam jabatan-jabatan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya berharap agar semua pegawai-pegawai yang di bawah kontrak ataupun di bawah perjawatan tetap ini akan terbela. Ada sebahagian besar mereka bukan melaksanakan kerja-kerja politik seperti pemandu, seperti pembantu tadbir, pembantu kewangan, mereka ini adalah pelaksana-pelaksana pentadbiran dan agar kebajikan mereka ini terjaga. Selain daripada itu juga, saya berharap agar perpaduan di Malaysia, keharmonian di Malaysia, demokrasi di Malaysia dapat dipupuk dengan baik. Datanglah ke Sarawak untuk belajar betapa harmoninya kami di Sarawak dan kami dan saya sendiri sedia menerima kehadiran Kabinet-kabinet ke negeri Sarawak. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.35 ptg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dan juga berkaitan dengan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hendak mula dengan Yang Berhormat Ketereh. Nampaknya tidak ada dekat sini, yang mana beliau telah bertanyakan sama ada saya sebagai Menteri Kewangan telah mengarahkan bahawa SPRM membuat serbuan ke atas syarikat-syarikat yang berasal daripada negara China berkaitan dengan Projek ECRL dan bahawa apakah sebabnya saya tidak dibenarkan masuk ke negara China?

Saya kesal bahawa beliau masih melayankan ataupun menyatakan perkara-perkara yang tidak benar ini. Saya harap bahawa fitnah-fitnah ini tidak harus diteruskan oleh beliau. Oleh sebab itu, tuduhan-tuduhan seperti ini memang tidak berasas. SPRM di bawah kerajaan baharu, Malaysia baharu, bebas menjalankan siasatan dan ambil tindakan ke atas apa-apa kes yang mereka dapat berasas. Saya tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada SPRM, termasuk juga kepada SPRM untuk melancarkan serbuan ke atas syarikat China atau kontraktor untuk buat ECRL semata-mata untuk mengenakan syarikat-syarikat China tersebut.

Saya pun tidak faham mengapa Yang Berhormat Ketereh menimbulkan atau membangkitkan suatu gambaran bahawa saya hendak mengenakan kontraktor-kontraktor dari negara China. Saya pun tidak tahu ia datang daripada mana, kecuali daripada imaginasi yang agak subur daripada pihak Yang Berhormat Ketereh. Tentang sama ada atau mengapa saya tidak dibenarkan ke negara China, ini memang tidak berasas.

Akan tetapi pada hari Isnin, saya terpaksa berada di Senat untuk memastikan bahawa lima rang undang-undang ini yang dibentangkan oleh kerajaan baharu, khususnya penggantian GST dengan SST, dapatlah diluluskan. Oleh kerana sekiranya tidak diluluskan, maka ia akan menjejaskan hasil yang kian berkurangan ekoran masalah-masalah penyelewengan oleh kerajaan lama, oleh sebab itu ia adalah satu perkara yang sangat penting.

So, ini pun telah diambil pengetahuan oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu saya terpaksa berada di Senat, kecuali pihak pembangkang boleh pastikan mereka akan menghormati mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan tidak akan sabotaj dasar ekonomi Kerajaan Pakatan Harapan dan tidak akan menggagalkan Rang Undang-undang SST [*Tepuk*] dan menolaknya di peringkat Senat.

Sekiranya mereka boleh berikan jaminan tersebut, maka saya boleh pergilah. Akan tetapi sekiranya tidak boleh, susah untuk saya pergi meninggalkan satu urusan untuk memastikan rang undang-undang ini dapatlah diuruskan dengan baik sekali. Oleh kerana ini adalah tanggungjawab, tugas dan amanah saya sebagai Menteri Kewangan. Sekiranya lima rang undang-undang ini tidak diluluskan seperti yang saya sebut tadi, hasil negara terjejas dan kita mungkin menghadapi baki semasa defisit dan ini tidak harus dibenarkan berlaku.

■1740

Sungguhpun mungkin pihak pembangkang mahu lihat ini berlaku supaya mereka boleh gunakan isu ini untuk kritik dan menghentam kerajaan baharu ini. So adakah pihak pembangkang akan berikan jaminan bahawa akan...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Guan Eng: ...Akan sokong SST...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yes, okey.

Tuan Lim Guan Eng: ...Supaya di Senat ia tidak akan ditolak? Boleh tidak?

Seorang Ahli: Yes.

Tuan Lim Guan Eng: Ha! Tunggu.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, itu Dewan Negara janganlah tanya pada Dewan Rakyat.

Tuan Lim Guan Eng: Di sini suruh tunggu, di sana cakap yes. Tengoklah, inilah keengganan untuk berikan satu jaminan yang terus terang. Inilah yang menimbulkan persoalan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami bagi jaminan.

Tuan Lim Guan Eng: ...Adakah mandat yang diberikan oleh rakyat untuk sebuah kerajaan baharu akan terus dihormati supaya rang undang-undang yang diperkenalkan atau diluluskan oleh Dewan Rakyat juga akan terus diluluskan di peringkat Senat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, *no problem*.

Tuan Lim Guan Eng: Ya?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bagi kebebasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tengok sini. Yang Berhormat Bera cakap bagi kebebasan kepada Dewan Senat tetapi tentu mereka akan akur kepada arahan yang dikeluarkan oleh parti. [*Dewan riuh*] So, di sini memang ini satu permainan bukan sahaja nakal tetapi jahat yang hendak sabotaj proses demokrasi, hendak sabotaj dasar ekonomi negara kita di mana kerajaan baharu telah diberikan mandat oleh rakyat. So, di sini bila saya lihat pihak pembangkang buat banyak permintaan daripada Kementerian Kewangan— oh! Projek itu, projek ini— tetapi pada masa yang sama, mana kita akan dapat hasil? Mana akan kita dapat hasil sekiranya bila kita gantikan GST dengan SST, SST hendaklah ditolak seperti yang disebut oleh pihak pembangkang?

So, di sini macam mana kita boleh memenuhi permintaan daripada bukan sahaja daripada rakyat tetapi daripada Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana sekiranya hasil yang kita hendak kutip tidak dapat dibenarkan? Itu suatu perkara yang saya rasa bercanggah. Pada satu pihak hendak minta projek, mahu minta wang tetapi pihak lain tidak mahu kerajaan kutip wang. Saya rasa itu sesuatu yang tidak bertanggungjawab.

So, di situ saya sekali lagi mengulangi apa yang saya sebut tadi bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh tidak benar. Memang adalah sesuatu fitnah yang tidak berasas tetapi pada masa yang sama, saya harap Yang Berhormat Ketereh boleh pastikan kalau hormat prinsip demokrasi, janganlah sabotaj dasar ekonomi kerajaan yang baharu dengan mengarahkan Ahli-ahli Senat mereka jangan halang atau jangan tolak rang undang-undang ini yang diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mulia ini. Sila rakan saya dari Tanjung Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjung Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]: Saya dengar ucapan Yang Berhormat Menteri. Saya agak kelirulah. Tadi Yang Berhormat Menteri kata Yang Berhormat Ketereh ini dia membuat fitnah cerita yang tidak benar. Apabila Yang Berhormat Ketereh kata Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak boleh pergi ke negeri China, katanya tidak betul, fitnah. Kemudian dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri pula hendak buat fitnah pula. Dewan Negara belum bersidang lagi, bagaimana Yang Berhormat Menteri telah membuat satu *presumption* mengatakan bahawa Ahli Dewan Negara akan menolak?

Kemudian Yang Berhormat *talking about democracy*, kemudian hendak suruh kita guna kuku besi pula. So, kelirulah Yang Berhormat Menteri punya jawapan ini sebab banyak sangat politik.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Siapkan payung sebelum hujan.

Tuan Lim Guan Eng: Mana saya ada sebut berkuku besi, saya tidak sebut perkataan berkuku besi. Saya rasa Yang Berhormat *fair* sedikitlah. Apa yang saya sebut, saya akui. Yang saya tidak sebut, janganlah masuk dalam mulut saya. So, saya tidak sebut berkuku besi tetapi pihak sebelah sana telah menyatakan menolak SST dan apabila saya telah tanyakan adakah prinsip ini terpakai di peringkat Senat, semua cakap tunggu dekat Senat. Itu bermakna bahawa sudah ada rancangan supaya dalam Senat, arahan mungkin diberikan supaya SST ditolak. Kalau tidak, kalau Yang Berhormat hormat prinsip dan lunas demokrasi, adakah arahan akan dikeluarkan? Kerana Senat tidak dipilih oleh rakyat, ia dilantik oleh kerajaan lama.

Adakah pihak sebelah sana rela untuk menyatakan bahawa kita tidak akan halang mandat rakyat, akan benarkan SST diluluskan tanpa sebarang halangan? Boleh tidak?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tidak boleh, saya rasa itu hanya mengesahkan apa yang saya sebut. Kita kena bersiap sedia dengan rancangan ataupun muslihat untuk menggagalkan atau mensabotaj dasar ekonomi sehingga hasil kerajaan terjejas.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran ya.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Pengerusi PAC yang baharu sekali lagi ya.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar bahawa kerajaan Yang Berhormat Menteri kini insaf bahawa kerajaan perlu *revenue*, dana untuk pembangunan demi justifikasikan kesejahteraan untuk rakyat. Apabila kerajaan dahulu perkenalkan GST, harga minyak ketika itu di bawah USD50 *per barrel*, Yang Berhormat Menteri, USD48 *per barrel*. Maknanya kerajaan ketika itu memperkenalkan GST pada keadaan *revenue* yang berkurangan. Itu antara sebab dan faktor kerajaan lalu memperkenalkan GST.

Akan tetapi ketika ini harga minyak pada kadar USD75 *per barrel*. Maknanya ketika GST diperkenalkan, kerajaan mempunyai alasan yang konkrit untuk mendapatkan dana bagi pembangunan kerajaan dan negara ketika itu, Yang Berhormat Menteri. Jadi, tidak salah ketika itu satu langkah diambil oleh kerajaan untuk perkenalkan GST semata-mata untuk menjamin, mempertahankan kesejahteraan rakyat melalui cukai-cukai yang lebih efisien pada ketika itu.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, ketika ini berkata atas premis yang sama untuk sejahteraan rakyat tetapi ketika ini harga minyak pada kadar USD75 *per barrel*, jadi ada perbezaan itu. Akan tetapi untuk memberi jaminan bahawa kita akan memastikan Dewan Negara akan meluluskan Rang Undang-undang SST, saya rasa Ahli-ahli di Dewan Negara juga mempunyai perkara mereka masing-masing dan mereka mempunyai pendirian. Saya pasti bahawa kesejahteraan rakyat adalah antara faktor yang akan mereka timbangkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini jelas tunjuk ada udang di sebalik batulah. [*Dewan ketawa*] Ini kita faham tetapi kita akan siap sedia. Yang Berhormat tadi masih hendak mempertahankan GST. Kita tahu GST diperkenalkan kerana 1MDB. GST dilahirkan oleh 1MDB. Oleh kerana kerajaan tidak ada wang, sebab itu 1MDB yang mencetuskan itu GST. Kalau tidak percaya, marilah kita mengakui hakikatnya. Saya tidak mahu cakap panjang lebar tentang perkara ini...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta laluan sikit, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kerana Yang Berhormat telah pun tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kangar minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Semasa dalam perbincangan Titah Tuanku, saya juga ada menyebutkan beberapa perkara yang positif tentang GST.

Mungkin Yang Berhormat Menteri merasakan pihak di sebelah sana sukakan GST dan saya percaya sebenarnya di kalangan rakyat yang mungkin tidak berparti juga ada yang positif tentang GST, jadi dalam hujah saya, saya menyebutkan tentang pergantungan kita kepada sumber petroleum yang mana dari tahun ke tahun sekarang nampak lebih seimbang. Ini saya hendak kaitkan semula dengan perbincangan Ketua Pembangkang pada tahun 2011. Pada ketika itu Dato' Seri Anwar Ibrahim juga membangkitkan tentang pergantungan besar kita kepada petroleum. Ini mungkin Yang Berhormat Menteri dapat ulas sikit.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Di sini saya rasa kalau kita lihat dari segi petrol, memang sungguhpun harga minyak telah naik— kalau kita lihat anggaran Bajet 2018 daripada USD52 setong kepada sekarang USD74, bukan USD75 tapi USD74 setong, memang telah naik sebanyak 47 peratus— tetapi pihak kerajaan baharu telah dapat melindungi rakyat daripada menghadapi risiko kenaikan harga minyak antarabangsa.

■1750

Ini adalah susulan daripada inisiatif Kerajaan Pakatan untuk menstabilkan harga minyak dengan memastikan ia terus kekal pada RM2.20 seliter untuk RON95 dan untuk diesel, RM2.18. Sungguhpun harga minyak telah naik 42 peratus tetapi ia terus kekal dan kita berikan subsidi, ya betul sebanyak 30 sen dengan kosnya untuk enam bulan terakhir ini kira-kira RM3 bilion. So ini ditanggung oleh pihak kerajaan kerana kita hendak memastikan kesejahteraan rakyat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kangar tadi.

Ini kerana kita tidak mahu rakyat menghadapi risiko kenaikan harga minyak. Kerajaan menstabilkannya dan sedia keluarkan bayaran subsidi petrol yang tidak dibuat oleh kerajaan dulu. So itulah perbezaan dan ini kita lakukannya sungguhpun tanpa GST. Bila kerajaan dulu ada GST pun tidak mahu buat macam ini. Akan tetapi kita sungguhpun

sekarang tanpa GST, kita hendak lindungi rakyat, kita hendak pastikan mereka tidak terdedah dengan kenaikan harga minyak, kita teruskan dengan subsidi GST.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian, boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti saya habis sini dulu. Itulah sebabnya kita lihat, kalau dari segi aspek itu GST, ya seperti Yang Berhormat Kangar, saya pun sendiri sudah sebut sebelum ini, ia lebih telus, lebih efisien tetapi dalam aspek kutipan cukai. Apabila dia kutip cukai, rakyat rasa lebih susah. Lebih-lebih lagi bila bayaran balik GST tidak dilaksanakan.

Tadi ada beberapa soalan berkaitan dengan perkara ini. Memang, ini satu perkara serius. Betul, semua cukai GST dimasukkan kepada Kumpulan Wang Disatukan, *consolidated revenue* tetapi ia tidak dipindahkan seperti yang diperlukan pada Tabung Amanah. Satu akaun amanah, Tabung Amanah bayaran balik GST. Mengapa ia tidak dipindah, itu yang kita hendak cari sebabnya, asal usulnya dan itu penting. Wang begitu banyak sehingga sejak tahun 2015 sehingga 2018 bulan Mei, sebanyak RM9.4 bilion tidak dipindahkan dan dengan bakinya RM148 juta bermakna, kita kena cari RM19.3 bilion, kira-kira RM19.3 bilion.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Inilah saya rasa satu cabaran besar kepada Kerajaan Persekutuan. Ini kerana...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Masalah utamanya macam mana ada satu jumlah wang yang begitu besar, di mana di bawah peruntukan perundangan, mesti dibayar dalam dua minggu tetapi sejak tahun 2015, tiga tahun pun tidak dibayar. Saya rasa itu sesuatu yang tidak betul sama sekali. Itu sebab saya sebut, itulah bila Yang Berhormat daripada Rembau sebut hendak merombak GST, saya rasa kerajaan dulu merompak bayaran GST, bayaran balik GST. Ini kerana wang yang sepatutnya diterima, mereka tidak terima dan sehingga sekarang...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Tuan Lim Guan Eng: Masih ada pihak-pihak yang mempertahankan kedudukan ini yang menyatakan sampai, "*Oh! Kerajaan Pakatan yang mengangkat wang ini*". Macam mana kita boleh angkat wang ini? Sejak tahun 2015 kita tidak jadi kerajaan. Tahun 2016 pun ada hutang, tahun 2017 pun ada hutang, tahun 2018, 31 Mei, masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Langkawi hanya jadi Perdana Menteri tiga minggu. Takkan tiga minggu dia boleh lesap RM19.3 bilion. Tidak masuk akal! Tidak masuk akal!

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya akan cakap elok-elok.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Saya jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21 Mei. Takkan 10 hari saya boleh angkat habis RM19.3 bilion? Saya rasa kalau bekas Perdana Menteri...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya cakap elok-elok. Pontian akan cakap elok-elok.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar sekali lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya akan cakap elok-elok, Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bagi laluan?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Pontian.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Hari ini *mood* lebih baik sedikit, saya akan bagi. Akan tetapi biar saya habis ungkapan ini, saya akan bagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [*Bangun*]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Pontian jangan senyum panjang sangat.

Tuan Lim Guan Eng: Tanjong Karang nanti sekejaplah. Bagi dia dulu. Dia sudah berdiri lama. Kita kasihan sama dia. Sila. [*Dewan ketawa*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang subsidi minyak RM3 bilion. Dalam buku ataupun janji 10 hari, 10 janji 100 hari, disebut bahawa harga minyak akan diadakan subsidi bersasar tetapi apa yang berlaku sekarang ini ialah subsidi tersasar.

Apakah maksud subsidi bersasar, subsidi tersasar? Tersasar ini ialah sekarang ini diberi subsidi pukal, bererti semua orang dapat, orang kaya dapat, orang miskin dapat. Masalahnya ialah orang kaya dapat lebih banyak daripada orang miskin. Konsep subsidi ini ialah sepatutnya, orang miskin dapat lebih daripada orang kaya.

Jadi bilakah agaknya? Maksud saya ialah orang kaya itu lebih banyak kereta, keretanya lebih berkuasa tinggi, orang miskin ini cuma ada motosikal ataupun kereta kecil, jadi subsidi kepada orang miskin itu sikit, subsidi kepada orang kaya itu banyak. Ini adalah subsidi tersasar, sedangkan janji Yang Berhormat dalam manifesto, subsidi bersasar. Bila agaknya subsidi bersasar itu hendak dibuat?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh minta laluan sikit.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti saya habis sini dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Isu yang sama.

Tuan Lim Guan Eng: Saya habis dulu. Saya bukan pakar bahasa. Apa ini tersasar, bersasar? Kalau Yang Berhormat hendak mainkan bahasa, saya hendak cakap di sini. Tentang itu subsidi yang kita berikan sekarang, saya setuju. Memang bukan sahaja miskin tetapi kaya pun dapat manfaat. Itulah sebabnya kita hendak laksanakan satu sistem *free card* iaitu pada tahun depan. Di mana kita akan pastikan bahawa yang miskin atau kita cakap – jangan cakap yang miskin sahaja, golongan B40 lah, mereka akan dapat menerima manfaat daripada subsidi minyak ini. Akan tetapi buat sementara waktu kerana kita perlukan masa.

Saya harap Yang Berhormat pun kena faham. Kita kerajaan baharu dan kerajaan baharu yang menghadapi begitu banyak masalah besar. 1MDB, bayaran hutang yang kita terkejut bahawa sudah bayar RM7 bilion, akhir empat bulan ini kena cari RM1.3 bilion lagi, GST *refund* RM19.3 bilion pun tidak dibayar, ini semua masalah besar. Itulah sebabnya sungguhpun kita tahu bahawa inilah yang paling efisien tetapi dari segi untuk menggembelngkan semua tenaga, memastikan yang layak untuk menerimanya mendapat manfaat termasuk BR1M atau bantuan sara hidup rakyat pun akan dipastikan bahawa hanya golongan yang disasarkan dapat menerimanya.

So, di sini sememangnya itu adalah dalam rancangan. Kalau kita sebut dalam janji 100 hari, sememangnya iltizam dan niat kerajaan baharu adalah ikhlas, ikhlas untuk melaksanakannya. Akan tetapi apa kita boleh buat bila kita lihat kedudukan kewangan yang begitu tidak menentu, sampai kita terpaksa tunggu untuk beberapa janji di dalam manifesto terpaksa kita tunggu sehingga kedudukan kewangan mengizinkan.

Akan tetapi walau macam mana susah pun, sekurang-kurangnya kami di Pakatan Harapan boleh merasa gembira bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk mengambil risiko dengan menghapuskan, memansuhkan GST dengan serta-merta [*Dewan tepuk*] ...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Dan berani untuk membuktikan tanpa GST...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar sekali lagi.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Kerajaan Malaysia tidak bankrap sama sekali. So, saya rasa itu prinsip yang sangat penting. Itu prinsip yang sangat penting dan pada masa yang sama, kita tidak mahu menafikan ada cabaran yang lebih besar. Akan tetapi dalam menghadapi cabaran yang lebih besar pula, ada usaha untuk menggagalkan kita mengutip cukai. Ya, SST kutip cukai separuh daripada GST tetapi ini pun tidak mahu diberikan peluang untuk Kerajaan Pakatan Harapan mengutip. Seperti yang kita sebut tahun depan di bawah GST, akan kutip RM44 bilion. Di bawah SST, RM21 bilion. Ini RM21 bilion, *Senate* pun hendak gunakan kuasa *Senate* untuk gagalkannya.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Semua bila saya sebut ini, semua di sebelah sana... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] ...senyum-senyum kambing sahaja.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Itu kita tahu maksudnya. Ya sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang.

■1800

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak dua benda sahaja, yang pertama subsidi. Bukannya Yang Berhormat Pontian salah bahasa, kalau itu salah, buku Harapan sudah salah. Ia ada sebut menyediakan subsidi minyak bersasar janji yang ketujuh. Akan tetapi apa pun alasan Yang Berhormat bagi – ialah berbagai-bagai alasan hanya yang itu yang pertama Yang Berhormat sudah nafikan.

Kedua, tadi saya bangun hari itu tanya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwai Ekonomi, adakah benar kerajaan telah memberikan RM1.4 bilion subsidi minyak kepada rakyat yang dibuat kenyataan oleh Yang Berhormat Timbalan Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli? Akan tetapi Yang Berhormat Menteri kata tidak ada. Jadi saya pun *confused*, ada atau tidak ada subsidi yang diberikan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwai Ekonomi kata tidak ada, Yang Berhormat kata tadi ada pula bagi subsidi. Jadi istilah yang mana satu yang betul yang kita jadi kalam kabut? Itu yang kedua.

Ketiga, isu yang *refund GST* sudah jadi isu dunia. Saya ingat kalau boleh tidak kita–saya nak cadanglah Yang Berhormat sebagai Menteri Kewangan, kita boleh atau tidak cadang tubuh Suruhanjaya Diraja sahajalah. Kita buka, kita tengok sama-sama daripada kita berhujah di sini tanpa fakta yang betul jadi kita tubuh Suruhanjaya Diraja dan polis siasatlah. Siasat! SPRM pun siasat kalau tidak, takkan Tan Sri bekas– Irwan pun, dia pun ada *report* juga SPRM untuk menjaga nama baik dia. Boleh tidak, setuju tidak tubuh Suruhanjaya Diraja? Juga...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kenyataan yang mana satu betul? Yang Berhormat punya kenyataan betulkah atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Ekonomi yang kata betul?

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Saya sekali lagi...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan, Tumpat.

Tuan Lim Guan Eng: Satu persatu. Sekali lagi Yang Berhormat Tanjong Karang tidak adil sama saya. Apabila saya cakap tadi Yang Berhormat Pontian salah, saya pun tidak sebut dia salah. Ada tidak saya sebut anda salah? *You* boleh *check Hansard*, saya tidak pernah sebut salah janganlah macam ini. Tadi sudah sebut saya cakap berkuku besi, bila saya tidak sebut istilah ini. Sekarang pula cakap saya sebut Yang Berhormat Pontian salah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri tadi sebut tidak faham, tersasar, bersasar, tidak faham.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi saya tidak pernah cakap dia sebut salah. Saya tidak pernah cakap dia salah. Akan tetapi sekarang yang pentingnya ialah kalau kita nak pastikan bahawa manfaat daripada subsidi mestilah sampai ke atas golongan yang kita sasarkan iaitu golongan B40. Itu saya setuju, semua setuju tidak jadi pertikaian. Mengapa ini nak dipertikaikan? Seperti Yang Berhormat Tanjong Karang mempertikaikan tentang pilihan raya PKR di antara Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rafizi.

Tolonglah Yang Berhormat Tanjong Karang, saya tidak ada dalam Dewan ini bila Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, rakan saya membuat kenyataan itu. Saya pun tidak tahu apakah sebenarnya itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Gombak. Ini kerana tadi Yang Berhormat pun bila saya berdiri di depan Yang Berhormat Tanjong Karang, telah pun sebut salah dua kali.

So, biarlah sebelum saya jawab, saya dapat pengesahan apa yang disebut oleh rakan saya. Tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rafizi, ini saya rasa perkara sedikit sensitif kerana ini adalah berlaku semasa pertandingan berlaku. Ini masalah keluarga. Kita janganlah campur tangan dalam hal ehwal keluarga, tidak baik ini Yang Berhormat Tanjong Karang. *[Dewan tepuk]*

Jangan jaga tepi kain orang, tidak bagus. Macam sekarang UMNO pun ada masalah kita tidak jaga tepi kain UMNO, betul tidak? Itu kita hormat di antara satu sama lain, dalam parti kita ada masalah masing-masing biar kita uruskan dengan diri sendiri. Saya rasa itulah pendekatan yang harus kita lakukan di dalam Dewan ini kita bincang tentang hal negara. Janganlah bincang tentang hal kepartian. Dia sudah berdiri lama.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Tuan Lim Guan Eng: Bagi – *no, no*. Di sana dia sudah berdiri lama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menyentuh *refund GST* yang mencecah RM19.3 bilion, soalan saya bilakah kerajaan yang baharu ini dijangkakan dapat membayar balik RM19.3 bilion ini dengan mengambil sumber-sumber kewangan sebagaimana yang disebut oleh pihak kerajaan yang lama duit ini dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Disatukan? Maknanya kalau tidak boleh dibayar sebanyak RM19 bilion ini, sebahagian daripadanya dibayar.

Soalan yang kedua saya, jumlah sebesar ini kalau dia buat pinjaman dengan bank tentunya *interest* yang perlu dibayar ini agak besar. Adakah pihak kerajaan apabila atas nama kerajaan saya bercakap bukan kerajaan baharu kerajaan lama, atas nama kerajaan adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan sedikit imbuhan ataupun sebagainya kepada syarikat-syarikat yang tergendala untuk dia mendapat *refund* ini?

Untuk makluman, salah satu daripada syarikat adalah milik saya *[ketawa]* yang tidak dibayar dan tentunya wang yang tidak dibayar ini kita adalah syarikat *business*. Kalau dalam tempoh tiga tahun, kalau RM1 juta yang kita *rolling*, barangkali kita akan memperoleh paling kurang setengah juta, paling kurang. Biasanya kita *rolling* dalam masa tiga tahun ini, ia akan mencecah kalau RM1 juta, keuntungan kita mencecah RM1 juta. Jadi sekarang ini, adakah kerajaan bersedia, Kerajaan Harapan yang diharap oleh rakyat bersedia untuk membayar sedikit imbuhan ataupun apa nama sekalipun kepada mereka yang terlibat? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada kaitan Yang Berhormat, ada kaitan. Boleh sambung?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Tumpat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Tuan Lim Guan Eng: Pagar tidak terkawal. Saya nak jawab Yang Berhormat Pasir Puteh, terima kasih atas soalan tadi.

Saya nak fahamkan Yang Berhormat Pasir Puteh, sungguh pun ia dalam Kumpulan Wang Disatukan, kita kena ingat ia tidak dipindahkan kepada Tabung Bayaran Balik GST. Selagi ia tidak dipindah, kita tidak boleh buat *refund* kepada pembayar cukai GST termasuk syarikat Yang Berhormat Pasir Puteh. Tadi Yang Berhormat Pasir Puteh patut sebut ada *interest*-lah, sebagai Ahli Parlimen patut digelar *interest* lah. Tidak apa, saya *declare interest* untuk andalah, kerana kalau tidak digelar *interest* nanti salah pula. So...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Soalan berkaitan.

Tuan Lim Guan Eng: Di sini sungguh pun ia masuk dalam Kumpulan Wang Disatukan, ia telah digunakan tidak ada lagi. Ia telah digunakan pada tahun 2015, pada tahun 2016, pada tahun 2017, pada tahun 2018 sebelum pilihan raya 9 Mei. So, di sini kalau kita tidak mahu sebut tentang tahun 2018 apatah lagi 2015, 2016 dan 2017. Semua sudah diguna. Oleh kerana sungguh pun mereka cakap, "*Oh! Wang itu tidak hilang, bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan*". Wah! Dengan suara begitu lantang sekali cakap. "*Oh! Wang itu tidak hilang, masuk kepada Wang Disatukan*". Betul, masuk di dalam Kumpulan Wang Disatukan tetapi mengapa beliau tidak pindahkan kepada Tabung Bayaran Balik GST? Mengapa mantan Menteri Kewangan tidak berani sebut sama ada beliau telah luluskan keputusannya?

Itulah sebabnya sungguh pun masuk kepada Kumpulan Wang Disatukan, wang telah digunakan, tidak dipindahkan kepada Tabung Bayaran Balik GST. Itulah sebabnya Yang Berhormat tidak boleh dapat bayaran balik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan, berkaitan.

Tuan Lim Guan Eng: Jawapan kedua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan.

Tuan Lim Guan Eng: Jawapan kepada soalan kedua.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Bagi laluan Yang Berhormat Menteri, lama sudah berdiri.

Tuan Yang di-Pertua: Biarkan Yang Berhormat Menteri jawab dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah kita akan bayar balik? Ya, saya telah sebut bahawa dari segi moral, dari segi etika, dari segi nilai. Nilai masyarakat Malaysia yang sungguh murni dan suci ini. Kalau kita sebagai pemegang amanah wang rakyat adalah tanggungjawab kita untuk pulangkannya dan kerajaan berhasrat untuk memulangkan wang bayaran balik GST tahun hadapan.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tentulah Yang Berhormat akan dapat balik manfaat ia. Akan tetapi di sini saya harap Yang Berhormat boleh faham, kena ingat Yang Berhormat Pasir Puteh, yang angkat *you* punya wang, yang tidak mahu bayar balik dan gunakan wang tanpa pengetahuan anda, tanpa pengetahuan syarikat anda, gunakan wang tanpa pengetahuan Yang Berhormat dan juga tidak mahu bayar balik adalah Barisan Nasional. Yang hendak pulangkan wang kepada anda adalah Pakatan Harapan. [*Dewan tepuk*] Mengapa pula PAS nak kerjasama dengan UMNO? [*Dewan riuh*] itu yang saya tidak faham.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri.

■1810

Tuan Lim Guan Eng: ...Akan tetapi tidak mengapa, itu terpulung kepada anda. Akan tetapi ingat, siapa yang tipu anda, siapa yang pulangkan wang anda...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat Pasir Puteh boleh balik, boleh fikir baik- baik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat daripada Ayer Hitam.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan yang *mood* baik hari ini. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat dengan begitu terperinci sekali. Saya sokong 100 peratus iaitu, Yang Berhormat, kita tubuhkan satu jawatankuasa siasatan, kalau boleh tribunal ataupun suruhanjaya, untuk menyiasat bukan lagi RM18 bilion, sekarang sudah menjangkau RM19.3 bilion.

Semalam saya terbaca seorang mahasiswa, dia buat satu percakapan yang saya rasa agak menarik. Ini antara Ali dengan Abu. Ali bercakap ini kepada Abu. Ali kata, "*Kamu mencuri RM19*". Kemudian Abu pula cakap, "*Apa buktinya saya mencuri?*" Kemudian Ali pula cakap, "*Kemukakan bukti kamu tidak mencuri*". Abu pun terkilan tergamam, dia kata, "*Takkan zaman ini saya dituduh tanpa bukti?*".

Jadi untuk kita mendapatkan satu keadilan sejagat, saya sokong 100 peratus. Kita hendak tahu siapakah yang menyelewengkan wang ini, ke manakah wang itu pergi dan sama ada Yang Berhormat setuju, kita cari dan kita mesti bertanggungjawab. Kalau kita ini dikatakan perompak, sampai akhir hayat nama kita jadi busuk. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi satu jaminan. Terima kasih.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri. Cameron Highlands.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak jawab Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam kena ingat, saya sebut kerajaan lama. Saya tidak sebut Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya tidak sebut nama Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya pun tidak sebut nama Yang Berhormat Pontian. Duduklah Yang Berhormat Pontian, biar saya jawab dahulu. [*Dewan ketawa*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Lepas ini boleh bagi peluanglah.

Tuan Lim Guan Eng: Bila kita sebut tentang kerajaan kerana memang kerajaan tidak pulangkan wang yang dimiliki oleh rakyat, *refund* GST, selama tiga tahun. *So*, takkan bila kita sebut mana wang hilang— jelas sekali wang tidak dipindahkan kepada GST *refund trust account*. Bukankah kalau tiga tahun bila undang-undang wajibkan dua minggu, bukankah wang *refund* GST kena rompak? Tanyalah Yang Berhormat Pasir Puteh, dia rasa wang dia sendiri pun kena rompak. [*Dewan ketawa*]

Seorang Ahli: Siasat, siasat.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah hakikat. *So*, di sini kalau kita gunakan logik Yang Berhormat Ayer Hitam, 1MDB punya wang pun tidak dirompak jugalah. *So*, itu saya rasa tidak adil. Mengapa kita terus hendak pertahankan sesuatu yang kita tahu adalah satu kehilangan wang yang besar kepada negara kita? *So*, di sini saya hendak tunjuk...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat minta laluan. Tumpat minta laluan.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Minta laluan, Yang Berhormat Menteri. Lama sudah berdiri ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa kalau...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Sekejap sahaja, Yang Berhormat Menteri, sekejap sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kita teruskan macam ini, nanti kita ada jamuan, jamuan makan malam. Saya hendak sentuh juga kepada soalan-soalan lain. Saya hendak rujuk kepada soalan-soalan lain.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Jamuan nanti boleh makan, Yang Berhormat Menteri. Ini ada soalan penting.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat lama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak memberi laluan. Jadi, sila duduk.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri, belakang ini tidak nampak.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri sebut PAS kerjasama tadi dengan UMNO, ini hendak tanya ini.

Tuan Lim Guan Eng: Okey, yang ini *last* ya, kepada Yang Berhormat Bera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau tidak, Yang Berhormat, susahlah. Macam Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat kena dakwa di mahkamah, tiba-tiba kata Yang Berhormat rasuah. Itu tidak adil bukan kata begitu? Jadi, kita hendak penyiataan betul-betullah. Itu sahaja— penyiataan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya dakwa kerajaan lama.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey, Yang Berhormat, saya mohon penjelasan sahajalah. Wang yang perlu dibayar sekarang ini, untuk GST ini, adalah RM19.3 bilion sejak daripada tahun 2015. Okey, daripada kenyataan Yang Berhormat juga di sini bahawa untuk tahun 2018 sahaja, tunggakan sebanyak RM9.8 bilion. Ini bermakna tunggakan yang terbesar berbanding yang lain adalah pada tahun 2018. Jadi, saya difahamkan ia disebabkan tuntutan serentak yang dilakukan apabila GST dimansuhkan. *Is it true?* Benarkah perkara itu ataupun tidak?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan. [Pontian]: Ada berkaitan. Pontian ini ada kaitan dengan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri beri laluan untuk semua?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat tidak diberi langsung ini.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat daripada Bera pun kena faham, kalau kita bayar GST ialah dua bulan sekali...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Jangan macam gengsterlah.

Tuan Lim Guan Eng: So sekiranya macam itu, apa logik daripada Yang Berhormat Bera...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Duduk! duduk! *You* duduk, duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Semua duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak terangkan sedikit lagi. Di bawah undang-undang ditetapkan dua minggu. Peruntukan undang-undang telah dilanggar. Sebagai seorang peguam, adakah ini salah? Okey, kalau tidak sebut dua minggu, tidak mengapa. Dua bulan, asalkan boleh dapat wang kembali sudah tetapi ini sampai tiga tahun. Tahun 2015 RM610 juta, tahun 2016 RM2,821 juta, tahun 2017 RM6,782 juta. Apakah sebab wang tidak dapat dikembalikan? Sampai ada Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini pun menjadi mangsa.

Ini jelas satu perompakan oleh kerajaan lama. Saya tidak tuju kepada mana-mana Ahli Parlimen di sini kerana saya tahu di antara Ahli Parlimen di sini tidak tahu. Hanya mungkin Menteri kanan yang paling kanan sekali termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tahu. Inilah yang kita hendak mendapat pengesahan. Adakah kerana— KSP beliau tidak boleh buat keputusan, mesti dapat restu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya tahu kerana saya baca undang-undang. Menteri Kewangan harus beri kelulusan, baru sah. Inilah yang kita hendak tanya...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya, Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: ...Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan tahu atau tidak tahu dan sekiranya tahu, adakah dimaklumkan kepada semua Ahli Kabinet di sini? Saya hendak sebut di sini— sudah, cukup. Minta maaf, cukup...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan. Sila duduk Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak sebut di sini bahawa bila kita sebut tentang projek-projek, tadi Yang Berhormat Arau ada bertanya banyak projek...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri ada tuduh tadi PAS kerjasama dengan UMNO. Kita hendak tanya sikit...

Tuan Lim Guan Eng: Saya pun tidak faham mengapa sebut tentang projek RM20,000...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat sudah tidak diberi laluan, sila duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, saya sekarang tidak cukup masa...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak, sebab ada tuduhan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Ada tuduhan PAS kerjasama dengan UMNO tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak pernah berikan arahan bahawa projek RM20,000 dihentikan. Saya pun tidak tahu daripada mana ia berlaku. Mungkin Yang Berhormat boleh rujuk kepada saya. Apa yang ada dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya...

Tuan Lim Guan Eng: Saya habis ayat ini, saya beri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, *thank you*.

Tuan Lim Guan Eng: Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah keluaran satu arahan kerana seperti yang Yang Berhormat daripada Arau ada sebutkan tadi, memang berlaku di mana ada banyak *direct negotiation*. Banyak *direct negotiation*, banyak penyelewengan. Oleh sebab itu, ia harus ditender semula khususnya projek yang belum keluar SST atau surat setuju terima. Okey? Akan tetapi ini hanya untuk projek yang lebih RM10 juta. Bagi yang kurang RM10 juta, kementerian sendiri boleh putus. So di sini saya tidak lihat apa masalahnya. So, bila sebut tentang projek RM20,000, saya harap boleh berikan maklumat. Saya akan periksa sungguhnya ini sepatutnya di bawah peringkat kementerian. Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali projek NCER, saya setuju ditender semula asalkan projek itu jangan dipotong. Akan tetapi saya tengok dalam belanjawan ini, ia tidak termasuk tetapi dalam Dewan Undangan Negeri Perlis disebut bahawa pemotongan projek hampir RM1 bilion termasuk projek Chuping yang berharga RM700 juta lebih. Panggil tender semula *no problem*, asalkan projek jangan dipotong.

Projek kecil ini ialah projek-projek kecil yang diluluskan yang mana satu projek kecil itu bernilai RM20,000. Jumlah projek itu lebih kurang mungkin— saya kurang pasti, mungkin dalam RM10 juta. Akan tetapi ini projek-projek kecil yang kita laksanakan dalam konsep kecil iaitu RM20,000 satu persatu jalan. Jadi yang ini telah dipotong walaupun peruntukannya telah diluluskan dan sesetengahnya peruntukan telah pun dihantar tetapi dipotong kerana arahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui ICU.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat itu maklumat? Saya dengar-dengar saya pun masih tidak faham. Seperti yang saya sebut, arahan dikeluarkan bukan oleh Menteri Kewangan tetapi oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, bukan terhadap projek spesifik tetapi secara amnya. So di sini kita akan pastikan bahawa daripada segi mutu projek ini dijalankan, kita mahu ia memenuhi standard-standard atau piawaian CAT iaitu cekap, akauntabiliti dan telus.

■1820

So, saya rasa di sini Yang Berhormat Arau pun setuju, asalkan ia memberikan manfaat kepada rakyat. Ini mesti dibuat dengan baik dan juga secara teratur.

Saya pun hendak rujuk kepada Yang Berhormat Pasir Gudang tadi tentang - sebelum saya lupalah kerana saya tidak sempat catat bila beliau di antara yang paling terakhir yang memberi ucapan tentang kereta nombor tiga. Saya memang bersetuju dengan dia dan saya hendak berikan jaminan bahawa saya tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan sekiranya ada projek kereta ketiga, ia tidak akan menggunakan dana ataupun wang awam dan kerajaan.

Ini adalah datang daripada pelaburan swasta. So, sekiranya datang daripada pelaburan swasta, saya rasa tidak ada masalah. Yang Berhormat Pasir Gudang, boleh ya? Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat berdiri 10 minit sudah itu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Lama sudah.

Tuan Lim Guan Eng: Sudah ini tentang GST sudah habis. Lain kali.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak GST.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberikan laluan Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Tentang *refund fund*.

Tuan Lim Guan Eng: Saya juga hendak sebut tentang RAPID PETRONAS. Ini saya kena siasat tentang projek-projek ataupun aduan bahawa ada kontraktor tempatan dianaktirikan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah projek usaha sama di antara Petronas dan Aramco daripada Arab Saudi. Itu pun tertakluk kepada surat perjanjian dan kontrak. Ia ditandatangani bukan di bawah kerajaan baharu. Ia ditandatangani di bawah kerajaan lama. Sekiranya inilah syarat-syaratnya, kita tidak boleh buat apa-apa. Kita kena terus berpegang kepada kontrak yang ditandatangani oleh Barisan Nasional. Akan tetapi saya hendak memberikan jaminan sekiranya di bawah kerajaan Pakatan Harapan tentu kita akan pastikan bahawa kepentingan tempatan tidak akan dipinggirkan atau dianaktirikan. Terima kasih, kepada Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Satu lagi tentang pelabuhan di Pasir Gudang. Saya pun sungguh setuju dengan Yang Berhormat Pasir Gudang bila pengusaha pelabuhan dapat keuntungan yang begitu besar, memang ia harus dikongsi bersama. Akan tetapi pelabuhan Pasir Gudang atau Tanjung Pelepas telah pun diswastakan oleh kerajaan lama. So, ia untung ia angkat habis. So, itulah kadang-kadang kita cakap ini bukan *privatization*, ini macam *piratization*. So, itulah yang berlaku di kerajaan lama tetapi di bawah kerajaan baharu kita akan pastikan sekurang-kurangnya kita boleh mendapat manfaat yang sewajarnya.

So, di sini sungguhpun kita tahu bahawa mereka untung, tetapi apa boleh buat masa itu kita terlewat mungkin satu penggal. Kalau satu penggal awal kita jadi kerajaan. perkara ini tidak akan berlaku. So, itulah yang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Pasir Gudang sama...

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Tumpat kesianlah. Sila. Ini tentang Tanjung Pelepas?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Nak cuba *clear*-kan nama Menteri juga, *Insyah-Allah*.

Saya hendak cuba memahami dalam suasana Dewan Negara belum lagi bersidang, tiba-tiba Yang Berhormat Menteri beberapa kali membuat andaian yang mana Dewan Negara akan menolak apa yang cuba dibawa oleh kerajaan untuk mengutip hasil dan sebagainya. Bukan sekadar membuat andaian tetapi Yang Berhormat Menteri turut menyebut bahawa tindakan itu merupakan tindakan yang jahat dan sebagainya.

Jadi saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, satunya apa Yang Berhormat Menteri tidak meyakini dengan sistem Parlimen negara kita hari ini sehingga boleh membuat andaian sedemikian, mengeluarkan perkataan jahat dan sebagainya atau adakah Menteri tidak lagi merasakan bahawa Ahli-ahli Senator kita ini sepatutnya bebas memberikan pandangan, bebas berfikir dan sebagainya sehingga maknanya kita mesti meletakkan sekiranya mereka menentang maknanya itu merupakan satu tindakan yang jahat.

Sedangkan kita mendengar perbahasan beberapa hari yang lalu walau apa pun jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tetapi kita dapat melihat dalam suasana PAS menolak GST dan menolak SST tetapi kita melihat bahawa hujahan mempertahankan GST lebih daripada SST. Kita dapati tidak dapat dijawab dengan baik oleh pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, maknanya PAS jelas menolak sama ada GST mahupun SST. Kita yakin maknanya Ahli-ahli Dewan Negara daripada PAS memang akan menolak. Jadi tidak boleh Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa itu merupakan satu tindakan yang jahat kerana itu adalah pendirian kita —pendirian kita ialah tidak bersetuju dengan GST dan juga SST yang berasaskan percukaian yang berasaskan kepada kepenggunaan.

Ini bukan jahat ini adalah kerja untuk membela rakyat. Kita yakin lebih jahat kerajaan apabila membebankan dengan janji untuk meringankan bebanan rakyat melalui pilihan raya baru-baru ini dengan pemansuhan GST, tiba-tiba rakyat dibebankan dengan SST. Saya rasa ini lebih jahat. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Lim Guan Eng: Saya agak kesal bagi jalan sama Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya pun tidak —bila saya buat komen itu adalah terhadap sebelah depan sini, mana saya ada tujuan kepada PAS. Saya tujuan kepada UMNO.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri sebut PAS kerjasama dengan UMNO.

Tuan Lim Guan Eng: Itu berkaitan dengan bayaran balik GST. Saya pun tidak faham Yang Berhormat Tumpat..

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Akan tetapi, jangan campur...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dalam GST pun PAS tolak tidak bersama, dalam pemansuhan GST, PAS bersama dengan kerajaan.

Tuan Lim Guan Eng: Sudahlah. Saya rasa sudah salah sasaran. Ini nampaknya Yang Berhormat Tumpat sudah sesat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak apa, Yang Berhormat Menteri tolong jawab..

Tuan Yang di-Pertua: Menteri tidak beri laluan. Sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Sudah, sudah. Sudah sesat nampaknya. Sudah sesat nampaknya. Saya hendak balik kepada...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri sebut siapa sesat ini?

Tuan Lim Guan Eng: *You* punya hujah sudah sesatlah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon perkataan itu tidak perlu diucap dalam Dewan. Saya mohon Menteri tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Hujah yang sesat. Apa salahnya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang sesat ini?

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya minta tarik balik perkataan 'sesat' yang ditujukan saya kira kepada saya.

Tuan Lim Guan Eng: Hujah sesat.

Tuan Yang di-Pertua: Hujahan.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada tuju kepada PAS, saya tujukan kepada sebelah sana. Tadi bila Yang Berhormat Pasir Puteh bangun jawab tentang GST *refund* yang tidak dibayar balik, saya pun telah terangkan kepada dia.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Perkataan 'sesat' tadi ditujukan kepada siapa?

Tuan Lim Guan Eng: Kepada anda. Hujah anda yang sesat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua, tarik balik perkataan 'sesat'.

Tuan Yang di-Pertua: Atas alasan?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sesat ini neraka.

Tuan Yang di-Pertua: Apa alasan? Saya tidak terima. Silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan teruskan. Lain kali saya tidak perlu bagi jalan lagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begini, lain kali saya kena bawa kamus tiap-tiap kali.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, betul kena bawa kamus, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak berpuas hati sekiranya tidak ditarik balik perkataan 'sesat'.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dah buat *ruling* perkataan itu...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hujah yang sesat bukan orang sesat.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan itu merujuk kepada hujahan bukan orang. Sila duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya pun boleh kata Menteri memberi jawapan yang sesat.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehlah ini terpulang kepada anda. Akan tetapi, lain kali saya tahu itulah standard Yang Berhormat Tumpat, payahlah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dan itulah standard Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Payahlah macam ini, payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, kalau tidak habis —sesat-menyestat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya pun hendak setuju dengan Yang Berhormat Arau tadi tentang perlunya kita mengkaji untuk memberhentikan pembalakan yang rasa adalah sesuatu yang mengancam alam sekitar. Sekiranya ia boleh dilakukan, ada banyak negeri yang telah pun digondolkan, ia tidak harus menjadi satu isu dan satu ancaman kepada alam sekitar. Di sini tentulah kita kena tinjau. Ini adalah berkaitan dengan kuasa negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan hanya boleh berikan nasihat dan tidak boleh buat lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti yang telah memberikan beberapa pandangan.

■1830

Salah satu daripadanya ialah tentang bantuan yang diminta untuk menghadapi masalah rabies. Kononnya tidak mampu untuk hantar pegawai kerana tidak mampu bayar tiket penerbangan ke Kuching. Ini saya akan siasat, kita akan semak apakah sebab sebenarnya. Ini kerana memang ia suatu krisis kesihatan yang saya percaya Kementerian Kesihatan berikan perhatian dan akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa pertanyaan khusus tentang syor kaji semula projek-projek di bawah koridor dan peranan koridor. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerajaan telah putuskan untuk kaji semula projek secara menyeluruh bukan sahaja di bawah koridor tetapi untuk semua kontrak-kontrak lain. Di sini perkara ini akan dipertimbangkan mengikut keperluan yang sedia ada. Seperti yang saya sebut tadi, arahan

daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 29 Jun 2018 adalah jelas ialah untuk semua projek yang bernilai melebihi RM10 juta dan peratusan kemajuan di bawah 15 peratus dikaji. Yang bawah itu, semua kementerian haruslah bertanggungjawab untuk mengkaji semula projek supaya memastikan kepatutan kos atau kos adalah *value for money*. Kementerian perlu memuktamadkan kajian tersebut sebelum hujung bulan Ogos ini.

Tentang komitmen pihak kerajaan untuk mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, saya telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Wilayah bahawa DBKL telah pun mengadakan peruntukan untuk kajian tersebut dan peruntukan kajian ini tentu menggunakan sumber dalam. Untuk maklumat yang terperinci saya rasa itu akan terserah kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah.

Isu tentang MARA, ini akan dijawab dengan sepenuhnya oleh rakan saya daripada Gombak dan saya tidak ada apa-apa hendak tambah kecuali seperti yang saya sebut, ia telah dipindahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Tentang SST dan GST sudah jawab. Anggaran hutang negara tahun 2018, saya rasa ini pun telah dijawab secara terperinci dalam banyak soalan dan secara amnya kita boleh lihat bahawa pihak kerajaan berdepan dengan kedudukan kewangan dan jumlah hutang yang telah mencecah RM1 trilion. Sungguhpun ini adalah satu cabaran yang besar, kita akan menghadapinya dengan menggunakan atur cara kewangan yang sah dan sahiih dan bukanlah menerusi instrumen kewangan yang tidak menepati prinsip-prinsip perakaunan asas.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ialah berkaitan dengan perpindahan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ke KDN di mana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia adalah setiausaha kepada Pengurusan Bencana dan bertanggungjawab kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara yang berada di Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan berpandangan adalah wajar bagi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia diletakkan di bawah KDN memandangkan terdapat isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam yang perlu diberi perhatian.

APM merupakan sebahagian daripada Agensi Keselamatan Negara. Dari segi peranan selaku Sekretariat Pengurusan Bencana Peringkat Daerah dan Negeri, APM masih boleh melaksanakan fungsi tersebut serta melaporkan kepada Pengerusi Pengurusan Bencana Negara tertakluk kepada semakan semula pelan operasi standard Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Oleh sebab saya dimaklumkan ia lebih mirip dengan KDN, oleh sebab itu lebih sesuai ia diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. So, itulah sedikit sebanyak beberapa hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Di sini saya ingin...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ada sembilan isu, dua dijawab dan tujuh belum dan saya minta tujuh yang belum itu dijawab secara bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum habis lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kata dah habis tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Ya lah, saya belum habis saya punya hujah terakhir.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey. Tujuh bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: So, di sini tentu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan kita akan mengambil kira dan mempertimbangkan hujah-hujah yang diberikan. Di sini semua teguran yang diberikan tentu akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai kementerian-kementerian yang terbabit. Sekali lagi saya mohon mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018.”]

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu Mesyuarat di tangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 14 Ogos 2018. Terima kasih semua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang]